



JEPUN:
Peluasankuasa

(

TOPIK-TOPIK DALAM SEJARAH ASIA


Ini ialah satu siri buku-buku kecil mengenai subjek-subjek utama sebuah sukatan pelajaran sejarah yang moden dalam sejarah Asia. Siri ini akan mengandungi judul-judul berikut:

- Burma : Pergerakan-pergerakan Nasionalis dan Kemerdekaan
- China : Kemerosotan Dinasti Manchu
- China : Imperialisme Barat dan Kesannya
- China : Revolusi, Nasionalisme dan Komunisme
- India : Nasionalisme dan Kemerdekaan
- Indonesia : Dasar Liberal-Etikal
- Indonesia : Perkembangan Nasionalisme
- Indonesia : Rodi Tanaman
- Jepun : Pemodenan
- Malaya : Perkembangan Masyarakat Majmuk
- Malaya : Reaksi Terhadap Kolonialisme – Nasionalisme
- Malaya dan British dalam Abad Kesembilan Belas
- Semenanjung Tanah Melayu : Penyatuan
- Siam : Pengekalan Kemerdekaan

JEPUN:
Peluasankuasa

Graham Saunders

M. A., Dip. Ed. (Adelaide)

Longman 

LONGMAN MALAYSIA SDN. BERHAD
Wisma Damansara, Jalan Semantan, Kuala Lumpur
25, First Lok Yang Road, Singapore 2262.

Syarikat-syarikat bersekutu, cawangan-cawangan
dan wakil-wakil di seluruh dunia

© Longman Malaysia Sdn. Berhad 1980

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan
ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran,
atau ditukarkan dengan apa-apa bentuk atau dengan alat
apa juapun, sama ada dengan cara elektronik, mekanik,
gambar, rakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran
daripada pemilik Hakcipta terlebih dahulu.

† Cetakan pertama 1980

ISBN 0 582 73312 X

M
952.03
CAU

Teks diset dalam 10/11 pt Press Roman (IBM).
Dicetak oleh Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor.

372382
APB

1 0 AUG 1985

Pustaka Negara
Malaysia

KATA PENGANTAR

Tujuan diadakan siri ini, TOPIK-TOPIK DALAM SEJARAH ASIA ialah untuk memasukkan di dalam sebuah buku kecil semua maklumat yang berkaitan dengan tiap-tiap subjek. Topik-topik itu merupakan topik-topik yang pada amnya disifatkan sebagai sangat penting di dalam sebarang kursus mengenai sejarah moden Asia, dan sebenarnya memberikan rangka untuk pembinaan sesuatu kursus itu.

Di dalam siri ini, perhatian khusus telah diberi kepada kuasa-kuasa besar serantau iaitu negeri China, Jepun dan India dan beberapa buah negara di Asia Tenggara yang dipilih seperti Indonesia dan Malaysia/Singapura. Kami percaya bahawa pelajar-pelajar yang membaca topik-topik ini, negeri demi negeri, akan memperolehi pengetahuan yang ditel yang akan membolehkan mereka mencapai kejayaan dalam Peringkat A Sijil Pelajaran Am, Sijil Tinggi Persekolahan atau peperiksaan-peperiksaan yang sama dengannya.

Siri ini ditulis mengikut kehendak-kehendak pelajar yang akan mengambil peperiksaan di peringkat ini. Buku-buku kecil ini tidak ditulis untuk memberi gambaran ringkas, rangka-rangka sejarah bagi negara-negara tertentu; tetapi ia melihat dengan mendalam mengenai perkara-perkara penting dan kadangkadang perkara-perkara kontroversial, masalah-masalah dan peristiwa-peristiwa yang menjejaskan tiap-tiap negara di dalam masa yang dikaji iaitu abad-abad kesembilan belas dan kedua puluh. Buku-buku kecil ini merupakan sumbangan-sumbangan yang serius terhadap kajian waktu itu, dan ianya didasarkan kepada sumber-sumber yang kemaskini dan memberikan pelajar yang giat satu dajjes tentang perkara-perkara semasa mengenai tiap-tiap topik.

Adalah sangat sukar untuk memasukkan di dalam sebuah buku rujukan satu sedutan yang lengkap bagi sejarah Asia abad

kesembilan belas dan kedua puluh kecuali buku itu sangat mahal; dan hanya sebilangan kecil penulis yang berani untuk mencuba berbuat demikian. Kesemua topik di dalam siri ini telah ditulis oleh guru-guru berpengalaman dan sedang mengajar yang tahu akan kehendak-kehendak pelajar pada peringkat ini dan faham akan banyaknya keterangan yang dikehendaki. Tiap-tiap pelajar terpaksa berhati-hati memilih buku dan sesiapa yang memilih buku kecil yang murah dalam siri ini akan mempunyai bahan yang murah yang akan membolehkan ia mengikuti dengan jayanya satu kursus sejarah Asia moden, yang hanya boleh didapati dalam buku-buku rujukan lain yang mahal. Tiap-tiap buku kecil ada mencadangkan bahan rujukan untuk bacaan tambahan kepada pelajar-pelajar yang ingin membuat pengkhususan sesuatu kawasan tertentu.

PENGHARGAAN

Gambar di kulit buku ini menunjukkan Tentera Jepun melalui pintu gerbang yang dibina berhampiran Seoul selepas kemenangan mereka di Asan, Korea.

Gambar ini dibekalkan oleh *BBC Hulton Picture Library*.

PENDAHULUAN

Pemodenan dan peluasankuasa negeri Jepun selepas pendedahannya kepada pengaruh-pengaruh Barat dalam tahun 1850an merupakan salah satu dari peristiwa-peristiwa utama dalam kurun yang lalu. Jepun bukan sahaja membuktikan bahawa sebuah negara yang kebelakangan dari segi teknologi dapat memperolehi kepakaran Barat, bahkan ia menunjukkan juga bahawa negara tersebut boleh menjadi sebuah kuasa dunia yang utama, setaraf, malah dapat menandingi mereka yang kononnya dipanggil Kuasa-kuasa Besar yang menguasai hal-ehwal dunia dalam separuh pertama kurun kedua puluh. Negeri Jepun menjadi inspirasi kepada pemimpin-pemimpin negara di lain-lain bahagian Asia; ia juga menjadi satu ancaman kerana Jepun kini mulai membentuk sebuah empayar bagi menandingi empayar Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah. Dalam kedua-dua hal ini, Jepun tidaklah boleh dipandang ringan, dan kejayaannya memberi tauladan untuk diikuti oleh negara-negara lain, samalah seperti tindakan-tindakannya yang melampau menimbulkan reaksi serta menjadi amaran.

Pada mulanya Jepun merupakan mangsa imperialisme Eropah dan Amerika. Tidak lama kemudiannya ia pula menjadi sebuah kuasa imperialis. Dalam Perang Pasifik tahun 1941-1945 ia menghancurkan imperialisme Eropah di Asia sebelum ia sendiri kehilangan empayarnya dalam pembalasan yang berikutnya. Essei ini mengesan perjalanan proses tersebut. Di sini, kita tidaklah mementingkan proses pemodenan itu sendiri. Yang lebih kita pentingkan ialah kebangkitan Jepun sebagai sebuah kuasa imperial. Bahagian pertama essei ini akan mengesan perjalanan peristiwa-peristiwa dan menumpukan perhatian terhadap beberapa adegan tertentu dalam peluasankuasa negeri Jepun serta cuba menerangkan setiap peringkat yang berlaku.

Bahagian kedua akan mencari sebab-sebab bagi peluasankuasa Jepun serta cuba menerangkan kenapa Jepun mengamalkan dasar peluasankuasa dan dasar imperialis. Adakah peluasan-kuasa termasuk dalam rancangan yang dibentuk oleh pemulih-pemulih Meiji yang memodenkan negeri Jepun? Atau adakah peluasankuasa suatu sambutan kepada peristiwa-peristiwa serta tekanan yang dialami oleh negeri Jepun? Adakah ianya merupakan gabungan kedua-dua sebab ini? Ujudkah, sebenarnya campuran kompleks segala sebab, peristiwa dan reaksi yang telah menimbulkan proses sejarah yang disebut kini sebagai peluasankuasa negeri Jepun?

KANDUNGAN

Kata Pengantar	v
Pendahuluan	vii
Bahagian Satu Peluasankuasa Negeri Jepun	1 - 4
Bahagian Dua Sebab-sebab bagi Peluasankuasa Negeri Jepun	45
Kronologi	73
Rujukan	84
Bacaan Lanjutan	85



PELUASANKUASA NEGERI JEPUN

1 Latarbelakang Peluasankuasa

Pada pertengahan tahun 1850an, negeri Jepun yang selama dua kurun hidup terpencil dari dunia luar, kini mendapati dirinya tercampak ke dalam dunia yang menentang keras usahanya untuk terus hidup sebagai sebuah negara bebas. Pemimpin-pemimpin Jepun sedar akan hal ini kerana pemencilan negeri Jepun sebelum lawatan Komodor Perry dalam tahun 1853 agak terlampau. Pihak Belanda dibenarkan meneruskan sebuah pusat perdagangan di Pulau Deshima yang terletak di Teluk Nagasaki. Setahun sekali sebuah kapal Belanda singgah di situ dengan muatannya yang berharga, dan setahun sekali orang-orang Belanda di Pulau Deshima dikehendaki mengadap Syogun Tokugawa di Edo dan memberi laporan tentang segala yang berlaku di dunia luar. Mulai tahun 1716 larangan yang dikenakan terhadap pembelajaran buku-buku asing telah ditarik balik dan menjelang pertengahan kurun kesembilan belas, sarjana-sarjana Jepun telah banyak menterjemah karya-karya ilmu alam, ketenteraan, perubatan dan sains, malah karya-karya mengenai senilukis Eropah juga, kesemuanya dari sumber-sumber Belanda. Mulai tahun 1644 Jepun juga mengadakan perdagangan dengan negeri China dan dari hubungan ini mereka memperolehi pengetahuan mengenai dunia luar. Pemimpin-pemimpin Jepun dapat mengikuti kemaraan Eropah di Asia Timur. Semasa 'Perang Candu' Inggeris-China dalam tahun 1839-42, pihak berkuasa Jepun telah menyoal dengan rapi penduduk Belanda di Pulau Deshima tentang tentera Inggeris yang terlibat. Mereka menunjukkan minat yang berlebihan terhadap kapal-kapal api British.¹

Dalam tahun 1792 sebuah rombongan Rusia yang diketuai oleh Adam Laxman telah tiba di Nemuro di Hokkaido

bersama dengan beberapa orang mangsa karam kapal Jepun dan meminta ditubuhkan hubungan perdagangan. Permintaan itu ditolak tetapi ini merupakan satu amaran akan minat Rusia di Asia Timur termasuklah negeri Jepun sendiri. Ketibaan anak-anak kapal Amerika yang kekaraman di pantai Jepun merupakan amaran bahawa sebuah lagi kuasa menjejak Lautan Pasifik; pada tahun 1837 kapal Amerika *Morrison*, yang cuba menubuhkan hubungan dengan pihak berkuasa Jepun dan memulangkan beberapa mangsa karam kapal Jepun, telah diusir dengan tembakan meriam. Bukan ini sahaja tanda-tanda minat Barat terhadap negeri Jepun. Dalam tahun 1795 penjelajah British, Broughton, telah memeta sebahagian dari pantai Jepun dan melawat Hokkaido, sementara dalam tahun 1804 pihak Rusia sekali lagi telah cuba menubuhkan hubungan dan apabila dutanya Nicholai Rezanov gagal berbuat demikian, mereka menyerang Sakhalin dalam tahun 1806-7. Pada tahun 1844, 1847 dan 1852, pihak Belanda yang bertindak sebagai pendamai telah cuba memujuk Jepun bahawa lambat-laun ia akan mengalami nasib yang sama dengan negeri China. Tawaran-tawaran Belanda telah ditolak oleh Jepun, tetapi apabila Komodor Perry tiba di Teluk Edo dalam bulan Julai tahun 1853 dan menyerahkan surat Presidennya yang meminta penubuhan hubungan dagangan serta layanan yang lebih baik bagi mangsa-mangsa kapal karam Amerika, Kerajaan Syogun sedar bahawa tidak ada gunanya ia terus menentang.

Selama dua puluh tahun berikutnya Jepun mengalami revolusi tiga-bentuk. Hubungan dengan kuasa-kuasa asing telah ditubuhkan berdasarkan syarat-syarat yang menghina kebanggaan Jepun, tetapi terpaksa diterima kerana perlu. Dari segi politik, kuasa bertukar dari Kerajaan Syogun kepada kerajaan baru yang berpusat kepada Maharaja dan disokong oleh suku-suku barat yang menjadi semakin penting iaitu suku-suku Satsuma, Choshu, Hizen dan Tosa. Dari segi ekonomi dan sosial pula, langkah-langkah pertama bagi membentuk negeri Jepun yang moden dan berperindustrian telah diambil.

Bagaimana pun, beberapa perkara tidak berubah. Jepun telah mengalah kepada kuasa yang lebih handal tetapi ia kenal akan sumber kuasa yang ditunjukkan oleh negara-negara Barat itu. Bukanlah suatu perkara yang menghairankan bahawa

mereka menghormati kegagahan tentera dan mengkagumi senjata Barat yang lebih handal: orang Jepun mempunyai tradisi ketenteraan mereka sendiri yang kuat dan mereka mempunyai persamaan dengan orang Eropah dari segi kehormatan yang turun-temurun diberi kepada satria. Yang lebih penting lagi, mereka sedar bahawa kekuatan tentera Barat adalah hasil dari satu susunan ekonomi dan sosial yang pada dasarnya berbeza dari yang terdapat di Jepun Tokugawa. Oleh itu, pemimpin-pemimpin Jepun dengan penuh semangat telah memajukan perubahan-perubahan sosial dan ekonomi yang akan membolehkannya menguruskan penduduknya dalam satu usaha kebangsaan bagi membangunkan dasar kewangan dan perindustrian yang kukuh. Namun begitu, usaha kebangsaan ini disokong dan dipimpin oleh orang-orang yang sedar akan pentingnya tradisi dan bekerja rapat dengan Maharaja iaitu simbol negara yang paling tradisional dan berkuasa.

Maharaja dan golongan bangsawan istana adalah tokoh-tokoh penting di negeri Jepun yang baru ini, sungguhpun orang-orang yang membuat keputusan sebenar serta melaksanakan kuasa-kuasa pentadbiran negara datangnya dari golongan samurai suku-suku barat. Kebanyakan dari mereka ini telah lama meninggalkan kehidupan mereka yang semata-mata berbentuk tentera dan telah melibatkan diri dalam pentadbiran dan pembangunan ekonomi tanah suku mereka sendiri serta berkhidmat dengan daimyo atau pembesar feudal mereka. Mereka ini diikati oleh kesetiaan suku yang kukuh, sekukuh kesetiaan mereka kepada Maharaja dan kepada konsep sebuah negara Jepun yang berkuasa dan moden. Feudalisme telah hapus, tetapi kesetiaan feudal dan satu pola perhubungan antara individu memaut dan menguatkan golongan pemerintah. Rakyat juga masih menaruh kesetiaan kepada Maharaja dan pemimpin-pemimpin di sisinya. Kesetiaan ini digalakkan dan dipentingkan lagi apabila pemimpin-pemimpin tersebut menekankan tentang peranan Maharaja sebagai simbol yang hidup bagi negara dan rakyat Jepun. Kesetiaan rakyat, keakuran mereka serta kebolehan mereka untuk bekerja keras dan sifat pengorbanan mereka dihalakan ke arah tujuan baru negara membina negeri Jepun yang kuat.

Tetapi tidak semua anasir konservatif memahami polisi

yang diambil oleh pemimpin-pemimpin Pengambilan Kuasa Meiji. Dalam bulan November 1867, Syogun Tokugawa yang terakhir, Keiki, telah meletak jawatan dan Maharaja Meiji mengambil kuasa terus ke atas negara pada bulan Januari 1868. Tentangan Tokugawa akhirnya dihapuskan dalam bulan Julai 1868, dan dalam bulan November tahun itu, pemindahan Maharaja ke Edo, kini diberi nama baru Tokyo, merupakan kemenangan bagi rejim baru itu. Tetapi tentangan tetap ujud secara terselindung. Pada tahun 1877, bekas golongan samurai yang kerugian dari segi kewangan dan martabat sosial akibat perubahan-perubahan yang dibuat itu, telah memberontak dengan diketuai oleh Saigo Takamori iaitu seorang suku Satsuma. Mereka dikalahkan oleh tentera yang baru dikerah. Namun begitu, tradisi samurai terus hidup dan diterima menjadi sebahagian daripada disiplin dan semangat angkatan tentera yang baru itu. Tambahan pula, adalah jelas bahawa matlamat Kerajaan Meiji tidak berbeza dari matlamat pihak konservatif mengenai satu issue asas – kemerdekaan dan kedaulatan penuh yang telah diserahkan kepada orang-orang asing di bawah persetujuan-persetiaan yang ditandatangani dalam tahun 1850an. Pemimpin-pemimpin Jepun berazam bahawa Jepun mesti diterima sebagai ahli penuh dan setaraf dengan negara-negara lain dalam masyarakat antarabangsa yang dikuasai oleh kuasa-kuasa Barat. Mereka sedar bahawa di Barat, martabat sesebuah negara diukur dari segi kekuatan tentera dan pemilikan tanah jajahan. Dalam tahun-tahun 1880an, kuasa-kuasa Eropah telah mula mengamalkan 'Imperialisme Baru', usaha memperolehi tanah-tanah jajahan di Afrika dan Asia bagi mendapatkan bahan mentah dan pasaran untuk ekonomi perindustrian Barat serta untuk memuaskan rasa bangga negara. Negeri Jepun berazam menyertai negara-negara tersebut. Ini adalah satu polisi yang dapat diterima oleh semua orang Jepun.

2 Langkah-langkah Pertama

Penjelajahan Jepun Meiji yang pertama ke luar negeri berlaku tidak lama selepas Pengambilan Kuasa. Ianya bertujuan untuk mengenakan kedaulatan Jepun ke atas wilayah-wilayah serta untuk memenuhi permintaan golongan samurai yang tidak

puas hati supaya peranan tradisi mereka sebagai kesatria dihidupkan semula. Orang yang memperjuangkan permintaan samurai ini ialah Saigo Takamori. Dalam tahun 1872, kerajaan Jepun telah menghantar utusan ke Korea bagi merundingkan suatu persetujuan tetapi utusan itu gagal. Dalam tahun berikutnya, ketika kebanyakan Menteri Jepun sedang dalam lawatan ke Eropah, Saigo mendesak supaya dihantar sebuah angkatan tentera ke Korea bagi memperolehi persetujuan secara paksa, atau sekurang-kurangnya dengan ancaman tindakan paksa. Ketua utusan ke seberang laut, Putera Iwakura, telah segera pulang ke Jepun dan meyakinkan Maharaja agar rancangan itu ditentang dan sebaliknya ditumpukan usaha terhadap pemulihan dan pembangunan dalam negeri. Saigo dan penyokong-penyokongnya meletak jawatan dari kerajaan. Dalam tahun 1874 satu kebangkitan tentera yang mendesak untuk diadakan perang dengan Korea telah dihapuskan. Walau bagaimanapun, satu kesempatan untuk menghantar sebuah angkatan ke Formosa (Taiwan) telah timbul apabila penduduk di situ membunuh 54 orang dari sekumpulan 66 orang nelayan dari Pulau-pulau Ryukyu (juga dikenali sebagai pulau-pulau Liuchu) yang telah hanyut ke pantai Formosa. Melalui suku Satsuma, negeri Jepun telah mengenakan pertuanan yang kurang jelas ke atas pulau-pulau Ryukyu. Ketika itu Formosa terletak di bawah pertuanan negeri China tetapi apabila China tidak bertindak menghukum pembunuh nelayan-nelayan tersebut, Jepun telah menghantar angkatan dalam tahun 1874. Dari segi ketenteraan, cara angkatan ini bertindak tidaklah mengkagumkan. Tetapi dengan jalan ini, Jepun telah memperteguhkan tuntutan ke atas pulau-pulau Ryukyu, yang kemudiannya menjadi sebahagian negeri Jepun dan dikenali sebagai Prefecture Okinawa.

Dalam tahun 1875, satu persetujuan dicapai dengan Rusia yang mengakui kedudukan Rusia di Sakhalin. Pada masa yang sama, ia mengakui kedaulatan Jepun ke atas pulau-pulau Kurile yang juga diduduki oleh Rusia. Tuntutan Jepun ke atas pulau-pulau Bonin diiktiraf oleh kuasa-kuasa lain dalam tahun 1876 dan pulau-pulau itu dijadikan sebahagian daripada daerah pentadbiran Tokyo dalam tahun 1880. Seterusnya, selepas meriam-meriam di pantai Korea menembak sebuah kapal peninjau

Jepun, Jepun telah mengadakan persetiaan dengan Korea. Persetiaan ini telah membuka negeri Korea kepada perdagangan asing buat pertama kalinya. Oleh kerana Perancis dan Amerika Syarikat telah gagal dalam usaha yang sama, kejayaan Jepun mengadakan persetiaan itu telah menaikkan martabat Jepun. Setakat ini, kejayaan Jepun hanyalah dalam usahanya menubuhkan kedaulatannya ke atas kepulauan-kepulauan yang berhampiran dengannya di mana ia dapat melaksanakan hak-hak tradisi dan sejarahnya.

Sepanjang tahun-tahun ini, minat Jepun yang utama ialah mengadakan pemulihan dan pembangunan semula dalam negeri. Selepas lawatannya ke luar negeri, utusan Iwakura sedar bahawa Jepun bukan sahaja kemunduran dari segi teknologi dan perindustrian malah ia juga perlu menyusun semula institusi-institusi ekonomi dan kewangannya serta memperkenalkan pemulihan undang-undang dan sosial. Utusan itu telah meminta dikaji semula persetiaan-persetiaan yang telah ditandatangani di antara Jepun dengan kuasa-kuasa Barat. Jepun menganggap sebagai memalukan, persetiaan-persetiaan yang 'tidak adil' ini, tidak adil kerana ianya ditandatangani secara paksa. Persetiaan-persetiaan ini menghadkan kedaulatan Jepun dan mempunyai implikasi bahawa negeri Jepun dan rakyatnya adalah rendah tarafnya. Hal ini benar bagi hak wilayah asing di mana orang-orang asing di negeri Jepun tertakluk kepada undang-undang mereka sendiri dan bukannya undang-undang Jepun dan mereka ini tidak boleh dibicarakan di mahkamah Jepun. Jadi, pemodenan termasuklah menyusun sistem undang-undang Jepun supaya sejajar dengan sistem Barat. Dengan ini, barulah persetiaan-persetiaan tersebut dapat dikaji semula bagi memuaskan kehendak Jepun.

Kajian semula persetiaan ini kebanyakannya tercapai menjelang akhir kurun itu. Dalam tahun 1894, perjanjian perdagangan Inggeris-Jepun telah memperkenalkan satu susunan tarif yang baru yang lebih menguntungkan negeri Jepun dan mengakibatkan Britain menyerah hak-hak wilayah asingannya pada tahun 1899. Kuasa-kuasa lain juga digesa mengikut contoh Britain dan menyerahkan hak wilayah asing mereka dalam tahun yang sama juga. Dengan ini terhapuslah apa yang dianggap oleh orang Jepun sebagai sifat paling mencela sistem persetiaan itu. Dalam

tahun 1911, langkah terakhir tercapai apabila Jepun mencapai semula autonomi tarif penuh, iaitu ia mempunyai hak menetapkan struktur tarifnya sendiri tanpa rundingan dengan kuasa-kuasa lain, tetapi dari segi kebanggaan negara, penyerahan hak-hak wilayah asing oleh kuasa-kuasa besar dalam tahun 1899 menandakan pengiktirafan mereka terhadap negeri Jepun sebagai ahli setaraf masyarakat antarabangsa.

Ini mungkin tidak berlaku tanpa pemulihan-pemulihan dalam negeri yang diperkenalkan oleh rejim Meiji, terutama sekali pemulihan sistem undang-undang. Tetapi keadaan terhormat Jepun di mata dunia banyak bergantung kepada kemunculannya sebagai kuasa tentera yang hebat, seperti yang ditunjukkan oleh kemenangannya ke atas negeri China dalam tahun 1894-1895.

3 Soal Korea dan Perang China-Jepun

Semenanjung Korea merupakan bahagian tanah besar Asia yang terdekat sekali dengan negeri Jepun. Ada kalanya ketika Jepun menjalankan dasar luar negeri yang aktif, ia telah mengalihkan perhatiannya terhadap Korea. Menjelang akhir tempoh pemencilannya, sarjana dan negarawan Jepun yang telah mempelajari melalui orang Belanda di Deshima tentang kuasa-kuasa Eropah dan Amerika Syarikat, mula menimbang-nang bagaimana menghadapi ancaman tersebut. Setengahnya pula berpendapat bahawa Jepun patut menamatkan pemencilannya dan mula memainkan peranan yang aktif di Asia Timur.

Mungkin orang yang paling penting sekali di antara mereka yang berpendapat demikian ialah Yoshida Shoin (1830-1859). Pengaruhnya ke atas generasi berikutnya sangatlah besar. Di antara mereka yang mendapat inspirasi darinya termasuklah negarawan Putera Ito dan pembentuk tentera moden Jepun, General Yamagata. Yoshida percaya bahawa Jepun mestilah mempelajari daripada orang-orang asing sekiranya ia mahu mempertahankan dirinya dari mereka. Ia juga yakin Jepun mestilah muncul dari keadaan terpencilnya dan meluaskan wilayahnya hingga termasuk Kamchatka, pulau-pulau Kurile dan sebahagian dari Manchuria dan Formosa. Korea patut menjadi negeri uftian. Hokkaido patut dimajukan dan pulau-

pulau Ryukyu dijadikan sebahagian negeri Jepun. Dengan berpengkalankan wilayah seperti ini, negeri Jepun yang lebih bersemangat akan dapat menentang pencerobohan kuasa-kuasa asing.

Ini merupakan pernyataan semula dasar seorang kesatria kurun keenam belas yang bernama Hideyoshi. Hideyoshi telah menamatkan perang saudara yang berlangsung satu kurun lamanya dan melalui kerajaan yang tegas serta kebijaksanaan menadbir, beliau telah memulihkan dan memperkukuhkan negeri Jepun. Beliau kemudiannya telah mengalihkan perhatiannya kepada penaklukan negeri Korea sebagai batu loncatan ke arah penaklukan negeri China. Dalam tahun 1592 dan sekali lagi dalam tahun 1596, Jepun melanggar Korea. Setiap kali, Jepun kehilangan kuasa di laut, barisan bekalannya terputus dan tenteranya dikalahkan oleh pihak Korea dan China. Tauladan dari kempen-kempen Hideyoshi ini tidak dilupakan. Sebelum Jepun dapat bertempur di tanah besar Asia, ia mestilah membina tentera lautnya dahulu supaya tentera daratnya tidak akan terputus hubungan seperti yang telah berlaku dalam kurun keenam belas.

Kenangan mengenai serangan-serangan Mongol dalam tahun 1274 dan 1281 juga mempengaruhi cara orang Jepun berfikir serta mengarahkan perhatian mereka terhadap Korea. Serangan-serangan Mongol ini dilancarkan dari Korea. Tetapi serangan-serangan itu gagal, sebahagiannya disebabkan oleh pertahanan habis-habisan oleh pihak Jepun, dan sebahagiannya disebabkan oleh ribut yang memukul dan memecahkan angkatan Mongol. Peristiwa ini mengesahkan pada mata orang Jepun satu lagi konsep mengenai Korea, iaitu Korea dianggap sebagai 'pisau yang dihalakan ke arah dada Jepun.' Jelaslah bahawa pada ketika Jepun bersedia untuk melaksanakan dasar luar negeri berbentuk peluasankuasa yang aktif, Korea akan menjadi unsur penting dalam rancangannya.

Korea terletak di bawah pertuanan negeri China tetapi ini lebih melibatkan perhubungan negeri ufti dan tidak melibatkan campur tangan China dalam hal-hwal negeri Korea. Bagaimanapun, dalam persetujuan tahun 1876 antara Jepun dengan Korea, dalam fasal pertamanya terdapat kenyataan penting: 'Korea, sebagai sebuah negeri merdeka, menikmati

hak-hak berdaulat yang sama seperti negeri Jepun². China lambat menyedari implikasi kenyataan ini dan tidak membantah, mungkin disebabkan mereka tertipu oleh persetiaan mereka sendiri dengan Jepun (disahkan dalam tahun 1873) yang menyebut tentang tindakan sama-sama tidak menceroboh wilayah kepunyaan masing-masing. Pertuanan China kini mula lemah. Ianya terus diperlemahkan apabila Amerika Syarikat dan kuasa-kuasa Eropah mengikuti contoh Jepun dan mengadakan persetiaan dengan Jepun sebagai sebuah negeri merdeka.

Kepuakan di kalangan istana Korea memberi kesempatan kepada Jepun untuk memperolehi pengaruh. Tidak dapat tiada, ini membuatkan mereka berselisih dengan China apabila China sedar bahawa kepentingan-kepentingannya di Korea terancam.

Pemerintah yang menaiki takhta Korea dalam tahun 1863 ialah seorang kanak-kanak lelaki berumur dua belas tahun, anak kepada orang yang dikenali sebagai Taiwonkun yang menjadi Pemangku Raja. Taiwonkun ini telah mengatur perkahwinan anaknya dengan seorang ahli keluarga Min. Jelaslah bahawa beliau berharap akan terus menguasai Raja yang muda itu walaupun selepas ianya mencapai umur untuk memerintah sendiri dalam tahun 1873. Walau bagaimanapun, Permaisuri yang kuat kemahuaannya, menentang pengaruh Taiwonkun.

Permaisuri dan puak Min mahukan pemodenan Korea dengan dibantu oleh Jepun. Ini ditentang oleh puak Taiwonkun. Pada tahun 1882, Taiwonkun telah menyusun satu pemberontakan dengan menggunakan kesempatan yang timbul dari penderitaan akibat kebuluran dan rasa tidak puas hati askar-askar tentera lama yang telah dipecat jawatan dan diganti dengan tentera yang dilatih oleh Jepun. Dalam pemberontakan ini, istana telah diserang dan Permaisuri dapat menyelamatkan diri hanya dengan menyamar diri, dan Pejabat Perwakilan Jepun telah dibakar. Orang-orang Jepun di pejabat perwakilan ini berjuang untuk menyelamatkan diri mereka dan kembali tiga minggu kemudiannya bersama satu angkatan tentera. Kerajaan Korea bersetuju membuat bayaran pampasan, menghukum perusuh-perusuh, memberi pengkebumian kehormatan kepada mangsa-mangsa Jepun dan mengadakan keutamaan perdagangan yang lebih luas lagi. China juga campur tangan dan membawa Taiwonkun ke negeri China.

Kerajaan China yang bimbang melihat pengaruh Jepun yang semakin meningkat di Korea, mengambil keputusan mendesak semula tuntutananya sebagai kuasa pertuanan. Li Hung-chang, Wizurai di Tientsin, diberi tugas menguruskan dasar baru China terhadap Korea. Li telah menghantar Yuan Shih-kai sebagai wakil China ke istana Korea di Seoul, ibu negerinya. Yuan mendesak keulungan negaranya berbanding dengan wakil wakil dari lain-lain kuasa asing dan dengan itu pengaruh Cina meningkat. Langkah-langkah untuk menyatukan perkhidmatan kastam negeri China dan Korea telah diambil. Dengan ketiadaan Taiwonkun, permaisuri mengubah pendiriannya dan menerima hubungan dengan negeri China. Parti pemodenan yang kita kenali sebagai parti Progresif yang diketuai oleh seorang bangsawan bernama Kim Ok-kiun, merasa bimbang melihat akan arah tujuan peristiwa-peristiwa tersebut. Ia telah meminta bantuan Jepun dalam satu percubaan menggulingkan kerajaan. Dalam cubaan rampaskuasa bulan Disember 1884, parti Progresif telah menawan Raja dan memaksanya membuat beberapa dikri memodenkan negara. China telah campur tangan dan mengusir parti Progresif serta orang Jepun keluar dari Seoul. Walau bagaimanapun, tumpuan pihak China terhalu kepada peperangan menentang Perancis di Tongking dan ia tidak dapat menghalang Jepun daripada memperolehi ganti rugi dari Korea dalam bulan Januari 1885.

Jepun dan China kedua-duanya tidak bersedia untuk berperang bagi mendapatkan Korea. Dalam bulan April 1885, Li Hung-chang dan Count Ito menandatangani di Tientsin apa yang kemudiannya dikenali sebagai Perjanjian Li-Ito. China dan Jepun bersetuju mengundurkan tentera mereka dari Korea dalam tempoh masa empat bulan. Sekiranya mana-mana di antara kedua kuasa ini merasakan perlu dihantar askar ke Korea, maka ia akan memberitahu pihak yang lagi satu terlebih dahulu. Angkatan tentera Korea akan dipermodenkan di bawah arahan suatu kuasa lain selain dari China dan Jepun. Syarat-syarat perjanjian ini melemahkan kedudukan China sebagai kuasa pertuanan tetapi China nampaknya tidak sedar akan hal ini.

Memang benar pengaruh Cina di istana Korea meningkat dalam tahun-tahun berikutnya. Setengah daripada ahli parti

Progresif terbunuh dalam tahun 1884 dan yang lainnya melarikan diri ke Jepun. Jepun tidak lagi digemari di Korea kerana penglibatannya dalam cubaan rampaskuasa itu. Kerajaan Korea telah mengambil penasihat-penasihat tentera dari Rusia dan ini membimbangkan kedua-dua China dan Jepun. Bantahan-bantahan mereka menyebabkan orang-orang Rusia ini dihantar balik. Yuan Shih-kai membawa balik Taiwonkun ke Korea bagi menentang puak pro-Rusia. Yuan terus mewakili negeri China dan mengenakan pertuanan China ke atas Korea. Sementara itu, pihak Jepun bagaimanapun, telah meneruskan rancangannya sendiri menyusun semula tentera. Kemenangan Jerman ke atas pihak Perancis dalam perang Perancis-Prussia tahun 1870-1871 telah menarik perhatian Jepun dan dalam tahun 1880an, Jepun menjemput penasihat-penasihat Jerman untuk menggantikan penasihat-penasihat Perancis. Seorang mejar Jerman bernama Jacob Meckel telah tiba dalam tahun 1885 untuk bertugas sebagai jurulatih di universiti tentera Jepun dan dalam tahun 1891 buku latihan tenteranya disemak semula mengikut contoh Jerman. Tenteranya dilengkapi dengan meriam moden dan senjata kecil yang kini dibuat di Jepun. Angkatan lautnya yang dibentuk mengikut contoh angkatan laut Britain dilengkapi dengan baik dan terlatih pula. Menjelang tahun 1894, Jepun mampu untuk mencabar China.

Perasaan anti-China dan anti-Korea telah timbul di Jepun dengan berlakunya pembunuhan Kim Ok-kiun. Kim telah melarikan diri ke Jepun selepas rampaskuasa yang gagal dalam tahun 1884. Beliau telah terus menjalankan komplot menentang kerajaan Korea. Dalam tahun 1894 beliau telah diumpan pergi ke Shanghai dan dibunuh oleh seorang ejen Korea. Mayatnya dibawa pulang ke Korea dengan sebuah kapal Cina. Kepala serta badan mayat itu dikerat-kerat, kemudian bahagian-bahagian yang terkerat itu dipamerkan kepada khalayak ramai di seluruh negeri sebagai amaran kepada pemberontak-pemberontak. Orang Jepun yang telah memberi perlindungan kepada Kim menganggap ini sebagai satu penghinaan.

Kebangkitan Tongkak, sebuah taifah agama, memberi alasan untuk campur tangan di Korea. Kerajaan Korea meminta bantuan China sebagai dipertuan mereka untuk menghancurkan pemberontakan ini. China menghantar tentera ke Korea dan

memberitahu Jepun tentang langkah ini seperti yang dikehendaki di bawah Perjanjian Li-Ito. Jepun pula menghantar angkatan yang lebih besar. Sementara itu kerajaan Korea telah menghancurkan pemberontakan itu tanpa bantuan mana-mana pihak. Namun begitu, kedua-dua China dan Jepun enggan mengundurkan tentera masing-masing. Cadangan kerajaan Korea supaya pengunduran bersama diadakan telah ditolak oleh Jepun. Dalam bulan Jun, Jepun mencadangkan kepada China agar kedua-duanya bersama memulihkan pentadbiran dan kewangan Korea. Cadangan ini ditolak oleh China dan dalam bulan Julai, pihak Jepun menahan keluarga diraja di Pejabat Perwakilan Jepun dan seterusnya melantik seorang pemangku raja boneka. China dan Jepun terus menambah askar mereka di Korea dan pada 25hb. Julai, kapal pembawa askar China yang bernama *Kowshing* telah ditenggelamkan oleh sebuah kapal tentera laut Jepun. Pemangku Raja boneka Korea telah mengisytiharkan perang terhadap China dan meminta sokongan Jepun. China dan Jepun telah mengisytiharkan perang pada bulan Ogos 1894.

Jepun telah mempelajari dengan lebih baik lagi contoh peperangan Barat. Angkatan laut China telah dikalahkan dalam pertempuran Yalu dalam bulan September dan Jepun menguasai lautan. Menjelang bulan Oktober, tentera Jepun telah menyeberangi sungai Yalu dan memasuki Manchuria. Dalam bulan November, pengkalan tentera laut China di Port Arthur telah ditawan. Dalam bulan Februari 1895 kota-kota di Weihaiwei di Shantung telah ditawan dan saki-baki tentera laut China pun menyerah diri. China menuntut perdamaian. Pada 17hb. April 1895, Persetiaan Shimonoseki telah ditandatangani.

Kalau tidak kerana peristiwa wakil China Li Hung-chang dicerderakan oleh seorang fanatik Jepun, maka sudah tentu syarat-syarat persetiaan ini lebih merugikan negeri China. Namun begitu syarat-syaratnya tetap ketat. Formosa, pulau-pulau Pescadores dan semenanjung Liaotung (di mana terletak Port Arthur) diserahkan kepada Jepun. Di samping itu pampasan sebanyak 200 juta tael dikenakan, empat buah pelabuhan China yang baru dibuka untuk perdagangan dan China menyerahkan pertuanannya ke atas Korea yang kini diiktiraf sebagai negeri merdeka. Sebuah perjanjian perdagangan tambah-

an ditandatangani dalam bulan Julai 1896. Perjanjian ini memberi kepada Jepun keistimewaan di negeri China setaraf dengan keistimewaan yang diperolehi oleh kuasa-kuasa Barat. Jepun juga memperoleh hak menubuhkan industri di pelabuhan-pelabuhan persetiaan (hak ini diperluaskan bagi meliputi kuasa-kuasa persetiaan yang lain oleh kerana fasal 'negara yang paling disukai' yang terkandung dalam persetiaan mereka dengan China.)

Kemenangan Jepun bukan sahaja telah meninggikan martabat Jepun; ia juga telah menjadikan Jepun lawan kuasa-kuasa Eropah di negeri China, terutama sekali penyerahan semenanjung Liaotung yang mengancam kepentingan Rusia. Rusia, Perancis dan Jerman mengemukakan permintaan bersama agar Jepun mengembalikan semenanjung itu kepada China dengan alasan bahawa selagi ianya berada dalam tangan Jepun maka ibu negeri China terancam. Oleh kerana tidak ada jalan lain lagi, Jepun terpaksa mengalah. Sebagai ganti rugi Jepun menerima bayaran tambahan sebanyak 30 juta tael. Peristiwa ini yang dikenali sebagai 'Pengantaraan Tigapihak' menimbulkan marah di Jepun, lebih-lebih lagi apabila tiga tahun kemudian, Rusia memperoleh dari China pajakan Semenanjung tersebut sementara negeri Jerman pula memperoleh beberapa penguluran di Shantung.

Jepun juga telah kehilangan keuntungan yang mereka peroleh di Korea. Count Inouye, Residen Jepun di Seoul, telah mula mendesak kerajaan Korea mengadakan pemulihan. Kerajaan Korea enggan berbuat demikian tetapi Inouye berjaya mengelakkan timbulnya permusuhan. Tidak lama kemudiannya, beliau dipanggil balik ke Jepun dan penggantinya Leftenan-Jeneral Viscount Miura, seorang yang angkuh dan tidak penyabar, telah menyusun satu rampaskuasa pada 8hb. Oktober 1895. Dalam rampaskuasa ini, istana diserang dan permaisuri serta ramai penyokongnya dibunuh. Keutuhan Jepun tidak tahan lama. Dalam tahun 1896, satu kebangkitan telah berlaku lagi dan raja mengambil kesempatan ini untuk melarikan diri ke Pejabat Perwakilan Rusia. Baginda mendapat perlindungan Rusia selama setahun dan dalam masa itu pengaruh Rusia menjadi penting. Kerajaan Jepun bertambah marah lagi kerana ia sendiri tidak tahu-menahu tentang rancangan Miura. Tindakan

Miura telah memarakkan perasaan anti-Jepun di Korea dan membuat Korea lari ke pangkuan Rusia.

Jadi, Perang China-Jepun itu mengecewakan Jepun. Sungguhpun mereka telah memperolehi Formosa dan pulau-pulau Pescadores, tetapi pemulangan semenanjung Liaotung kepada China dianggap sebagai penghinaan terhadap negara. Tambahan pula, dengan bertambahnya pengaruh Rusia di Korea selepas campur tangan Viscount Miura yang tidak bijak itu, Jepun telah kehilangan apa yang diperolehinya dengan cara berperang iaitu Korea yang merdeka yang melaksanakan dasarnya di bawah pimpinan Jepun dan memberatkan Jepun dalam hubungan asingnya. Sebaliknya, Korea lebih-lebih lagi merupakan pisau yang menghala ke dada Jepun, dan tangan yang memegang pisau itu ialah tangan Rusia. Penduduk Jepun yang kuat semangat ketenteraannya menganggap Korea sebagai langkah pertama dalam pengembangan wilayah Jepun. Sekarang, penduduk yang sederhana sifat kebangsaannya sekalipun sedar akan ancaman kepada keselamatan Jepun akibat dari kehadiran Rusia di Seoul. Kehadiran Rusia ini lebih membimbangkan lagi apabila Rusia memperolehi pajakan kepada semenanjung Liaotung dan mula membangunkan Port Arthur menjadi pengkalan tentera laut yang utama.

4 Perang Rusia-Jepun

Melihat kepada kelemahan China yang ditunjukkan dalam perang China-Jepun, tidak hairanlah bahawa dasar peluasan-kuasa Jepun bertembung dengan dasar peluasan-kuasa Rusia yang telah banyak mengumpul wilayah dengan merugikan negeri China. Dalam tahun 1858, apabila China mengalami desakan dari British dan Perancis, Rusia telah bertindak sebagai pendamai yang memberatkan China dan sebagai balasan, Persetiaan Aigun telah diadakan. Di bawah Persetiaan ini China mengiktiraf kawasan ke utara sungai Amur sebagai kepunyaan Rusia. Seterusnya, China telah memberi kepada Rusia kawalan bersama Wilayah Kelautan ke timur Sungai Ussuri hinggalah ke selatan, ke sempadan Korea. Di bawah Persetiaan Peking, iaitu selepas Peking diduduki oleh tentera British dan Perancis dan negeri China tidak berkuasa lagi, Rusia telah memperolehi

milik penuh ke atas Wilayah Kelautan itu. Rusia dengan segera mula membangunkan Vladivostok sebagai pengkalan tentera lautnya di Pasifik. Ancaman terhadap Jepun menjadi lebih jelas lagi dalam tahun 1861 apabila Rusia cuba menduduki pulau Tsushima yang terletak di selat antara Korea dan Jepun. Bantahan daripada pihak British menyebabkan Rusia menarik balik garrisonnya tetapi peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa Rusia merupakan ancaman kepada cita-cita Jepun di tanah besar dan seterusnya ancaman kepada keselamatan Jepun sendiri.

Pada tahun 1895 Rusia telah memperolehi persahabatan China hasil dari Pengantaraan Tigapihak yang mengusir Jepun dari Semenanjung Liaotung. Sebagai balasannya, Rusia mendapat kebenaran untuk meneruskan pembinaan jalan keretapi merentas Siberia, iaitu merentasi utara Manchuria hingga ke Vladivostok. Persetujuan juga dicapai untuk bekerjasama dengan China dalam pembinaan jalan keretapi di Manchuria. Rusia mendapat milik-milik yang baru dalam 'rebutan mendapatkan penguluran' di mana Kuasa-kuasa Eropah mencari keistimewaan-keistimewaan yang lebih di negeri China, dengan tiap kuasa berusaha untuk memajukan lagi kepentingannya sambil menghalang kepentingan lawannya. Dalam tahun 1898, negeri Jerman memperolehi penguluran di Semenanjung Shantung. Dengan itu, Rusia pula meminta pajakan Semenanjung Liaotung, menduduki Port Arthur, memperolehi penguluran lombong di Manchuria dan memulakan sambungan sistem keretapinya ke selatan hingga ke Port Arthur. Britain memperolehi pajakan ke atas pelabuhan Weihaiwei. Pajakan ini akan berlaku selagi Rusia memiliki Port Arthur. Britain juga mendapat pengiktirafan terhadap kedudukannya yang istimewa di lembah Yangtze dan China tengah dan terhadap kuasanya ke atas Perkhidmatan Kastam Laut China. Britain juga memperolehi pajakan ke atas New Territories yang terletak di belakang Kowloon. Perancis memperolehi lingkungan pengaruh di Yunnan dan di selatan. Rebutan mendapatkan penguluran ini hanya dihentikan oleh China apabila Itali, sebuah kuasa Eropah yang tidak penting, cuba menuntut bahagian dalam pemberian penguluran ini. Sementara itu Amerika Syarikat menyuarakan bantahannya terhadap pemecahan negeri China seperti ini sungguhpun ia mesti menerima keujudan lingkungan pengaruh.

Dalam tahun 1899, Amerika Syarikat mencadangkan dasar Pintu Terbukanya dengan mana kemasukan perdagangan ke negeri China tidak akan dihalang, walaupun lingkungan-lingkungan pengaruh itu akan terus wujud.

Tindakan ini dipandang dengan iri hati dan bimbang oleh pemimpin-pemimpin Jepun. Oleh kerana Jepun telah tidak diberi Semenanjung Liaotung dan dihalang masuk ke kawasan yang dianggapnya sebagai lingkungan kepentingan yang sah baginya, Jepun marah akan kemasukan Eropah ke rantau itu. Minat Jepun ditunjukkan apabila ia menghantar sebuah angkatan yang besar untuk mengambil bahagian dalam angkatan bersatu Boxer. Tindakan ini membawa kepada pendudukan Peking dalam tahun 1900 dan penyelamatan pejabat-pejabat perwakilan asing di situ. Kelakuan askar-askar Jepun mendapat penghormatan antarabangsa dan berbeza dari kebuasan dan kekurangan disiplin di kalangan setengah daripada kontingen-kontingen Eropah.

Rusia menggunakan Kebangkitan Boxer sebagai alasan untuk menduduki Manchuria, kononnya untuk melindungi milik keretapinya dan menjaga keamanan. Apabila pihak Boxer dikalahkan, Rusia mendapat penguluran selanjutnya dari negeri China dan diberi jaminan bahawa kacau-bilau tidak akan berlaku lagi. Kuasa-kuasa Eropah yang lain terutama sekali Britain dan negeri Jerman menyokong China dalam usahanya membantah tuntutan Rusia itu. Britain terutamanya, telah lama mengesyaki dasar Rusia dalam hal ini, Britain dan Jepun sekata, dan pada bulan Januari 1902 Perjanjian Inggeris-Jepun ditandatangani. Ianya menandakan kemasukan penuh negeri Jepun ke dalam gelanggang diplomatik setaraf dengan sebuah kuasa Eropah.

Perjanjian tersebut mengiktiraf kepentingan kedua-dua kuasa di rantau itu. Sekiranya mana-mana kuasa terpaksa berperang kerana melindungi kepentingannya, maka kuasa yang lagi satu itu akan bersikap neutral dan menggunakan pengaruhnya bagi menghalang kuasa-kuasa lain dari memihak kepada lawannya. Jika sebuah kuasa lain menyertai perang itu melawan salah sebuah negara penandatanganan tadi, negara penandatanganan yang sebuah lagi itu akan membantu sahabatnya ini. Pada mulanya, perjanjian ini akan berjalan selama lima tahun.

Perjanjian tersebut memberikan kepada Jepun jaminan yang

diperlukannya bagi menentang cabaran Rusia. Ini memang benar, kerana Rusia sedar akan kedudukan yang telah bertukar dan mencapai persetujuan dengan China untuk menghasilkan pemindahan askar Rusia dari Manchuria sedikit demi sedikit dalam masa 18 bulan. Ini akan dilakukan dengan syarat tiada berlaku lagi kacau-bilau serta tiada timbul ancaman dari kuasa-kuasa asing terhadap kepentingan-kepentingan Rusia. Sebenarnya, tentera Rusia diundurkan ke rumah-rumah berek di sepanjang jalan keretapi yang terletak di kawasan yang kononnya disebut zon keretapi dan tugas askar-askar ini ditukar menjadi 'pengawal jalan keretapi.'

Rusia dan Jepun terus cuba menentukan lingkungan kepentingan mereka seperti yang telah mereka lakukan sejak beberapa tahun. Mengikut Protokol Yamagata-Lobanov, dalam tahun 1896 Jepun telah bersetuju menerima status yang setaraf dengan Rusia di Korea. Namun begitu, Rusia cuba menambah pengaruhnya dengan cara menyediakan penasihat-penasihat tentera bagi memodenkan tentera Korea dan dengan mendapatkan faedah-faedah kewangan dan perdagangan. Jepun telah membuat bantahan dan langkah ini menjadi lebih senang lagi kerana populariti Rusia di Korea semakin berkurangan apabila tujuan Rusia itu mula disyaki. Oleh itu, dalam tahun 1898 Rusia dan Jepun menandatangani Perjanjian Nishi-Rosen dengan mana tiap pihak berjanji tidak akan terlibat dalam penyusunan semula tentera dan kewangan Korea tanpa persetujuan pihak yang lagi satu. Di samping itu Rusia juga mengiktiraf kepentingan-kepentingan perdagangan dan perindustrian Jepun di Korea. Pengaruh Rusia di Korea sedang berkurangan.

Sementara Rusia meneruskan minatnya di Korea dan memiliki penguluran-penguluran yang penting di utara negeri itu, penglibatan Jepun semakin cepat bertambah terutama sekali pelaburannya dalam perindustrian dan pengangkutan keretapi. Korea menjadi penting bagi kemewahan dan keselamatan Jepun. Oleh itu, dalam tahun 1903, Jepun mengambil keputusan bahawa ia mesti menentukan dengan lebih jelas lagi sempadan antara lingkungan pengaruhnya dan lingkungan pengaruh Rusia.

Sebenarnya, Jepun sanggup mengiktiraf kepentingan-kepentingan Rusia di Manchuria dengan syarat Rusia mengakui

keutamaan Jepun di Korea, termasuk haknya mempengaruhi kerajaan dalam hal pemodenan. Dalam cadangan balasannya Rusia bersedia membenarkan keutamaan perdagangan dan perindustrian Jepun di Korea, tetapi membantah implikasi mengenai pertambahan pengaruh politik Jepun. Sebaliknya, Rusia mahukan kebebasan di Manchuria yang Jepun mesti iktirafkan sebagai di luar lingkungan kepentingan Jepun. Rusia memperkecilkan kepentingan Korea bagi pihak Jepun dan kezaman Jepun mengekalkan keutamaannya di Korea. Ia juga tidak mempedulikan cadangan baru Jepun bahawa sekiranya Jepun mengiktiraf Manchuria sebagai sepenuhnya dalam lingkungan Rusia, maka Rusia juga mesti mengiktiraf Korea sebagai sepenuhnya dalam lingkungan Jepun. Rusia enggan menyetujuinya dan pada 10hb. Februari 1904, Jepun secara rasmi mengisytiharkan perang terhadap Rusia. Sebelum itu, tentera laut Jepun telah menyerang Port Arthur dan dengan itu menguasai laut dan membolehkan askar Jepun dihantar ke Korea dengan selamat.

Dengan cepat pihak Rusia diusir dari Korea dan Jepun mara ke Manchuria. Selepas lima bulan dikepung, Port Arthur akhirnya menyerah diri. Selama tempoh kepungan ini kedua-dua pihak menunjukkan keberanian yang tinggi. Rusia cuba mendapat balik kedudukan tentera lautnya dengan cara menghantar Angkatan Lautnya dari Laut Baltik mengelilingi hampir separuh dunia untuk sampai ke Vladivostok. Angkatan ini dihapuskan oleh Jepun di Selat Tsushima. Kekalahan ini menggalakkan kekacauan politik di Rusia yang kini menghadapi masalah memperkukuhkan tenteranya di Manchuria di sepanjang jalan keretapi merentas Siberia. Bagaimana pun, Jepun menghadapi tekanan ekonomi yang kuat jika perang berterusan, walaupun ia telah mencapai beberapa kemenangan ketenteraan. Oleh itu, Jepun meminta Amerika Syarikat menjadi pendamai. Rusia juga sedia berdamai dan Persetiaan Portsmouth ditandatangani pada 5hb. September 1905.

Jepun memperolehi pengiktirafan terhadap 'kepentingan-kepentingan politik, ketenteraan dan ekonominya yang utama di Korea'³, pemindahan pajakan Port Arthur dan Semenanjung Liaotung, penyerahan balik separuh pulau Sakhalin kepada negeri Jepun, dan pengurangan pengaruh Rusia di Manchuria.

Bahagian selatan sistem keretapi Manchuria diserahkan oleh Rusia kepada negeri Jepun. Semua askar Jepun dan Rusia mesti diundurkan dari Manchuria, kecuali pengawal-pengawal jalan keretapi. Rusia dan Jepun bersetuju tidak akan menghadkan mana-mana langkah yang sama bagi semua negeri dan yang akan diambil oleh negeri China bagi membangunkan Manchuria iaitu penerimaan dasar 'Pintu Terbuka' yang telah diutarakan oleh Amerika Syarikat. Akhir sekali, jalan keretapi Liaotung tidak akan digunakan bagi tujuan ketenteraan. Persetujuan China telah diperolehi bagi fasal-fasal mengenai pemindahan pajakan dan penguluran jalan keretapi.

Jepun tidak mendapat pampasan dari Rusia dan ini menimbulkan marah di dalam negeri Jepun dan mengakibatkan rusuhan di Tokyo serta ancaman bahawa perunding-perunding Jepun akan dibunuh. Jelaslah bahawa dasar peluasankuasa Jepun disokong oleh ramai penduduk. Walaupun ia tidak menerima pampasan, Jepun tetap mendapat keuntungan yang besar. Korea sekarang ini lebih merupakan satelit Jepun dan dalam tahun 1910 ia dengan rasminya diilhakkan menjadi sebahagian dari empayar Jepun. Dengan terjaminnya kemasukan Jepun ke dalam potensi perindustrian dan perdagangan Manchuria serta dengan adanya pengkalan di Port Arthur, Jepun kini mengenakan tekanan seterusnya terhadap negeri China. Lagipun, kedudukan antarabangnya telah meningkat. Perikatan dengan Britain telah diperbaharui pada 12hb. Ogos 1905, kali ini untuk sepuluh tahun lamanya. Kedua negara penandatanganan itu berjanji akan membantu satu sama lain jika salah sebuah di antara mereka diserang oleh mana-mana kuasa lain. Martabat Jepun sangat tinggi. Ia telah menarik perhatian Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah sebagai kuasa Asia yang pertama menundukkan sebuah kuasa Eropah. Ia juga telah menarik perhatian nasionalis-nasionalis yang mula muncul di Asia yang dijajah. Tidak hairanlah sekiranya orang Jepun sendiri menganggap bahawa mereka ditakdirkan menjadi pemimpin Asia.

5 Perang Dunia Pertama

Perang Dunia Pertama memberi Jepun peluang seterusnya

untuk meluaskan kuasanya. Sungguhpun syarat-syarat perikatan Inggeris-Jepun tidak memerlukan Jepun mengambil bahagian dalam perang itu dan Britain juga tidak meminta ia berbuat demikian, namun kerajaan Jepun menaruh minat terhadap penguluran-penguluran serta milik Jerman di negeri China dan Lautan Pasifik. Pada 15hb. Ogos 1914, Jepun memberi kata dua kepada Jerman supaya ia menyerahkan kepada negeri Jepun segala pajakan dan pengulurannya di Shantung, kononnya untuk dikembalikan akhirnya kepada negeri China. Apabila Jerman enggan berbuat demikian, Jepun telah mengisytiharkan perang dan tanpa menghiraukan perasaan China, ia telah melanggar wilayah China; Pihak China hanya dapat membantah dan mengisytiharkan 'zon perang' yang terhad. Pada 7hb. November, Tsingtao telah diduduki dengan disaksikan oleh sebuah pasukan tentera British yang kecil bilangannya dan menjelang akhir tahun semua tentangan Jerman telah tamat. Jepun kemudiannya menyatakan bahawa oleh kerana ia telah banyak mengorbankan nyawa rakyatnya serta harta bendanya untuk menentang Jerman, maka ia menganggap tidak perlu baginya memulangkan wilayah itu kepada China. Sementara itu, tentera Jepun telah menduduki wilayah Jerman di Lautan Pasifik iaitu pulau-pulau Palau, Caroline, Mariana dan Marshall.

Apabila peperangan di Shantung berakhir, pada 7hb. Januari 1915 kerajaan China memberitahu Jepun bahawa 'zon perang' akan bertukar menjadi zon berkecuali dan kuasa Jepun di Shantung akan dihadkan kepada wilayah yang dahulunya dipajak oleh pihak Jerman. Ini dianggap oleh Jepun sebagai tindakan bermusuhan dan pada 18hb. Januari ia telah mengemukakan kepada Presiden negeri China, Yuan Shikai, Tuntutan Dua Puluh Satu yang terkenal itu. Jelaslah bahawa tuntutan ini disediakan lama sebelum apa-apa 'provokasi' dari pihak China. Tuntutan ini terdiri daripada 21 fasal dibahagikan kepada lima kumpulan mengikut perkara. Kumpulan pertama membolehkan pemindahan hak-hak Jerman di Shantung kepada negeri China. Kumpulan kedua adalah berkaitan dengan Manchuria. Pajakan jalan keretapi Manchuria mesti dilanjutkan tempohnya hingga menjadi setahun. Rakyat Jepun mestilah bebas tinggal, menjelajah dan menjalankan sebarang jenis kegiatan perdagangan dan per

industri di selatan Manchuria dan timur Mongolia Dalam. Kumpulan ketiga fasal-fasal ini memberi Jepun kuasa ke atas perusahaan arang batu, besi dan keluli China tengah. Yang keempat bertujuan menghalang mana-mana kuasa lain dari menetap di pantai China. Jika China bersetuju dengan kumpulan tuntutan yang kelima, maka China sudah tentu akan menjadi sebuah negeri naungan Jepun dan mempunyai penasihat-penasihat bagi hal-ehwal politik, kewangan dan ketenteraannya. Jepun juga akan menguasai angkatan bersenjata dan perusahaan senjata China.

Tuntutan-tuntutan ini ditentang oleh Yuan Shih-kai walaupun Jepun menawarkan hendak menaikannya ke atas takhta China yang kini kekosongan itu. Jepun telah meminta beliau merahsiakan sepenuhnya tuntutan-tuntutan itu, tetapi beliau telah beransur-ansur menyiarkan butir-butir mengenai tuntutan tersebut. Kuasa-kuasa Barat yang sedang terlibat dalam peperangan di Eropah hanya dapat membantah. Bagaimanapun, Britain sebagai sekutu Jepun telah sedikit sebanyak berjaya membuat tuntutan itu lebih ringan dan dengan melahirkan bangkangan yang kuat, Amerika Syarikat juga telah dapat meringankan lagi tuntutan tersebut. Akhirnya Jepun membenarkan kumpulan kelima tuntutan-tuntutan itu diperundingkan lagi (ia tidak melepaskan tuntutan itu sepenuhnya). Tetapi pada 7hb. Mei, dengan mengugut bahawa ia akan mengisytiharkan perang, Jepun mendesak China menerima tuntutan-tuntutan yang lain itu. Pada 25hb. Mei, berbagai perjanjian yang meliputi tuntutan-tuntutan yang dikaji semula itu telah ditandatangani.

Perjanjian-perjanjian yang dibuat antara China dan Jepun telah memindahkan pajakan Jerman di Shantung kepada pihak Jepun dan wilayah itu diiktiraf sebagai lingkungan pengaruh Jepun. Pajakan-pajakan Jepun yang ujud kini di Manchuria telah dilanjutkan tempohnya menjadi 99 tahun dan Manchuria dibuka untuk pengusahaan perdagangan dan perindustrian Jepun. Perusahaan besi dan arang batu yang penting di Hanyey-ping di lembah Yangtse terletak di bawah kuasa Jepun. Jepun telah menuntut agar tiada pengkalan ditubuhkan oleh lain-lain kuasa di sepanjang pantai bertentangan dengan pulau Formosa. China menjawab dengan menegaskan bahawa tidak ada pengkalan seperti itu dirancangan. Jepun gagal memperolehi ke-

semua tuntutananya tetapi ia telah mendapat faedah yang banyak dalam memperluaskan kegiatan perindustrian dan perdagangannya di negeri China, dan kegiatan ekonomi seperti ini boleh membekalkan pengkalan bagi meluaskan pengaruh politik.

Sungguhpun cara Jepun bertindak itu tidak dipersetujui oleh ramai, tetapi Jepun telah mendapat persetujuan Barat terhadap keuntungan-keuntungan yang mereka perolehi. Dalam satu perjanjian sulit, kerajaan British, Perancis dan Itali bersetuju menyokong tuntutan Jepun ke atas Shantung pada akhir peperangan itu. Dalam Perjanjian Lansing-Ishii pada bulan November 1917, Amerika Syarikat yang kini sedang berperang dengan Jerman, telah mengiktiraf minat istimewa Jepun terhadap China berdasarkan kepada kedudukan kedua-dua negeri itu yang berhampiran dari segi geografi. Amerika berpendapat bahawa pengiktirafan ini berlaku untuk kemaraan Jepun sehingga tarikh tersebut sahaja. Jepun berpendapat yang pengiktirafan itu diberi kepada hak mereka untuk terus mara di masa hadapan. Jepun juga cuba mencapai persetujuan dengan Rusia mengenai lingkungan kepentingan masing-masing tetapi dengan tergulingnya rejim Tsar dalam bulan Mac 1917, timbul kebimbangan yang baru.

Peperangan tamat dengan kalahnya Jerman dalam bulan November 1918. Di persidangan damai di Versailles dalam tahun 1919, Jepun memperoleh hampir semua yang dikehendakinya. Penguluran-penguluran di Shantung tetap kekal di tangan Jepun, walaupun China dan Amerika membantah berdasarkan perjanjian sulit yang telah dibuat di antara Jepun dan sekutu-sekutunya yang lain. Pulau-pulau Jerman ke utara khatulistiwa akan ditadbirkan oleh Jepun sebagai wilayah bermandat Liga Bangsa-bangsa. Jepun gagal memperoleh kenyataan semasa persidangan mengenai persamaan bangsa yang jelas diadakan untuk membincang dasar-dasar migrasi terhadap yang dijalankan oleh Amerika Syarikat dan negara-negara lain terhadap penduduk Asia. Jepun menganggap ini sebagai menghina dan memalukan tetapi milik-milik wilayahnya telah diiktiraf. Sungguhpun begitu, pengambilan Shantung oleh Jepun disambut dengan gerakan rusuhan dan pemulauan barang-barang Jepun. Permusuhan dari pihak China ini tidak memudarkan harapan bagi masa hadapan jangka panjang.

kepentingan-kepentingan Jepun di negeri China. Kebangkitan perasaan ini yang dikenali di negeri China sebagai Gerakan 4 Mei, menandakan peringkat pertama nasionalisme China moden. Perasaan anti-Jepun yang dilahirkan mengandungi bibit-bibit kacau-bilau yang akan datang di Jepun.

Sekali lagi Jepun muncul dari peperangan dengan wilayah yang lebih luas, martabat yang semakin tinggi dan maruahnya terjejas. Sikap yang dinyatakan oleh Eropah dan Amerika di Versailles menyakitinya. Jepun percaya bahawa ia mempunyai hak untuk menubuhkan keunggulannya di bahagian tanah besar Asia yang berhampiran dengannya, sama seperti hak Amerika Syarikat mengenakan Doktrin Monroe terhadap Amerika Latin.⁴ China merupakan sumber bahan mentah serta potensi pasaran bagi barang-barang perkilangan Jepun. Untuk kepentingan negeri Jepun, keamanan perlu dikekalkan dan sebuah rejim yang akan bersikap pro-Jepun digalakkan. Sekiranya kuasa-kuasa lain membangkang, Jepun menganggap hal ini sebagai sikap mementingkan diri sendiri dan dengki, disertai oleh perasaan superioriti bangsa. Namun begitu, keuntungan yang diperolehi oleh Jepun semasa Perang Dunia Pertama adalah banyak dan ini diperolehinya tanpa terlalu banyak mengalami kerugian. Selama satu dekad berikutnya, Jepun lebih berusaha mempergunakan faedah-faedah perdagangan dan perindustrian yang telah diperolehinya itu.

6 Pengantaraan di Siberia, 1918-1922

Persetiaan Portsmouth dalam tahun 1905 telah menentukan lingkungan pengaruh Rusia dan Jepun di Manchuria. Bagaimanapun, dalam Perang Dunia Pertama Rusia memindahkan pengaruhannya ke atas jalan keretapi di utara Manchuria kepada Jepun bagi mendapatkan bahan-bahan perang. Persetujuan yang dicapai dalam tahun 1916 telah menentukan seterusnya sempadan lingkungan masing-masing, dengan Rusia mengiktiraf milik-milik Jepun hasil dari Tuntutan Dua Puluh Satu dan Jepun pula mengiktiraf kemaraan Rusia di Mongolia Luar. Tetapi perjanjian ini dibatalkan oleh Revolusi Rusia tahun 1917.

Pengunduran Rusia Bolshevik daripada peperangan mengakibatkan pengantaraan di Siberia oleh pihak tentera British,

Amerika dan Jepun yang mendarat di Vladivostok pada bulan April tahun 1918. Pengantaraan ini sebahagiannya adalah untuk melindungi bekalan-bekalan tentera yang pada mulanya dimaksudkan untuk kegunaan tentera Rusia melawan Jerman, dan sebahagiannya untuk menyokong tentera anti-Bolshevik yang berjuang di Siberia. Jepun cuba memperolehi pengaruh dengan cara menyokong mana-mana rejim anti-Bolshevik bila-bila saja ianya muncul. Apabila rejim-rejim ini kalah, usaha Jepun itu pun gagal. Tetapi bila akhirnya Jepun mengundurkan tenteranya dari Siberia dalam bulan Oktober tahun 1922, syak wasangka kerajaan baru Soviet telah timbul terhadap cita-cita Jepun di rantau itu. Rejim Soviet telah mengenakan kuat-kuasanya ke atas Siberia dan dengan itu sempadannya bertembung dengan sempadan Jepun. Kedua-dua kerajaan perlu menyelesaikan segala perselisihan dan pertelingkahan antara mereka dan dalam bulan Januari tahun 1925, mereka menandatangani satu perjanjian di Peking.

Mengikut perjanjian ini Jepun dan Rusia Soviet menubuhkan perhubungan diplomatik. Jepun bersetuju mengundur diri dari utara Sakhalin yang telah didudukinya dalam tahun 1920. Hak Jepun menangkap ikan di laut hampir dengan pantai Siberia telah diiktiraf. Jepun mendapat persetujuan dari Soviet bagi mengambil bahagian dalam mengusahakan kekayaan semula jadi di Siberia. Persetiaan-persetiaan yang dibuat antara tahun 1905 dan 1917 akan dikaji semula sungguhpun Soviet Union menerima Persetiaan Portsmouth tahun 1905. Jepun menerima jaminan bahawa dakyah Soviet tidak akan ditujukan ke arah institusi-institusi Jepun dan Jepun juga berjanji tidak akan berbuat sebaliknya. Cita-cita Jepun di Siberia dihadkan buat masa ini tetapi Jepun nampaknya berpuas hati dengan janji penguluran perdagangan, perlombongan dan perhutanan yang telah dibuat.

7 Persidangan Washington, 12hb. November 1921 hingga 6hb. Februari 1922

Menjelang tahun 1925, Jepun juga telah mencapai persetujuan dengan dua buah kuasa lain yang berkenaan rapat denganimbangan kuasa di Asia Timur iaitu Britain dan Amerika

Syarikat. Kehadiran Amerika Syarikat di Pasifik telah meluas apabila ia memperolehi Hawaii dan Filipina dalam tahun 1898. Kepentingan perniagaan Amerika di Manchuria tidak dapat menandingi perniagaan Jepun di sana. Amerika Syarikat juga semakin bimbang akan dasar Jepun terhadap negeri China. Britain dengan setianya telah menyokong Jepun mengenai Shantung, tetapi sekarang Britain mendapati perikatan itu agak memalukannya. Perikatan itu kini tidak lagi perlu bagi mempertahankan diri dari peluasankuasa Rusia kerana Rusia kini sibuk dengan masalah dalam negeri selepas revolusi yang berlaku. Sebaliknya, perikatan itu nampaknya akan menyebabkan Britain berselisih dengan Amerika Syarikat jika ketegangan meningkat antara Amerika Syarikat dan Jepun. Lagipun, kepentingan perdagangan British di China bertambah bimbang melihat dasar yang dipraktikkan oleh Jepun mengenai negeri China, yang nampaknya mengancam kedudukan Britain. Bagi dirinya, Jepun mahukan jaminan antarabangsa terhadap kedudukannya di Asia Timur dan pengiktirafan minat khususnya di rantau itu. Persidangan Washington cuba menentukan kedudukan Kuasa-kuasa Besar, kecuali Soviet Union, dengan tujuan mengurangkan potensi berlakunya perselisihan.

Persidangan itu membincangkan tiga topik: Siberia, China dan imbalan angkatan laut. Hal Siberia dengan cepat diselesaikan. Jepun bersetuju mengundurkan tenteranya secepat mungkin dan menafikan sebarang tujuan agresif di situ. Seperti yang kita telah lihat, tentera Jepun mengundur diri dalam tahun 1922. Persetiaan Sembilan Kuasa mengenai China (ditandatangani pada 6hb. Februari 1922 oleh Belgium, Britain, China, Perancis, Itali, Jepun, Belanda, Portugal dan Amerika Syarikat) menghendaki kuasa-kuasa ini menghormati kedaulatan, kemerdekaan dan kesatuan wilayah dan pentadbiran China. Persemaan peluang berdagang akan ujud (pernyataan semula prinsip Pintu Terbuka) dan tidak akan ada lingkungan-lingkungan pengaruh khas untuk satu kuasa sahaja. Sekiranya berlaku perang yang tidak melibatkan negeri China, maka kekecualian China mestilah dihormati. Persetujuan-persetujuan ini, bagaimana pun, tidak membatalkan penguluran-penguluran dan perjanjian yang telah membatasi kedaulatan dan kesatuan wilayah China. Persetujuan-persetujuan ini hanya berharap

bahawa pencerobohan selanjutnya tidak akan berlaku. Pakatan Empat Kuasa yang ditandatangani oleh Britain, Perancis, Jepun dan Amerika Syarikat pada 13hb. Disember 1921, menjamin hak tiap-tiap kuasa ke atas milik-miliknya di Lautan Pasifik dan membolehkan rundingan diadakan sekiranya hak-hak ini terancam. Pakatan Empat Kuasa ini akan menggantikan perikatan Inggeris-Jepun yang berakhir pada bulan Ogos 1923.

Pada 6hb. Februari tahun 1922 juga, Persetiaan Tentera Laut Lima Kuasa telah ditandatangani oleh Britain, Perancis, Itali, Jepun dan Amerika Syarikat. Syarat-syarat yang diterima oleh perunding-perundingnya telah menimbulkan bantahan yang kuat di Jepun, tetapi persetiaan itu sebenarnya tidak banyak merugikan Jepun. Perjanjian itu menetapkan nisbah kapal-kapal perang utama sebagai 5:5:3:1.67:1.67, dengan Perancis dan Itali diberi nisbah yang lebih kecil sementara Amerika Syarikat dan Britain diberi nisbah yang lebih besar. Pihak nasionalis Jepun mahukan kesamaan dengan Amerika Syarikat dan Britain dan perunding-perunding Jepun cuba menggesa Britain dan Amerika Syarikat menerima nisbah 10:10:7 tetapi gagal. Amerika Syarikat menyatakan bahawa ia mesti mengekalkan angkatan laut di dua lautan sekiranya pantai Atlantik dan Pasifiknya hendak dijaga dengan baik. Britain pula mempunyai sebuah empayar yang meliputi beberapa kawasan di seluruh dunia yang perlu dikawal dan dilindungi. Tentera Jepun boleh ditumpukan di bahagian barat laut Pasifik dan superioriti mereka di situ akan melindungi kepentingan-kepentingan Jepun di rantau itu. Tambahan pula, Jepun memperoleh persetujuan ke atas pengkalan-pengkalan laut yang terus menjamin superioriti rantaunya. Sementara Britain berjanji tidak akan membangunkan Hongkong menjadi pengkalan utama, Amerika pula berjanji tidak membangunkan Manila dan Guam. Pengkalan Amerika di Pearl Harbour di Hawaii dan pengkalan British yang kemudiannya dibina di Singapura, tidak mengancam keulungan Jepun di barat laut Pasifik dan di sepanjang pantai negeri China. Seterusnya, sungguhpun perjanjian tentera laut ini menghadkan saiz kapal-kapal perang utama dan kelengkapan perang mereka, ianya tidak menghadkan angkatan tentera darat, kapal-kapal selam ataupun kapalterbang.

Kerugian utama Jepun dalam Persidangan itu adalah pada pajakan-pajakannya di Shantung. Kerugian yang dialami oleh China di Persidangan Damai Versailles dalam tahun 1819 dikesali oleh Amerika Syarikat dan ia mendesak agar pajakan-pajakan itu diserahkan balik kepada negeri China sekiranya hubungan di antaranya dan Jepun ingin diperbaiki. Jepun telah mengalah dalam hal ini dalam satu siri perjumpaan-perjumpaan yang berasingan, dengan dihadiri oleh beberapa orang pemerhati British dan Amerika. Menjelang akhir tahun 1922, China telah menguasai semula wilayah itu. Pelaburan swasta Jepun tetap kekal. Semasa angkatan Chiang-Kai-shek mara ke utara dalam usahanya menyatukan negeri China di bawah rejim Kebangsaannya, askar Jepun telah dihantar ke Shantung dalam tahun 1927 dan 1928 bagi melindungi kepentingan-kepentingan Jepun di sana. Dalam tahun 1928, tentera Jepun telah bertempur dengan China di Tsinan. Bagaimanapun, kejayaan Chiang Kai-shek telah membolehkan satu perjanjian haru dicapai mengenai Shantung dalam tahun 1929.

Persidangan Washington seolah-olah menandakan permulaan tempoh masa dalam mana dasar luar Jepun kurang agresif dan politik dalam negerinya lebih liberal. Ianya adalah tempoh masa dalam mana Jepun nampaknya bersedia bertolak-ansur dan mengurangkan cita-cita wilayahnya. Itulah sebabnya ia telah menyerahkan balik Shantung kepada negeri China, mengundurkan tenteranya dari Siberia dan menarik diri dari Sakhalin utara. Dasar ini dikaitkan dengan Shidehara Kijuro yang menjadi Menteri Luar dari bulan Jun 1924 hingga April 1927 dan dari bulan Julai 1929 hingga Disember 1931. Dasar ini disukai oleh *zaibatsu*, iaitu empayar perindustrian, perdagangan dan kewangan secara besar-besaran, seperti Mitsui, Mitsubishi dan Sumitomo. *Zaibatsu* ini tersangat kaya dan mempunyai hubungan yang rapat dengan kerajaan, birokrasi, ahli-ahli utama Diet (parlimen Jepun), malah dengan keluarga diraja juga. *Zaibatsu* lebih sukakan peluasan kegiatan ekonomi dan bukannya pencerobohan ketenteraan. Peperangan adalah merbahaya, memerlukan banyak wang dan mengganggu kegiatan ekonomi. Jika Jepun dapat berdagang dan melabur di negara-negara jiran dengan syarat-syarat yang menguntungkan maka kekuasaan politik tidak perlu. Namun begitu, sekiranya kepentingan-

kepentingan perniagaan Jepun terancam, maka tindakan yang keras mungkin perlu. Oleh itu, dalam tahun 1928, askar-askar Jepun dihantar ke Shantung untuk melindungi kepentingan-kepentingan Jepun di situ. Tambahan pula, di Jepun dan di dalam tentera Jepun terdapat orang-orang yang masih mahukan dasar yang lebih aktif dan mahu meneruskan peluasankuasa. Sekiranya kepentingan-kepentingan Jepun terancam, mereka sudah tentu akan meningkatkan pengaruh mereka.

8 Peristiwa Manchuria, 1931, dan Pembentukan Manchukuo

Ahli-ahli sejarah cenderung menganggap Peristiwa Manchuria sebagai permulaan satu gerakan baru peluasankuasa Jepun yang akan membawanya kepada peperangan dengan kuasa-kuasa besar dalam tahun 1941 dan berakhir dengan kekalahannya dalam tahun 1945. Tetapi perjalanan peristiwa-peristiwa dari tahun 1931 hingga 1945 mungkin mengelirukan, dan jangkamasa ini hanya merupakan pelaksanaan dasar-dasar yang tidak berubah sejak Pengambilan Kuasa Meiji (lihat Bahagian II). Sebenarnya peristiwa-peristiwa di Manchuria dalam tahun 1931 telah beberapa lama bergolak.

Kerajaan Jepun mungkin bersedia mengizinkan penguluran-penguluran di Shantung dan bertolak-ansur mengenai kelengkapan perang tentera laut tetapi ianya tegas mengenai kedudukannya di Manchuria. Bagaimana pun, pihak pelampau termasuk pegawai-pegawai tentera yang muda dan patriotik, mula bimbang bahawa kerajaan tahun 1920an yang ramai ahlinya terdiri daripada orang awam akan terlalu bersedia berdamai dan bertolak-ansur. Ini ialah kerana kerajaan ini berdasarkan kepada parti-parti politik yang dianggap oleh kebanyakan orang Jepun sebagai penuh rasuah dan mementingkan diri serta disokong oleh zaibatsu. Terutama sekali, mereka bimbang bahawa apabila kerajaan Kebangsaan Chiang Kai-shek lebih ketat mengawal China, maka kedudukan Jepun di Manchuria akan terancam. Kejayaan Chiang ditubuhkan serta hidup atas kebangkitan semula nasionalisme China yang mengandungi unsur-unsur anti-orang asing, termasuk anti-Jepun.

Dalam tahun 1927, Baron Tanaka Giichi yang telah bersara dari tentera darat dengan pangkat jeneral kerana hendak mengambil bahagian dalam lapangan politik, telah menjadi Perdana Menteri dan Menteri Luar Jepun. Beliau lebih suka bertindak keras bagi melindungi kepentingan-kepentingan Jepun dan telah menghantar askar ke Shantung. Tindakan ini telah berakhir dengan pertempuran di Tsinan dalam tahun 1928 menentang askar-askar Chiang Kai-shek. Dalam tahun itu juga Tanaka mengarahkan askar-askar Jepun pergi ke Manchuria bagi mengawal sistem keretapi dan menghalang Chiang Kai-shek dari memburu hulubalang Chang Tso-lin yang telah melarikan diri dari Peking ke Manchuria. Askar-askar yang seramai 11,000 orang itu merupakan Tentera Kwantung yang dibenarkan oleh persetujuan-persetiaan antara Jepun dan China. Tetapi satu faktor yang baru dan membimbangkan telah timbul. Chang Tso-lin tidak mahu dirinya dikawal oleh Jepun dan beliau telah dibunuh oleh sekumpulan kecil pegawai-pegawai Tentera Kwantung yang telah meletupkan keretapi kenaikannya. Mereka ini telah bertindak tanpa diketahui oleh pegawai-pegawai kanan mereka ataupun oleh kerajaan Jepun. Ini menunjukkan bahawa ada pegawai-pegawai yang sedia mengambil tindakan sendiri atas nama patriotisme. Apabila Tanaka cuba menghukum pegawai-pegawai tersebut, usulnya telah ditolak oleh tentera dan beliau meletakkan jawatan dalam tahun 1929.

Sementara itu, Chang Hsueh-liang, anak Chang Tso-lin membuat perdamaian dengan kerajaan China Kebangsaan walaupun dinasihatkan oleh Jepun supaya jangan berbuat demikian. Kerajaan China kini menganggap Manchuria sebagai sebahagian penuh negeri China dan mula melaksanakan kuasanya terhadap negeri itu. Bagi berbuat demikian, China telah mula membina sistem jalan keretapi untuk menandingi sistem Jepun. Percubaan China dalam tahun 1929 untuk mendesak semula tuntutan-tuntutannya di utara Manchuria telah membawa kepada pertempuran dengan Rusia dalam mana tentera China dikalahkan. Sebuah perjanjian baru yang tidak seluruhnya merugikan China, telah dibuat dengan pihak Rusia. Tetapi kekuatan yang ditunjukkan oleh Rusia meyakinkan ramai orang Jepun bahawa pendesakan semula kekuasaan China di selatan Manchuria hanya dapat dihalang dengan menggunakan tentera. Pegawai-pegawai

tentera Jepun yang muda bertambah tidak puas hati dengan sikap berhati-hati yang ditunjukkan oleh Kerajaan Jepun dan pegawai-pegawai kanan mereka.

Menjelang tahun 1930, Kemelesetan Besar mula menjejaskan ekonomi Jepun, terutama kelas pertengahan bawah di bandar dan luar bandar, dari mana datangnya sebahagian besar pegawai-pegawai tentera yang muda, selaras dengan pemulihan-pemulihan tentera dalam tahun 1924-25. Rasa tidak puas hati bertambah apabila pasaran-pasaran Jepun di seberang laut ditutup oleh kerana tarif yang berbeza-beza dan kerajaan Jepun nampaknya terlalu bertolak-ansur dengan kuasa-kuasa Barat, terutama mengenai soal kekuatan tentera. Dalam persidangan tentera laut yang diadakan di London dalam bulan April 1930, perwakilan Jepun telah menerima perjanjian yang dianggap oleh tentera sebagai terlalu merugikan Jepun. Pada 14hb. November, Perdana Menteri Hamaguchi Yuko telah cedera teruk kerana ditembak oleh seorang fanatik nasionalis. Beliau terus bertugas tetapi pada bulan April 1931, keadaannya merosot dan beliau meletak jawatan. Beliau meninggal dunia pada 26hb. Ogos 1931. Dalam bulan Mac 1931 dan sekali lagi dalam bulan Oktober, komplot menggulingkan kerajaan telah didedahkan, tetapi pegawai-pegawai muda tentera yang terlibat dengannya dianggap sebagai patriot yang telah terpedaya dan yang hanya memikirkan tentang kebaikan negeri Jepun. Mereka ini dikenakan hukuman yang ringan sahaja. Hukuman seperti ini hanya menggalakkan yang lain untuk bertindak juga. Perkembangan nasionalisme melampau ini berlaku apabila kemelesetan menjadikan bertambah perlunya bagi Jepun memperkukuhkan kedudukannya di Manchuria iaitu sumber bahan mentahnya serta pasaran bagi barang-barang Jepun. Sekiranya kerajaan tidak bersedia untuk bertindak, ramai pihak nasionalis yang rela berbuat demikian.

Pada pertengahan tahun 1931, keadaan bertambah tegang di Manchuria. Pertempuran telah berlaku di Wanpaoshan antara petani-petani Korea yang mengerjakan tanah yang dipajak kepada mereka oleh sebuah syarikat Jepun dengan petani-petani China yang berhampiran. Berita pertempuran-pertempuran ini disiarkan di dalam akhbar dan ini telah menimbulkan perasaan anti-China di Jepun dan perasaan anti-Jepun di China.

Beberapa peristiwa yang berlaku berturut-turut telah berakhir dengan pembunuhan Kapten Nakamura, seorang pegawai tentera Jepun, oleh askar-askar China. Pihak China mendakwa bahawa Nakamura ialah seorang pengintip rahsia dan ia telah ditembak semasa cuba melarikan diri selepas ditangkap. Peristiwa ini menimbulkan perasaan marah di kalangan tentera Jepun. Dalam suasana perasaan nasionalis yang marah, tuduh-menuduh dan ancaman ini, memang besar kemungkinan kekacauan akan berlaku. Tetapi peristiwa yang sebenarnya memulakan pendudukan Manchuria oleh pihak Jepun telah dirancang oleh Tentera Kwantung sendiri tanpa kebenaran dari kerajaan Jepun. Tujuannya ialah untuk menduduki Manchuria dan meletaknya di bawah kawalan Jepun, tidak memberinya kepada China dan mungkin yang lebih penting lagi, tidak melepaskannya kepada Rusia. Rancangan mengenai komplot ini bukannya tidak diketahui di Tokyo. Malah, Menteri Perang dan Ketua Turus Agung Tentera Jepun mengirim surat kepada Tentera Kwantung, memberi amaran tentang berlakunya sebarang peristiwa. Mereka juga memajukan amaran dari Maharaja bahawa disiplin di dalam tentera mestilah dihidupkan semula. Bagaimanapun, apabila sahaja tentera di Manchuria bertindak, ianya disokong oleh pihak berkuasa tentera di Tokyo. Lagipun, pihak tentera bukannya sengaja tidak mengikut perintah yang tegas: surat-surat amaran kepada Tentera Kwantung itu dibawa oleh seorang pegawai Turus Agung yang termasuk dalam komplot itu dan dia telah terlalu melambatkan perjalanannya sehingga orang-orang yang bersubahat dengannya mempunyai masa yang mencukupi untuk membawa ke hadapan masa tindakan mereka bagi mendahului ketibaannya. Apabila bermula sahaja pertempuran, pihak berkuasa tentera yang memang memihak kepada tujuan-tujuan Tentera Kwantung, sudah tentu akan memberi sokongan.

Peristiwa ini yang dikenali sebagai Peristiwa Manchuria, telah bermula pada malam 18hb. September 1931, apabila satu letupan bom telah memusnahkan sebahagian kecil daripada jalan keretapi Manchuria Selatan yang di bawah kelolaan Jepun dan terletak ke utara sedikit dari Mukden. Jepun menuduh China menembak ke arah sebuah pasukan peronda yang sedang menjalankan penyiasatan. Tentera Jepun dengan segera menduduki Mukden dan memulakan pendudukan seluruh Man-

churia. Tindakan ini dirancang rapi dan pada bulan Januari 1932, Chang Hsueh-liang telah mengundurkan tenteranya ke utara China. Sementara itu, tentera Jepun melanggar utara Manchuria walaupun Rusia membantah tindakan ini. Pada 9hb. Mac 1932, negeri merdeka Manchukuo telah diisytiharkan dengan Maharaja Manchu yang terakhir, Pu Yi, sebagai ketua negara. Maharaja ini telah diseludupkan keluar dari Tientsin oleh pihak Jepun. Enam bulan kemudiannya, kerajaan Jepun telah selanjutnya mengiktiraf Manchukuo dan di bawah satu perjanjian dengan kerajaan baru itu, Jepun telah menempatkan askar bagi melindungi 'kemerdekaan' negeri tersebut. Sementara itu, tentera Jepun telah mara ke Jehol dan menduduki sebahagian dari Mongolia Dalam. Pada bulan Mac 1934, Pu Yi telah diisytiharkan sebagai maharaja negeri Manchuria yang diperluaskan ini.

Sementara itu, dalam bulan Januari 1932, Jepun juga terlibat dalam peperangan dengan China di Shanghai. China menyambut penaklukan Manchuria dengan tindakan memulau barang-barang Jepun dan ini telah mengurangkan sebanyak dua pertiga eksport barang-barang Jepun ke negeri China. Sebagai balasan, Jepun menghantar kapal-kapal perang ke Shanghai di mana pemulauan itu telah dikelolakan. China menentang dan askar-askar Jepun terpaksa ditambah bilangannya. Jepun kemudiannya terlibat dalam pertempuran yang hebat dan mereka merasa lega apabila pertempuran itu ditamatkan oleh satu penyelesaian yang dirundingkan dalam bulan Mei. Tindakan ini, memandang kepada Penyelesaian Antarabangsa di Shanghai, mempunyai akibat-akibat yang malang kerana Kuasa-kuasa Besar telah memperkecilkan kebolehan tentera Jepun. Kempen-kempen yang cemerlang di Manchuria dan Jehol telah lama berlaku dan dengan itu tidak dipedulikan. Sebaliknya Jepun sepatutnya lebih memikirkan tentang implikasi-implikasi mengenai tentangan China yang hebat di Shanghai dan bukannya mengenai kemenangan-kemenangan yang telah dengan senang diperolehi di utara.

Kerajaan Jepun menerima tindakan Tentera Kwantung itu kerana tidak ada jalan lain baginya. Penaklukan Manchuria teramat dikehendaki di Jepun dan tindakan membatalkan penaklukan ini tidak terlintas di kepala mereka. Bagaimana pun,

tindakan bersendirian oleh tentera ini merupakan tauladan yang merbahaya dan melemahkan kuasa awam ke atas kerajaan. Tindakan ini memulakan suatu tempoh dalam mana pegawai-pegawai tentera menjalankan komplot serta menentang kuasa perlembagaan kerajaan. Kegagalan kuasa kanan tentera mengenakan disiplin ke atas mereka menggalakan lebih banyak komplot. Ini menunjukkan bahawa ramai pegawai kanan tertarik kepada keyakinan yang sama, iaitu jika negeri Jepun mahu selamat maka kumpulan-kumpulan politik dan perniagaan awam yang penuh rasuah mestilah dihapuskan. Mereka juga yakin bahawa hanya dalam tentera sahaja terdapat pati semangat Jepun yang sebenar. Mulai dari bulan Mei 1932, apabila Perdana Menteri Inukai Tsuyoshi dibunuh, pihak tentera telah menegaskan bahawa ianya tidak lagi akan menyokong sebuah kerajaan parti politik. Kuasa tentera ini tegas kerana sebuah kerajaan tidak boleh dibentuk tanpa Menteri Perang dan Menteri Tentera Laut, dan oleh kerana mereka ini mesti terdiri dari pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat, maka pihak tentera boleh menggunakan kuasa veto bagi menolak perantikan mereka. Dengan cara ini pihak tentera boleh mendapat kerajaan yang dikehendakinya. Hanya bahagian-bahagian dalam tentera sahaja yang menghalang kuasa sepenuhnya pihak tentera.

Jadi, Peristiwa Manchuria itu mempunyai akibat-akibat yang penting. Ia merupakan tentangan yang berjaya daripada sebahagian pasukan tentera terhadap kerajaan Jepun. Ini telah membuka jalan bagi penguasaan yang lebih kuat oleh pihak tentera terhadap kerajaan. Ia juga mempunyai kesan yang penting ke atas dasar luar negerinya. Jepun sekarang ini berada dalam keadaan yang sesuai untuk mengenakan tekanan yang lebih ke atas negeri China. Sementara itu, sempadannya yang dikuat-kuasakan di utara Manchukuo kini adalah sempadan bersama dengan Soviet Union. Seterusnya, Peristiwa Manchuria ini telah menggemparkan lain-lain bahagian dunia dan menyebabkan berlakunya pemencilan negeri Jepun dalam bidang diplomatik.

9 Pemencilan Jepun

Liga Bangsa-bangsa melantik satu suruhanjaya penyiasatan

yang dipengerusikan oleh Lord Lytton dari Britain bagi menyiasat Peristiwa Manchuria itu. Laporan suruhanjaya ini mengkritik tindakan Jepun dan akibatnya, Jepun menarik diri dari Liga Bangsa-bangsa pada bulan Mac 1933. Pemencilan Jepun yang bertambah ini kini dapat digunakan oleh pihak tentera sebagai alasan memperbesarkan angkatan tenteranya yang mereka anggap telah diabaikan dalam tahun-tahun 1920an. Dalam tahun 1934 Jepun menuntut dikaji semula perjanjian-perjanjian tentera laut di Washington dan London untuk mendapatkan persamaan penuh dengan Britain dan Amerika Syarikat. Apabila permintaannya ini ditolak, Jepun mengumumkan yang ia tidak mahu meneruskan perjanjian-perjanjian tersebut yang berkuatkuasa pada bulan Disember 1936. Mulai dari tarikh itu, tiada lagi sekatan terhadap bilangan dan saiz kapal-kapal tentera laut yang dapat dibina oleh Jepun.

Pertimbangan ekonomi juga telah menyebabkan merosotnya hubungan antara negeri Jepun dengan Amerika Syarikat dan Britain. Jepun mengalami kerugian yang teruk akibat Kemelesetan Besar tetapi perusahaan kain kapasnya telah pulih semula dan berkembang, sehinggalah kuota import yang dikenakan oleh kuasa-kuasa asing menghadkan pasaran-pasaran Jepun. Sekatan-sekatan ini memperkukuhkan lagi alasan ekonomi bahawa peluasan ke utara negeri China perlu dijalankan bagi memperolehi pasaran yang lebih selamat.

Pemencilan diplomatik negeri Jepun tidaklah sampai kepada pemutusan hubungan diplomatik dengan kuasa-kuasa asing ini. Tetapi buat beberapa tahun Jepun tidak mempunyai sebarang sahabat di kalangan kuasa-kuasa ini. Keadaan ini berubah dalam bulan November 1936 apabila Jepun menandatangani Pakatan Anti-Comintern (Komunis Antarabangsa) dengan Jerman Nazi. Negeri Jerman tidak mempunyai perselisihan kepentingan dengan Jepun di Asia dan kedua-dua kuasa ini bersikap tegas anti-komunis serta menganggap Soviet Union sebagai bakal musuh yang sama. Tambahan pula, rejim Nazi di Jerman menarik perhatian tentera Jepun. Pakatan ini tidak merupakan satu perikatan yang penuh, tetapi Jepun menganggapnya sebagai kemungkinan menghalang Rusia sekiranya ia cuba campur tangan dalam lingkungan pengaruh Jepun. Sebaliknya, Pakatan itu menegaskan kepada kuasa-kuasa lain

tentang kecenderungan Jepun ke arah nasionalisme ketenteraan yang menyerupai Fasisme Eropah.

10 Perang China-Jepun Yang Kedua – 'Peristiwa China'

Jepun telah memperketatkan kawalannya ke atas negeri China sejak tahun 1935. Ia telah menubuhkan sebuah rejim berautonomi di wilayah Suiyan di Mongolia Dalam. Di Peiping (Peking) mereka telah menubuhkan Majlis Politik Hopei-Chahar, kononnya pemerintah bonekanya sungguhpun ia berhubung rapat dengan kerajaan China Kebangsaan di Nanking. Di Hopei Timur, iaitu di antara Peking dan pantai dan termasuk Tientsin, Jepun telah menubuhkan kawasan Autonomi Hopei Timur yang juga mempunyai Majlis Autonomi bonekanya sendiri. Susunan ini membolehkan Jepun mengimport barang-barang dengan mengelak kawalan kastam China. Dari kawasan-kawasan ini, barang-barang buatan Jepun telah membanjiri pasaran China. Penyeludupan dadah secara besar-besaran dan diselaraskan, juga diuruskan dari kawasan-kawasan berautonomi ini. Sungguhpun kawalan Jepun tidak lengkap, ianya disokong oleh askar-askar yang ditempatkan di situ mengikut Protokol Boxer tahun 1901.

Kerajaan China Kebangsaan tidak menentang tekanan-tekanan Jepun ke atas utara China ini terutamanya kerana Chiang Kai-shek sedang terlibat dalam kempen melawan Komunis. Dalam tahun 1934, pihak Komunis telah diusir dari pengkalan mereka di wilayah Kiangsi dan memulakan Perarakan Panjang di barat laut negeri China. Di sinilah dalam tahun 1936, Chiang telah merancang kemusnahan mereka akhirnya. Beliau mengamanahkan kempen ini kepada Chang Hsueh-liang, bekas hulubalang Manchuria. Chang serta askar-askar Manchuriannya mudah menjadi mangsa dakyah Komunis bahawa orang China tidak sepatutnya berlawan dengan orang China tetapi sepatutnya bersatu menentang Jepun. Apabila Chiang Kai-shek melawat Sian iaitu ibu pejabat Chang dalam tahun 1936, beliau ditahan sehingga beliau telah membuat satu perjanjian dengan pihak Komunis untuk menubuhkan sebuah Barisan Bersatu. Pihak Komunis mengiktiraf Chiang sebagai

pemimpin negeri China tetapi mereka tetap mengekalkan kuasa sebenar ke atas kawasan pentadbiran dan tentera mereka sendiri. Perjanjian ini menamatkan perang terbuka di antara pihak Kebangsaan dan pihak Komunis. China kini dapat mengemukakan kepada Jepun sebuah barisan bersatu.


Pada malam 7hb. Julai 1937, askar-askar Jepun sedang menjalankan geraklatih berhampiran dengan Peking. Mereka telah bertempur dengan askar China di Lukouchiao (Peristiwa Jambatan Marco Polo). Selama tiga minggu berikutnya percubaan-percubaan dibuat oleh Kerajaan Jepun bagi mengadakan pertempuran dan rundingan-rundingan diadakan dengan pihak China. Walau bagaimanapun, kerajaan Chiang Kai-shek tidak lagi bersedia menyerahkan wilayah China kepada Jepun dan pemerintah-pemerintah tempatan Jepun enggan disekat. Tentera Jepun dari Manchuria dan Korea telah menyertai peperangan. Menjelang bulan Julai, Peking dan Tientsin berada dalam tangan Jepun dan penaklukan China utara telah bermula. Perasaan anti-Jepun di China telah meningkat. Pada 9hb. Ogos, dua orang Jepun terbunuh dekat Shanghai. Tentera Jepun yang ditempatkan di Shanghai dengan segera terlibat dalam pertempuran dan bilangan mereka dipertambah. Pihak China menentang dengan beraninya tetapi apabila mereka dipaksa keluar dari Shanghai dalam bulan November, askar-askar mereka yang terbaik telah ramai terkorban. Selepas ini kemaraan Jepun sangatlah cepat. Pada 13hb. Disember, Nanking tertawan dan berlakulah tindakan merampas, merogol dan membunuh yang tidak ada batasannya. Ini telah memburukkan nama tentera Jepun. China telah merayu kepada Liga Bangsa-bangsa tetapi Liga ini membuat balasan rayuan kepada kedua-dua pihak agar peperangan ditamatkan. Britain dan Amerika Syarikat mengisytiharkan perkecualian mereka dan menawarkan hendak menjadi pendamai sungguhpun kedua-duanya mempunyai kepentingan-kepentingan di negeri China yang akan terjejas sekiranya Jepun menang. Jepun telah menimbulkan permusuhan kedua-dua negara ini melalui serangan terhadap rakyat British dan Amerika, dan melalui peristiwa-peristiwa seperti pengeboman kapal *HMS Ladybird* dan *USS Panay*. Pencabulan Nanking dan pengeboman bandar-bandar China dengan sewenang-wenangnya oleh Jepun telah terus menimbul-

kan permusuhan pihak Barat.

Kerajaan Jepun telah dipujuk oleh tentera bahawa 'Peristiwa China' itu akan tamat dalam beberapa bulan: bahawa China akan berunding dan satu penyelesaian yang menguntungkan negeri Jepun akan tercapai. Tetapi, Chiang Kai-shek dan Kerajaan Kebangsaaannya enggan berunding dan telah menubuhkan ibu negeri barunya di Chungking, di ulu Sungai Yangtse. Peperangan itu mencapai jalan buntu. Jepun tidak bersedia melanjutkan lebih jauh lagi garisan perhubungan mereka bagi mengusir Chiang dari Chungking. China pula kekurangan tenaga tentera untuk menyerang balas. Oleh itu, Jepun mendapati dirinya sebagai tentera pendudukan dengan askar-askarnya diganggu oleh kegiatan gerila di belakang garisan. Tindakan Jepun ini menyebabkan berkembangnya permusuhan yang semakin bertambah terhadap Jepun di Amerika Syarikat, Britain dan Eropah barat.

Kerajaan yang berkuasa ketika peperangan meletus di China diketuai oleh Putera Konoye dan telah memulakan tugas pada 4hb. Jun 1937. Konoye telah membuktikan bahawa dia juga tidak mengawal tentera samalah seperti orang-orang yang terdahulu daripadanya. Keadaan di negeri China dan tekanan daripada pihak tentera menyebabkan Kabinet Konoye meletakkan Jepun pada kedudukan sedia untuk berperang. Majlis Penasihat Kabinet telah ditubuhkan dalam bulan Oktober dan sebuah Ibu Pejabat Imperial ditubuhkan dalam bulan November. Ini memusatkan kawalan peperangan dalam tangan pemimpin-pemimpin tentera darat dan angkatan laut. Dengan terulusnya Rang Undang-undang Kerahan Nasional dalam bulan Mac 1938 hampir semua aspek ekonomi terletak di bawah arahan Kerajaan. Sementara itu, latihan tentera yang wajib diperkenalkan di semua sekolah dan Kementerian Pelajaran diletak di bawah Jeneral Araki, salah seorang militan tentera. Pada 3hb. November 1938, Konoye memberi maksud dan tujuan yang baru kepada dasar Jepun dengan mengisytiharkan bahawa matlamatnya ialah menubuhkan Perintah Baru di Asia Timur. Ini menegaskan lagi pendapat nasionalis-nasionalis yang melihat peranan Jepun sebagai pembebas penduduk Asia dari penguasaan Barat serta memimpin mereka ke zaman baru yang aman dan mewah. Ini akan menyelaraskan ekonomi Asia Timur





KAMCHATKA

ALEUTIANS

P.P. KURILE

Jepun dalam tahun 1890

Peluasankuasa hingga 1920

Peluasankuasa 1930-Dis. 1941

Had Peluasankuasa Jepun dalam Perang Dunia II

P.P. MARIANA

P.P. MARSHALL

P.P. CAROLINE

P.P. SOLOMON

P.P. SOLOMON

bagi kebaikan semua. Pengaruh Jepun akan terlaksana melalui rejim-rejim yang menyebelainya, seperti di Manchukuo. Dalam bulan Mac 1940, selepas beberapa percubaan Jepun akhirnya memperolehi subahat seorang China yang penting, Wang Ching-wei. Wang telah meninggalkan perjuangan pihak Kebangsaan dan membenarkan dirinya dilantik sebagai Ketua sebuah Kerajaan boneka China di Nanking. Sungguhpun Jepun mendakwa bahawa Kerajaan Wang adalah kerajaan China yang sah dan bahawa kehadiran Jepun adalah untuk melindunginya, pihak Kebangsaan dan Komunis tetap menentang. Namun begitu, Jepun telah dapat memulakan pengusahaan ekonomi bahagian-bahagian negeri China di mana pemerintahan mereka dan pemerintahan rejim boneka itu kukuh.

Sementara itu, Jepun telah dua kali bertempur dengan tentera Soviet Union. Dua aliran pendapat bersaing di kalangan tentera. Satu aliran mahukan Jepun melancarkan perang anti-Komunis terhadap Soviet Union dengan menggunakan Manchukuo sebagai pengkalan dan dengan itu memperolehi jalan bagi mendapatkan kekayaan Siberia. Tetapi pertempuran-pertempuran dengan Soviet Union, mulanya pada bulan Julai 1938 di sempadan Manchuria-Korea-Siberia, dan kemudiannya di kawasan Nomanhan di sempadan antara Manchukuo dan Mongolia Luar dari bulan Mei hingga bulan September 1939, telah membuktikan bahawa USSR boleh menjadi musuh yang hebat. Puak yang kedua lebih sukakan kemaraan ke selatan, ke arah kekayaan Asia Tenggara yang akan dibebaskan dari orang Eropah dan diletakkan di bawah Perintah Baru Jepun. Dalam bulan Ogos 1940, puak kedua ini telah menang dan Konoye menegaskan semula Perintah Baru itu untuk meliputi wilayah-wilayah ini.

Pakatan Anti-Comintern dalam tahun 1936 tidak diikuti oleh sebarang perikatan yang lebih dekat sungguhpun Jepun memerhati peristiwa-peristiwa di Eropah dengan berminat sekali. Dalam bulan Ogos 1939, Jepun terkejut mendapati bahawa Jerman telah menandatangani pakatan dengan Soviet Union, tanpa berunding dengannya. Perjanjian baru dengan Jerman ini akan memberi Rusia kebebasan untuk memusatkan tenteranya melawan Jepun. Inilah yang dibimbangkan oleh Jepun. Oleh itu, Jepun menamatkan peperangan di Nomanhan.

Dari kejayaan Jerman pada peringkat-peringkat awal peperangannya di Eropah, nampaknya adalah lebih bijak bagi Jepun menyelesaikan pertikaianya yang belum selesai dengan Soviet Union mengenai sempadan mereka serta menentukan semula hubungannya dengan Jerman. Pada 27hb. September 1940, Pakatan Bantuan Bersama Tigapihak telah ditandatangani dengan Jerman dan Itali. Jepun berharap bahawa Pakatan ini akan menghalang Amerika Syarikat yang semakin mengkritik dasar Jepun di China, dari mengambil sebarang tindakan yang akan membawa kepada peperangan. Pakatan ini mewajibkan penandatangannya membantu mana-mana satu di antara mereka yang diserang oleh sebuah kuasa yang belum lagi terlibat dalam peperangan Eropah atau pertikaian China-Jepun. Jepun juga cuba mencari jalan melindungi dirinya dari sebarang ancaman oleh Soviet Union. Dalam bulan April 1941, Jepun menandatangani Pakatan Perkecualian selama lima tahun dengan Soviet Union. Pakatan ini sesuai bagi Jepun dan Soviet Union kerana Soviet diserang oleh Jerman dalam bulan Jun 1941 dan sungguhpun beberapa orang Jepun dari puak 'Mara ke Utara' ingin menyerang Siberia Soviet, usul mereka ini ditolak. Rusia dapat memusatkan tenteranya di barat bagi menentang kemaraan Jerman. Sebaliknya, Jepun pula dapat mara ke Selatan tanpa bimbang akan Soviet Union. Lanjutan peperangan di China menimbulkan keadaan di mana kemaraan ke selatan kelihatan kepada pemimpin-pemimpin Jepun sebagai semakin menarik, malah semakin perlu.

11 Keputusan Jepun Untuk Melanggar Asia Tenggara

Pendudukan Eropah barat oleh tentera Jerman dalam tahun 1940 memberi Jepun peluang untuknya mara ke selatan, tetapi ia berbuat demikian secara berhati-hati dan pada mulanya cuba mencapai matlamatnya melalui rundingan. Ada orang Jepun yang menganggap bahawa adalah menjadi tugas mereka mengusir kuasa-kuasa Eropah keluar dari Asia dan memimpin Asia memasuki satu zaman baru. Tetapi untuk tujuan-tujuan praktik Jepun hanya memerlukan kemasukan yang terjamin bagi mendapatkan bahan-bahan mentah Asia Tenggara. Dalam bulan Mei 1940, Jepun meminta jaminan dari Belanda yang Jepun akan

menerima bahan-bahan mentah terutama sekali minyak yang sangat diperlukan dari Hindia Timur Belanda. Rundingan-rundingan telah diadakan dari bulan September 1940 hingga bulan Jun 1941. Tetapi, Belanda telahpun bersetuju membekalkan minyak kepada Britain yang kini menentang Jerman bersendirian, oleh itu Jepun tidak memperolehi apa yang dikehendakinya)

Jepun lebih berjaya dalam usahanya dengan Perancis di Indo-China. Perancis telah menyerah diri kepada Jerman dalam bulan Jun 1940. Sebuah kerajaan Perancis baru yang beribu negeri di Vichy di selatan Perancis telah bersubahat dengan Jerman. Pada 30hb. Ogos 1940, kerajaan ini telah bersetuju membenarkan Jepun menggunakan Indo-China sebagai pengkalan untuk perangnya dengan China Kebangsaan. Jepun menduduki bahagian utara Indo-China dan jelaslah bahawa ia merupakan kuasa teragung di rantau itu. Apabila negeri Thai mula berjuang bagi mendapat balik dari Perancis beberapa kawasan sempadan tertentu, Jepun telah mengantara dan mengenakan keamanan dan ini telah memberi beberapa wilayah kepada negeri Thai.

Jepun lebih khuatir tentang Amerika Syarikat. Perang di negeri China menyebabkan Jepun berkonfrantasi dengan Amerika Syarikat. Kepentingan-kepentingan Amerika Syarikat di negeri China telah terjejas oleh perang dan kekejaman Jepun. Hal ini dilaporkan di Amerika Syarikat dan ini telah membuatkan pendapat awam Amerika menentang Jepun. Dengan mendukung Pakatan Tigapihak, Jepun kini terikat bersama kuasa-kuasa Paksi yang agresif iaitu Jerman dan Itali. Pengisytiharan Perintah Baru di Asia dan penenteraan kehidupan Jepun di bawah kerajaan Putera Konoye nampaknya membuktikan bahawa Jepun juga adalah sebuah negara ketenteraan Fasis yang agresif.

Dalam bulan Julai 1938, Amerika Syarikat telah mengenakan 'embargo moral' terhadap penjualan bahan-bahan perang kepada Jepun. Ini tidak banyak menjejas Jepun dan dalam bulan Julai 1939, Amerika Syarikat mengumumkan bahawa ia akan menamatkan persetujuan perdagangan Jepun-Amerika tahun 1911. Ini berkuatkuasa dalam bulan Julai 1940 dan Amerika Syarikat menubuhkan satu sistem pelesenan bagi eksport ber-

bagai jenis barang ke negeri Jepun. Jepun cuba berunding tetapi desakan Amerika Syarikat agar Jepun mengundurkan semua askarnya dari negeri China dan Indo-China tidak diterima oleh Jepun. Ini akan bermakna bahawa mereka mesti menyerahkan segala-segala yang telah mereka perjuangkan.

Pada 24hb. Julai 1941, Jepun mencapai persetujuan dengan Perancis untuk memindahkan askar-askarnya ke selatan Indo-China di mana mereka akan bersedia untuk menyerang lebih jauh ke selatan. Pakatan Perkecualian dengan Rusia memberikan mereka keselamatan di utara. Pada 26hb. Julai 1941, Amerika Syarikat membalas dengan membeku semua harta Jepun di Amerika Syarikat. Britain dan Kanada mengikut contoh Amerika Syarikat ini dan Hindia Timur Belanda menghadkan eksport ke Jepun. Walaupun terputus bekalan bahan-bahan perangnya yang penting, Jepun tetap menduduki selatan Indo-China, dan kemudiannya cuba merundingkan satu penyelesaian terutama sekali dengan Amerika Syarikat.

Cadangan Jepun pada 6hb. Ogos ialah bahawa ia tidak akan mara melebihi Indo-China dan ia akan meninggalkan Indo-China apabila perang dengan China telah tamat. Pendudukan selatan Indo-China, di samping memberikan Jepun tempat dari mana ia dapat menjalankan pelanggaran ke atas Malaya, juga membekalkannya dengan tapak rundingan yang boleh ditukarkannya bagi mendapatkan penguluran-penguluran dari Amerika Syarikat. Jepun menawarkan akan menjamin keselamatan Filipina. Sebagai balasan, ia meminta Amerika Syarikat mengiktiraf kedudukan Jepun di Indo-China serta mengenakan tekanan terhadap Chiang Kai-shek supaya mengadakan perdamaian dan akhirnya Amerika Syarikat mestilah menarik balik embargonya ke atas perdagangan dan menghentikan persiapan-persiapan tenteranya di Asia. Syarat-syarat ini ditolak oleh Amerika Syarikat yang juga telah enggan mengadakan perjumpaan antara Putera Konoye, Perdana Menteri Jepun dengan Presiden Roosevelt, sehinggalah satu perjanjian dicapai.

Pihak Jepun serba-salah. Mengundurkan diri sepenuhnya dari negeri China adalah suatu perkara yang tidak dapat diterima oleh mana-mana kerajaan Jepun selepas begitu banyak harta dan darah telah dikorbankan. Namun begitu, perang dengan

Amerika Syarikat akan mendatangkan bahaya yang tidak diingini oleh pemimpin-pemimpin Jepun. Maharaja juga secara berselindung telah menggesa kerajaan berhati-hati. Tetapi sekiranya perang dilambat-lambatkan, simpanan bahanapi akan kehabisan dan ia tidak akan dapat melancarkan perang dan akan kehilangan pula negeri China. Pendek kata, Jepun mestilah bertindak segera atau tidak bertindak langsung. Dalam hari-hari akhir yang tegang itu, jelaslah bahawa tentera darat yakin yang ia akan memenangi perang di Asia. Ketua-ketua angkatan laut lebih memahami kekuatan Amerika. Namun begitu, tiada seorang pun di antara mereka yang mengesyorkan tindakan menyerah kepada syarat-syarat Amerika yang akan memalukan sementara Amerika Syarikat juga tidak mahu mengalah. Sementara rundingan-rundingan diteruskan di Washington, Jepun telah memindahkan tenteranya kepada kedudukan dari mana ia dapat menyerang pengkalan-pengkalan Amerika dan British di Asia.

Serangan yang berlaku pada 7/8hb. Disember 1941 itu berlaku tanpa perisytiharan perang terlebih dahulu, terutama sekali disebabkan oleh kelewatan yang tidak dijangka dalam mentafsirkan kod rahsia mengenai arahan-arahan terakhir dari Tokyo ke kedutaan di Washington. Walaupun ujud ancaman peperangan itu, namun tentera Amerika tidak bersedia dan mereka mengalami kerugian yang teruk di Pearl Harbour dan Filipina. Kemaraan Jepun sangat cepat dan tidak lama kemudian wilayah-wilayah British, Belanda dan Amerika di Asia Tenggara telah dilanda Jepun. Tetapi harapan Jepun agar satu perdamaian terunding akan mengikuti kemenangan-kemenangan mereka itu telah hampa sahaja. Peperangan yang memakan masa yang lama menguntungkan Amerika dan sahabat-sahabatnya, terutama sekali kerana pada akhir tahun 1942, Jerman kekalahan dalam petempuran di Afrika Utara dan Rusia. Kita tidak perlu terus berbincang mengenai tentangan Jepun yang degil terhadap kemaraan Amerika di Lautan Pasifik dan British di Burma. Tentangan ini berakhir dalam bulan Ogos 1945 dengan kemusnahan bandar-bandar Jepun, pendudukan wilayah-wilayahnya dan kehilangan empayarnya. Pada tahun 1945, seperti pada tahun 1854, Jepun terhad kepada pulau-pulau tanah airnya. Peluasan wilayah Jepun telah tamat.

SEBAB-SEBAB BAGI PELUASANKUASA NEGERI JEPUN

Hakikat peluasankuasa Jepun tidak dapat dinafikan. Ianya jelas kelihatan di dalam peta-peta dan tarikh-tarikhnya yang penting tercatat di dalam buku-buku teks: 1894-95, Perang China-Jepun; 1904-05, Perang Rusia-Jepun; 1910, pengilhakan Korea; 1915, Tuntutan Dua Puluh Satu; 1931, 'Peristiwa' Manchuria; 1937, 'Peristiwa' China; 1941, Pearl Harbour. Bagaimanapun, bukanlah mudah hendak diterangkan mengapa berlakunya dasar peluasankuasa Jepun. Mengapakah Jepun meluas dan memperolehi sebuah empayar? Adakah alasan-alasannya sama dalam tahun 1941 seperti dalam tahun 1894? Adakah mereka hendak dianggap sebagai rakyat yang agresif dan suka berperang dan gemar menindas jiran-jirannya yang lebih lemah serta aman itu? Adakah mereka inginkan keuntungan dan faedah yang mereka tidak akan perolehi dengan cara diplomasi? Adakah mereka lebih sukakan peperangan daripada diplomasi? Adakah mereka telah dicabar sehingga terpaksa berbuat demikian?

Kita boleh berbicara dan mengatakan, seperti yang dilakukan oleh David Bergamini dalam bukunya *Japan's Imperial Conspiracy*, bahawa sejak permulaan Pengambilan Kuasa Meiji, malah sebelum itu lagi, Jepun telah mempunyai cita-cita agresif hendak menjadi kuasa utama di Asia. Malah, Bergamini meletakkan tanggungjawab bagi peluasankuasa Jepun yang agresif itu ke atas bahu maharaja-maharaja Jepun sendiri.

Hirohito berkeras hendak melawan China bukannya kerana baginda bermusuhan dengan orang China tetapi kerana perang dengan China telah menjadi sebahagian penting rancangan kebangsaan yang telah diwarisinya dari datuk dan moyangnya. Selepas Komodor Perry dari Amerika Syarikat, dalam

tahun 1853 memaksa Jepun dengan mengacukan pistol, agar Jepun membuka pelabuhan-pelabuhannya kepada perdagangan dan petempatan Barat, moyang maharaja Hirohito telah mengangkat sumpah dengan negeri-negeri lindungannya yang besar. 'Orang gasar berambut merah' itu mesti diusir keluar dari tanah suci Jepun dan Jepun mesti 'meluas ke seberang laut' bagi membentuk sebuah zon penampakan yang akan menghalang sebarang pencabulan selanjutnya.⁵

Seperti yang dijelaskan dalam buku Bergamini, walaupun beliau cuba meletakkan tanggungjawab terhadap pencerobohan Jepun kemudiannya ke atas bahu Hirohito, pemimpin-pemimpin Jepun tidak sekata mengenai matlamat dan lebih-lebih lagi dalam pendapat mereka mengenai cara-cara yang hendak digunakan. Bagaimanapun, secara am matlamat-matlamat kesemua puak adalah sama. Sepanjang keseluruhan tempoh itu mereka berusaha mencipta negeri Jepun yang kuat dan bersatu, yang akan bebas dari kawalan asing serta mampu mengenakan pengaruhnya sendiri di dunia umumnya dan di timur laut Asia khususnya. Matlamat am ini ditafsirkan dalam cara yang berlainan oleh puak-puak yang berlainan dan mereka melihat berbagai cara untuk mencapainya. Adalah terlalu dipermudahkan sekiranya dipertalikan kepada kepemimpinan Jepun satu 'rancangan kebangsaan' jangka panjang. Lagipun, kita cenderung menghukum Jepun dari kedudukan kita dalam akhir tahun-tahun 1970an ini. Pengalaman dunia mengenai peperangan dalam kurun kedua puluh ini telah membuat ramai pengulas kurang bersedia menerima perang sebagai alat melaksanakan dasar. Pada akhir kurun kesembilan belas, malah hingga ke kurun ini sekalipun penggunaan senjata merupakan sebahagian dari dasar kebangsaan yang diterima. Bagaimanapun, adalah dianggap bahawa matlamat peperangan terbatas dan peperangan itu sendiri dapat dihadkan. Peperangan-peperangan Jepun menentang China dalam tahun 1894 dan melawan Rusia dalam tahun 1904 adalah dari jenis ini. Pada mulanya, perang menentang China dalam tahun 1937 dianggap begitu juga. Malah, dasar Jepun dipersetujui oleh beberapa negara tertentu Eropah Barat selagi dasar itu dilaksanakan terhadap pihak China atau Rusia dan tidak mengancam kepentingan-kepentingan British, Perancis atau Amerika. Peperangan sebagai alat melaksanakan

dasar memang tidak ditolak oleh dunia moden, dengan syarat ianya boleh dihadkan dalam batasan-batasan 'lazim' yang tertentu. Dua faktor telah memburukkan nama Jepun. Yang pertama ialah keengganan Chiang Kai-shek dan kerajaan Kebangsaan negeri China mencapai persetujuan dengan Jepun selepas kejayaan-kejayaan Jepun yang pertama dalam tahun 1937-38. Ini bermakna bahawa perang yang 'terhad' telah menjadi perang yang berlanjutan dan Jepun terpaksa menggunakan lebih ramai askar dan kekayaan bagi menamatkannya. Faktor kedua timbulnya dari faktor pertama. Berhadapan dengan Amerika Syarikat yang berdegil dan tidak bersedia menyerah kepada Jepun yang mana akan membolehkan Jepun meneruskan peperangan di negeri China, Jepun telah menyerang Pearl Harbour dan wilayah-wilayah jajahan Amerika Syarikat, Britain dan Belanda di Asia. Ketika itu Jepun telahpun menduduki wilayah-wilayah jajahan Perancis. Hakikat bahawa wilayah-wilayah ini sendiri telah diperolehi oleh kuasa-kuasa Eropah dan Amerika Syarikat melalui pencerobohan dan peperangan adalah perkara yang tidak ada kena-mengena di sini. Tetapi buku-buku sejarah selalunya ditulis oleh si pemenang. Selama sekurang-kurangnya satu generasi selepas Perang Pasifik itu, Jepun digambarkan dalam penulisan sejarah Amerika Syarikat, Eropah dan Australasia sebagai penceroboh yang suka berperang yang telah menyerang dalam bulan Disember 1941 tanpa apa-apa alasan. Jelas kelihatan bahawa bulan Disember 1941 – Pearl Harbour – merupakan lanjutan dari dasar menceroboh yang berasal dari zaman Meiji lagi.

Tambahan pula, serangan-serangan Jepun dalam bulan Disember 1941 – seperti serangan ke atas Port Arthur dalam tahun 1904 yang memulakan Perang Rusia-Jepun – tidak didahului oleh sebarang perisytiharan perang, dan oleh itu boleh dianggap oleh mangsa-mangsanya sebagai serangan oleh pengkhianat dan pengecut. Selepas Pearl Harbour, Presiden Roosevelt dari Amerika Syarikat menyebut tentang 'suatu hari yang akan hidup dengan dikeji'. Sebenarnya tidak banyak peperangan yang telah didahului oleh perisytiharan perang (Amerika Syarikat dan Vietnam Utara, satu contoh kebelakangan ini, tidak pernah mengisytiharkan diri mereka berperang melawan satu sama lain). Unsur kejadian tiba-tiba telah selalu dianggap sebagai pen-

ting dalam peperangan dan dalam tahun 1904 pihak British yang senang hati melihat kekalahan Rusia, telah menganggap serangan ke atas Port Arthur itu sebagai tindakan yang bijak. Ketika serangan Pearl Harbour, Amerika Syarikat sudah sepatutnya menjangka akan berlakunya perang (seperti juga pihak Rusia di Port Arthur) dan membuat persiapan. Mereka tidak mempedulikan bukti yang mungkin menyediakan mereka bagi menentang serangan itu kerana sikap mereka yang memperkecilkan kebolehan Jepun. Mereka tidak begitu percaya bahawa orang Jepun sebagai penduduk Asia akan menyerang Amerika Syarikat dan kuasa-kuasa penjajah Eropah. Terdapat unsur keangkuhan bangsa pada sikap mereka ini, dan kemarahan mereka apabila serangan itu berlaku sudah tentulah hebat sekali.⁶

Pencerobohan Jepun dalam tahun 1941 mungkin dilihat sebagai tindakan tipikal mengikut dasar Jepun sejak pembukaannya kepada Barat dalam kurun kesembilan belas. Watak orang Jepun dianggap sebagai pada dasarnya watak ketenteraan dan nasionalis. Jepun harus diberi pujian kerana telah mempunyai rancangan meluaskan kuasa dan mengembang dan ini telah memimpin dasar kebangsaan mereka sejak dari tarikh Maharaja Meiji menaiki takhta dalam tahun 1868. Bergamini sendiri telah mengesannya kembali hingga kepada sumpah yang diangkat oleh Maharaja Komei, iaitu bapa Meiji. Kita boleh meninjau jauh ke belakang lagi dan melihat bahawa dalam peluasankuasa Jepun pada kurun kesembilan belas dan kedua puluh terdapat ulangan dasar Jepun di bawah Hideyoshi dalam kurun keenam belas dahulu. Kita boleh membuat tafsiran dasar luar Jepun yang kelihatan pada amnya, sebagai dasar yang agresif dan berfaham peluasankuasa.

Ini sudah tentu mengeneipkan pemencilan Jepun selama 250 tahun di bawah rejim Tokugawa serta kurun-kurun sebelum kempen-kempen Hideyoshi itu. Namun begitu, kempen-kempen Hideyoshi ini tidak dilupai oleh orang-orang Jepun dan akibat tekanan dari ancaman Barat dalam kurun kesembilan belas, konsep strategik di belakang kempen-kempen ini telah dihidupkan semula. Tesis Bergamini ini bukanlah tidak berasas. Beberapa pemimpin tertentu Jepun memang mencari alasan hendak meluaskan kuasa dan memperolehi empayar dan ada di

antara mereka yang mengkaji tauladan Hideyoshi itu. Bagaimanapun, alasan bagi peluasan kuasa ini berubah-ubah mengikut kedudukan antarabangsa Jepun yang juga bertukar dan apabila berlakunya perubahan-perubahan dalam negeri. Apa yang jelas dalam sebarang kajian mengenai negeri Jepun dan kepimpinannya daripada tahun 1853 hingga 1941 ialah bahawa proses membuat keputusan ialah satu perkara yang kompleks. Adalah jelas juga bahawa beberapa puak bersaing bagi mendapatkan kuasa dan pengaruh dan bahawa pemimpin-pemimpin Jepun menyambut bukan sahaja pengaruh-pengaruh luar yang memberi kesan kepada Jepun bahkan mereka menyambut juga keinginan dan cita-cita yang dilahirkan oleh kumpulan-kumpulan dan puak-puak dalam negeri.

Pada masa Jepun mula menghadapi cabaran dari Barat dan memulakan tugas pemodenannya, tujuan utamanya ialah untuk memperkukuhkan negeri Jepun supaya tidak dimasuki orang asing. Pendapat berdasarkan garisan-garisan ini telah muncul lama sebelum ketibaan Komodor Perry. Kapal-kapal Rusia, Inggeris dan Amerika telah sampai ke Jepun dari semasa ke semasa mulai dari akhir kurun kelapan belas. Sejak dari tahun 1797 lagi, Fujita Yukoka telah memberi amaran kepada Lord Mito tentang ancaman dari Rusia dan mengesyorkan penubuhan pertahanan dan pembangunan kesatuan nasional. Anakannya Fujita Toko dan lain-lain sarjana Mito juga telah memberi amaran yang sama. Terutama sekali, sarjana-sarjana Mito menganggap kesatuan nasional sebagai perlu sebelum ujudnya kekuatan nasional. Menjelang pertengahan kurun kesembilan belas, Maharaja dianggap sebagai tokoh yang mesti disokong oleh rakyat. Ini sebahagiannya adalah disebabkan oleh terhidupnya semula Shintoisme yang sebahagian besarnya didasarkan kepada tulisan-tulisan Motoori Norinaga (1730-1801) yang menekankan tentang sifat ketuhanan Maharaja dan keunggulan rakyat Jepun yang juga mempunyai asal-usul ketuhanan. Sarjana-sarjana lain juga mula mempersoalkan tentang peranan kesyogunan dan tuntutan terhadap kekuasaan. Alasan-alasan ini mewajarkan pemindahan kuasa daripada Kesyogunan Tokugawa kepada istana Maharaja dan inilah yang kita kenali sebagai Pengambilan Kuasa Meiji.

Menjelang masa Pengambilan Kuasa Meiji, pemodenan telah

bermula terutama sekali dalam lingkungan tentera. Pengetahuan mengenai Barat telah masuk melalui orang Belanda di Deshima dan sarjana-sarjana telah menterjemahkan karya-karya Barat mengenai sains dan teknologi. Perang Candu di negeri China telah memberi dorongan yang lebih kepada usaha ini dan menjelang pertengahan tahun 1950an negeri-negeri feodal Satsuma, Choshu, Hizen dan Mito telah memulakan pengeluaran senjata-senjata moden. Malah di wilayah-wilayah di bawah kuasa terus kerajaan Syogun juga kemajuan sedang dibuat. Selepas pembukaan negeri Jepun oleh Komodor Perry, Choshu, Satsuma dan Hizen terutamanya telah mempercepatkan persiapan-persiapan mereka dengan Satsuma menumpukan kepada pembangunan tentera laut dan Choshu menumpukan kepada pemulihan tentera daratnya. Daimyo-daimyo ini pada mulanya menentang Tokugawa kerana membuka Jepun kepada orang asing tetapi apabila beberapa percubaan mereka untuk menentang hal itu gagal, mereka mengamalkan dasar baru. Mereka kini menyokong Maharaja pula dan memainkan peranan penting dalam menghasilkan Pengambilan Kuasa Meiji; tetapi mereka juga sedar tentang perlunya diterima kehadiran orang asing sambil belajar sebanyak yang boleh dari Barat. Tujuan mereka adalah untuk mencipta Jepun yang kukuh dan diterima sebagai setaraf oleh negara-negara Barat.

Rancangan pemodenan dan kekuatan nasional itu sendiri tidak mengandungi implikasi peluasan kuasa ke seberang laut. Sato Shinen (1796-1850) yang telah mempelajari bahasa Belanda supaya ia dapat memperolehi pengetahuan mengenai dunia Barat, telah mengesyorkan dalam penulisannya yang awal tentang jenis pemulihan politik, ekonomi, dan tentera yang akan dialami sebenarnya oleh Jepun. Beliau juga telah menulis tentang harapan Jepun menguasai China, tetapi kemaraan kuasa-kuasa Eropah di negeri China membuatnya bertambah khuatir akan pertahanan Jepun sendiri. Yang lebih penting lagi ialah Yoshida Shoin (1830-1859) kerana beliau telah mempengaruhi Ito Hirobumi negarawan utama Jepun yang dikenali sebagai Putera Ito dalam zaman Meiji, dan Yamagata Aritomo, pengasas tentera moden Jepun. Yoshida percaya bahawa Jepun patutlah memperkukuhkan angkatan tenteranya, membangun Hokkaido, menjadikan pulau-pulau

Ryukyu sebahagian dari negeri Jepun, menduduki pulau-pulau Kurile, Kamchatka, sebahagian dari Manchuria dan Formosa serta menjadikan Korea negeri lindungan Jepun. Orang-orang lain juga yakin bahawa Jepun hanya akan menjadi kukuh sekiranya ia meluaskan kuasanya dengan cara memperolehi pengaruh ke atas negeri China, tetapi perkara yang utama yang dikhuatirkan ialah menjaga jalan-jalan masuk ke pulau-pulau Jepun yang utama, dengan menuntut kumpulan pulau-pulau seperti pulau-pulau Ryukyu dan Kurile serta Formosa dan menguasai Semenanjung-semenanjung Kamchatka dan Korea yang boleh digunakan sebagai tempat pelancaran pencerobohan asing terhadap Jepun. Jepun terutama sekali khuatir tentang kuasa-kuasa yang mara di Asia iaitu Britain dan Rusia. Dengan menguasai Formosa dan pulau-pulau Ryukyu, jalan masuk ke Jepun dari Hong Kong iaitu tanah jajahan British akan terkawal. Dengan menguasai Kamchatka, pulau-pulau Kurile, Korea dan Manchuria akan ujudlah penampakan antara Jepun dengan kuasa Rusia di timur Siberia.

Matlamat ini tidak dapat dikuatkuasakan dengan segera. Dalam tahun 1873 apabila Saigo Takamori bercadang hendak bertindak terhadap Korea yang enggan menamatkan dasar pemencilannya, beliau telah disokong ramai terutama sekali oleh kelas samurai. Kepulangan Iwakura, yang menjadi utusan Jepun ke Barat, telah menghalang terlaksananya tindakan tersebut dan Saigo serta pengikut-pengikutnya kemudiannya dihapuskan dalam tahun 1877 selepas pemberontakan mereka. Oleh itu, dalam masa permulaan ini, keputusan diambil dalam tahun 1873 untuk menumpukan perhatian terhadap pembangunan dan pemodenan dalam negeri. Peluasan kuasa Jepun dihadkan kepada tindakan memperolehi pulau-pulau Kurile, Ryukyu dan Bonin, iaitu pulau-pulau yang mempunyai kepentingan strategik kepada negeri Jepun tetapi tidak mempunyai sebarang kepentingan kepada kuasa-kuasa Barat. Bagaimana pun, angkatan yang dihantar ke Formosa dalam tahun 1874 dan rancangan-rancangan Saigo mengenai Korea, menunjukkan bahawa ujud di kalangan sebahagian rakyat Jepun keinginan untuk meluaskan kuasa.

Kita haruslah ingat bahawa bahagian terakhir kurun kesembilan belas merupakan zaman gemilang imperialisme Eropah.

Dalam tahun-tahun 1880an dan 1890an, kuasa-kuasa Eropah berebut-rebut mendapatkan tanah jajahan dan ini membuat mereka menguasai sebahagian besar Afrika dan Asia. Ini ialah zaman 'Imperialisme Baru', apabila negara-negara mencari sumber kukuh bahan-bahan mentah bagi industri-industri mereka dan pasaran bagi barang-barang mereka: apabila golongan kapitalis mendapati peluang bagi pelaburan dalam perlombongan, perladangan, perkapalan dan keretapi: apabila orang Eropah dan Amerika mewajarkan penaklukan yang mereka lakukan sebagai usaha membawa tamadun ke ceruk-ceruk yang terpencil dunia ini: apabila tiap negara yang mampu telah memperolehi wilayah, bukan sahaja kerana sebab-sebab yang disebutkan tetapi juga untuk menghalang orang lain dari memperolehi-nya. Adalah dipercayai oleh pendukung-pendukung 'Imperialisme Baru' ini bahawa dengan memperolehi wilayah dan rakyatnya serta kekayaannya, maka kekayaan, kuasa dan martabat negara yang menjajah itu akan meningkat. Pada umumnya, martabat negara diukur dari segi banyaknya kawasan dunia yang terletak di bawah kuasa negeri itu.

Y Jepun juga terpengaruh oleh desakan imperialis ini. Pertamanya, jelaslah bahawa sekiranya Jepun mahu menandingi Barat dan ingin diterima oleh kuasa-kuasa besar sebagai setaraf dengan mereka, maka eloklah ia memperolehi sebuah empayar. Kawasan yang ternyata bagi Jepun meluaskan kuasanya ialah kawasan yang terhampir sekali — Korea, Manchuria dan China. Kedua, cita-cita imperialis kuasa-kuasa Barat menyebabkan Jepun mempertimbangkan langkah-langkah untuk keselamatannya sendiri. Cita-cita Rusia disyaki, dan kuasa-kuasa Eropah yang lain sedang menambah tekanan mereka terhadap negeri China. Lagipun, menjelang tahun 1890an, Jepun sedang membangunkan sebuah ekonomi perindustrian. Negeri Jepun tidak kaya dalam bahan-bahan mentah asas yang perlu untuk perusahaan berat iaitu arang batu dan besi. Tambahan pula pekilang-pekilang Jepun sedang tertarik hati dengan potensi pasaran Korea dan China.

Namun begitu, dalam tahun 1894 dorongan ekonomi tidak merupakan sebab yang ulung. Korea dan China adalah negara-negara lemah yang menanti campur tangan daripada kuasa-kuasa lain. Pemimpin-pemimpin Jepun menganggap

adalah penting bagi Jepun mempunyai pengaruh di pantai bahagian timur laut Asia, mendahului lawan-lawannya dari Eropah dan melindungi Jepun dari ditentangi oleh bakal musuh yang gagah yang datang dari seberang laut yang sempit itu. Ini adalah selaras dengan pemikiran strategik yang diwarisi dari kurun keenam belas. Kali ini, hasil penanggulangan yang dikenakan oleh Putera Iwakura dalam tahun 1873, Jepun telah membangunkan kuasa lautnya dan kempennya di Korea telah berjaya. Bagaimanapun, kebimbangan Jepun mengenai kuasa-kuasa Barat telah terbukti apabila 'Pengantaraan Tigapihak' enggan memberi Port Arthur kepada Jepun dan ini diikuti oleh 'Rebutan bagi mendapatkan Penguluran' di kalangan kuasa-kuasa Barat serta pajakan Port Arthur dan semenanjung Liaotung kepada Rusia. Ini mengakibatkan marah yang hebat di dalam negeri dan membawa Jepun ke arah konfrontasi dengan Rusia. Namun begitu, Jepun telah memperolehi kehormatan antarabangsa yang cukup hasil dari mengalahkan China dan dari mengambil bahagian dalam angkatan Boxer tahun 1900. Ini membolehkannya meminta pembatalan hak wilayah asing dan menjadi sahabat yang menarik kepada Britain. Perikatan Inggeris-Jepun tahun 1902 membuka jalan kepada perang Rusia-Jepun kerana seperti Jepun, Britain juga bimbang akan peluasankuasa Rusia.

Kemenangan Jepun dalam perang dengan Rusia itu dialu-
alu oleh Britain dan perikatan Inggeris-Jepun telah diperbaharui dalam tahun 1905. Britain dan Perancis telahpun terikat oleh *Pakatan Mesra*, memandangkan kepada kuasa Jerman yang semakin meningkat. Perancis telahpun mempunyai hubungan dengan Rusia. Dalam bulan Jun 1907, Jepun dengan Perancis mengadakan pakatan ('entente' yang kurang sedikit daripada sebuah persetujuan perikatan yang penuh). Tidak lama kemudian, Jepun mengadakan pakatan yang sama dengan Rusia. Rusia dan Jepun menjelaskan kedudukan masing-masing di Manchuria dan dalam tahun 1909 kedua-dua kuasa bertindak bersama bagi membantah dengan jayanya tawaran China hendak memberi penguluran keretapi di Manchuria kepada sebuah kumpulan Inggeris-Amerika. Perjanjian selanjutnya antara Rusia dengan Jepun membolehkan Jepun mengilhakkan Korea dalam tahun 1910. Pada tahun 1912 kedua-dua kuasa itu mencapai per-

janjian mengenai pembahagian lingkungan kepentingan masing-masing di Mongolia. Apabila meletusnya perang dunia dalam tahun 1914 Jepun menyebelahi Britain, Perancis dan Rusia dan sebuah kontingen British yang kecil telah mengringi Jepun semasa pendudukan penguluran-penguluran Jerman di Shantung.

Jadi, setakat ini Jepun telah bertindak mengikut cara biasa kelakuan antarabangsa. Sungguhpun peluasankuasa mungkin merupakan satu bentuk pengucapan perasaan nasional yang dikesali, tetapi ianya dipersetujui oleh kuasa-kuasa besar dalam masa sebelum Perang Dunia Pertama. Tiap kuasa menjaga kepentingan masing-masing. Apabila sahaja ujud kekosongan kuasa seperti yang berlaku di Manchuria pada permulaan kurun ini, tidak hairanlah jika kuasa-kuasa besar yang berhampiran mengambil kesempatan dari keadaan negeri China yang tidak berdaya mendesak tuntutanannya, lalu mereka masuk ke Manchuria; begitu juga tidak hairanlah apabila peperangan telah menguji sejauh mana Jepun dan Rusia boleh berjuang, maka kedua-dua negara ini mencari cara diplomasi bagi menentukan lingkungan-lingkungan kepentingan mereka.

Kegiatan-kegiatan Jepun dalam Perang Dunia Pertama juga adalah sejajar dengan amalan antarabangsa yang diterima dan tuntutan-tuntutannya ke atas Shantung dan di Pasifik diiktiraf oleh Persidangan Damai dalam tahun 1919. Malah, tekanan yang dikenakan oleh Jepun terhadap negeri China akibat dari Tuntutan Dua Puluh Satu itu pun tidak melebihi apa yang diharapkan oleh kuasa-kuasa Eropah dari sebuah kuasa yang lebih lemah. Kecaman yang bertambah terhadap Jepun selepas Perang Dunia Pertama ditimbulkan oleh kebimbangan Eropah dan Amerika bahawa Jepun mengancam kepentingan-kepentingan mereka di negeri China; dan bahawa Jepun sedang menjadi kuasa terutama di rantau itu dan mampu mengusir orang lain daripada situ.

Perang Dunia Pertama telah mengubah imbalan kuasa di timur laut Asia. Buat sementara waktu Rusia tidak lagi menjadi satu faktor penting oleh kerana revolusi dan perang saudara di dalam negeri. Kegiatan-kegiatan Jepun di Siberia dijalankan hanya kerana timbulnya kekosongan kuasa di situ. Jepun menangguk di air yang keruh, seperti yang telah dilaku-

kannya di negeri China. Britain telah menjadi sangat lemah akibat peperangan sungguhpun hal ini tidak ketara buat beberapa lama kerana ia berada di sebelah pihak yang menang. Hanya Amerika Syarikat dan Jepun sahaja yang mendapat keuntungan daripada perang itu. Amerika Syarikat telah lewat menyertai perang itu iaitu dalam tahun 1917, dan sehingga ketika itu ia telah mendapat keuntungan daripada dasar perkecualiannya. Jepun tidak banyak terlibat dalam pertempuran yang hebat dan mengikut mandat Liga Bangsa-bangsa, telah memperolehi penguluran-penguluran Jerman di Shantung dan pulau-pulau Pasifik Jerman ke utara khatulistiwa. Kepentingan-kepentingan perniagaan dan perdagangan Jepun serta perdagangan lautnya berkembang dengan terhapusnya persaingan Eropah dari kawasan Asia semasa perang. Pertambahan pengaruh Jepun ini menyebabkan Amerika bimbang bahawa kepentingan-kepentingan mereka di negeri China diancam oleh persaingan dari Jepun. Sebaliknya pula, Jepun mempunyai sebab marah terhadap dasar imigrasi Amerika dan kegagalan Persidangan Damai di Versailles mengesahkan prinsip kesamaan bangsa, pengesahan yang telah didesak oleh Jepun. Memang mungkin timbul perasaan marah, salah faham dan perselisihan apabila Amerika Syarikat dan Jepun semakin sedar akan keadaan selepas perang di Asia Timur dan Pasifik dan apabila minat mereka terhadap rantau itu menimbulkan persaingan dan permusuhan.

Untuk mengelakkan berlakunya perlumbaan senjata seperti yang telah menjadi sebahagian daripada punca ketegangan yang mendahului Perang Dunia Pertama di Eropah, dan untuk menimbulkan kefahaman tentang peranan mereka masing-masing di Asia Timur, kuasa-kuasa yang mempunyai kepentingan di rantau itu telah bertemu di Persidangan Washington dalam bulan November tahun 1921. Di persidangan ini, wakil-wakil dari Jepun mengambil sikap berdamai dan menerima pembatasan terhadap pembinaan kapal-kapal perang utama dan pengkalan-pengkalan tentera laut serta bersetuju seperti juga kuasa-kuasa lain, yang ia akan menghormati kesatuan wilayah, pentadbiran dan ekonomi negeri China: bagaimanapun, ini tidak memerlukan Jepun menyerah penguluran dan keistimewaan yang telah diperolehinya, cuma Jepun dipujuk supaya memulangkan

kepada China sebahagian dari penguluran yang telah diperolehi-nya di Shantung. Pada praktiknya kehadiran Jepun di Shantung masih meluas.

Dasar berdamai ini berterusan dalam tahun 1920an, terutama sekali apabila Baron Shidehara Kijuro menjadi Menteri Luar (Jun 1924-April 1927; Julai 1929-Disember 1931), sungguhpun meletusnya peristiwa Manchuria pada akhir tempoh jawatannya menegaskan bahawa dasarnya telah gagal. Walau bagaimanapun, kelihatan bahawa dalam tahun-tahun 1920an, Jepun mengamalkan sikap yang kurang agresif sebahagian besarnya disebabkan oleh *zaibatsu* yang berhubungan rapat dengan parti-parti politik. *Zaibatsu* ini sedar akan pentingnya pengusahaan ekonomi rantau itu secara aman. Perjanjian tentera laut di Washington mengakibatkan pengurangan rancangan pembinaan tentera laut sehingga tentera Jepun sendiri dikurangkan daripada 21 menjadi 17 bahagian sahaja. Di negeri Jepun sendiri, hak mengundi dilanjutkan dalam tahun 1925 sehingga meliputi semua orang lelaki yang berumur lebih daripada 25 tahun. Jelaslah kepada beberapa orang pemerhati bahawa Jepun sedang menuju ke arah kerajaan parti jenis yang liberal disertai dengan dasar berdamai di seberang laut.

Tetapi, walau dalam tahun-tahun 1920an sekalipun, faktor-faktor lain juga sedang bertindak dan apabila kepentingan-kepentingan Jepun yang tertubuh diancam seperti yang berlaku di Shantung dalam tahun 1928, kerajaan yang pada masa itu di bawah pimpinan Jeneral Baron Tanaka, telah menghantar askar untuk melindungi rakyat dan harta Jepun. Ini telah mengakibatkan pertempuran dengan pihak China Kebangsaan di Tsinan. Dasar liberal dan berdamai yang diamalkan oleh Baron Shidehara itu tidak hidup lama dan mempunyai asas yang tidak kukuh pula. Tidak lama kemudian ianya dilanda berbagai peristiwa. Titik penentuannya mungkin peristiwa tembakan ke atas Perdana Menteri Hamaguchi Yuko dalam bulan November 1930. Beliau ditembak kerana menerima syarat-syarat persidangan tentera laut di London pada awal tahun itu.

Jika ditinjau balik, tahun-tahun 1920an merupakan tempoh peralihan. Peringkat pertama peluasankuasa Jepun hanyalah berbentuk tuntutan terhadap kawasan-kawasan yang turun-

temurun dianggap sebagai sebahagian daripada negeri Jepun ataupun yang rapat bergantung padanya, misalnya kemasukan pulau-pulau Kurile dan Ryukyu menjadi sebahagian daripada negeri Jepun. Peluasan wilayah di tanah besar Asia yang bermula pada tahun 1894 dicapai melalui peperangan yang singkat dan diuruskan dengan baik. Peperangan ini diselesaikan melalui rundingan apabila pihak yang tewas mengakui kekalahannya. Dalam tindakan kekerasannya, Jepun menunjukkan bukti yang ia juga menahan diri dan berdisiplin. Ini ditunjukkan oleh askar-askarnya semasa angkatan Boxer di mana mereka telah mendapat pujian pemerhati-pemerhati asing. Tentera adalah alat kerajaan dan di bawah kawalan kerajaan tersebut. Ideal Meiji ialah peraturan dan disiplin dalam negeri seperti yang dijelaskan oleh Perlembagaan Meiji tahun 1889; Perintah Imperial kepada Tentera Darat dan Laut, tahun 1882 dan Piagam Pelajaran tahun 1890. Tetapi dalam tahun 1912 Maharaja Meiji telah meninggal dunia dan menjelang tahun 1920, pengasas-pengasas Jepun Meiji juga kebanyakannya meninggal dunia. Orang-orang ini dipenuhi dengan semangat samurai tetapi orang-orang yang menggantinya selalunya datang dari luar kelas samurai. Lagipun mereka ini tidak mempunyai matlamat-matlamat yang jelas seperti orang-orang yang mendahului mereka. Matlamat-matlamat yang asal kebanyakannya telah dicapai. Ianya adalah matlamat-matlamat yang terhad. Menjelang tahun 1930an Jepun memerlukan matlamat-matlamat baru. Timbul kekeliruan tentang bentuk matlamat-matlamat ini, tetapi pencapaian Meiji meninggalkan warisan yang malang. Matlamat-matlamatnya dicapai melalui cara tentera. Perang-perang Jepun telah selalunya berjaya dan telah mendatangkan padanya martabat antarabangsa, peluasan wilayah dan kemewahan yang bertambah. Kejayaan telah memberi kepada tentera tempat yang tertinggi dalam masyarakat Jepun. Tentera dapat berbangga menjadi pengawal segala-gala yang telah membuat Jepun sebuah negara agung. Tentera atau sebahagian daripadanya dapat mengemukakan diri dan menuntut hak memimpin apabila Jepun menghadapi kekacauan dan keraguan menjelang akhir tahun-tahun 1920an; apabila bertambahnya ancaman dari luar negeri dan ketidakjujuran dan kelemahan politik di dalam negeri; apabila kelihatan bahawa

Jepun masih tidak mendapat tempat dalam barisan negara-negara, kedudukan yang dipercayai oleh setiap rakyat Jepun yang patriotik patut dinikmati oleh negaranya.

Kedudukan Jepun dalam dunia pada tahun 1930 mem-bimbangkan rakyatnya yang patriotik. Rusia sedang muncul daripada zaman huru-haranya dan tindakannya terhadap China di utara Manchuria pada tahun 1929 menunjukkan bahawa ia telah membentuk angkatan tentera yang cekap. Inilah bakal ancaman terhadap kepentingan-kepentingan Jepun. Di bawah pimpinan Chiang Kai-shek, negeri China telah mencapai sesuatu yang menyemai perpaduan. Jika ia dapat menjalankan pemodenan maka ia akan menjadi sebuah kuasa yang kuat. Melalui undang-undang Imigrasi tahun 1924, Amerika Syarikat menjalankan diskriminasi terhadap orang Jepun. Ia juga mempunyai pengkalan-pengkalan di Pasifik dan Filipina. Pihak British sedang membina pengkalan angkatan tentera lautnya di Singapura, betul-betul di luar had wilayah yang dikenakan oleh Persidangan Washington. Ini dipandang dengan penuh syak oleh pihak Jepun. Pada tahun 1922 pihak British bersedia menamatkan perikatan Inggeris-Jepun. Ini menjejaskan kebanggaan Jepun dan pakatan-pakatan berasingan yang timbul daripada Persidangan Washington itu tidak dapat 'memujuknya' lagi. Amerika dan Britain nampaknya sedang bersatu untuk menentang orang Jepun Asia. Perasaan ragu-ragu dan tidak selamat akibat dari perubahan-perubahan ini boleh dipergunakan oleh nasionalis Jepun yang mendapati pada pola-pola yang bertukar pada akhir tahun 1920an, bakal ancaman kepada kedudukan Jepun di Asia Timur.

Menjelang tahun 1930 juga, Kemelesetan Dunia sedang di-rasai oleh semua dan barang-barang Jepun tidak dapat dijual di pasaran dunia. Terutama sekali perusahaan sutera terjejas dengan hebat dan ini membawa akibat-akibat yang meluas kerana kebanyakan keluarga luar bandar menambah pendapatan mereka dengan menghasilkan sutera. Walaupun terdapat per-industrian dan urbanisasi, pertanian masih merupakan per-usahaan Jepun yang utama dan ianya diusahakan oleh keluarga-keluarga petani. Rekrut-rekrut tentera kebanyakannya datang daripada golongan petani dan ramai daripada pegawai-pegawai mudanya berasal dari kelas pertengahan rendah, iaitu dari

kelas yang paling mungkin mempunyai latar-belakang yang konservatif serta yang paling terjejas oleh zaman kesulitan ekonomi. Di kalangan kelas ini jugalah perasaan marah paling hebat terhadap tokoh-tokoh politik yang penuh rasuah dan mementingkan diri serta terhadap kelas-kelas perindustrian dan perdagangan yang kaya.

Tentera telah lama terlibat dala proses kerajaan. Yamagata sendiri telah menjadi Perdana Menteri daripada tahun 1898 hingga 1900, sungguhpun beliau bukannya seorang pegawai yang sedang berkhidmat pada masa itu. Beliaulah yang mengemukakan syarat bahawa jawatan Menteri Tentera Darat dan Menteri Tentera Laut mestilah dipegang hanya oleh pegawai-pegawai yang berkhidmat. Tujuannya ialah untuk mengelak tentera daripada terlibat dalam politik parti. Beliau menganggap bahawa tentera akan mengekalkan kedudukan bebas dan bahawa ahli-ahli kabinet yang terdiri daripada ahli tentera akan mengutarakan usul-usul tentera darat dan laut dengan tidak dipengaruhi oleh tekanan parti atau pertimbangan parti. Apa yang tidak diramalkannya berlaku ialah bahawa tentera juga boleh menjadi sebuah parti kerana kelayakannya sendiri. Dengan adanya pegawai-pegawainya yang berkhidmat dalam Kerajaan, tentera mempunyai pengaruh yang penting. Sekiranya tentera darat dan laut tidak bersetuju dengan langkah-langkah yang diperkenalkan oleh pihak awam, mereka boleh meletak jawatan dan meruntuhkan kerajaan. Ini telah berlaku dalam masa hidup Yamagata iaitu dalam tahun 1912 apabila Menteri Tentera Darat, Jeneral Uehara, membangkang keputusan Perdana Menteri Saionji untuk menghentikan peluasankuasa tentera darat dan laut pada masa berlaku kesulitan ekonomi. Uehara telah meletak jawatan dan tentera darat enggan melantik seorang menteri lain. Saionji terpaksa meletak jawatan walaupun pada hakikatnya parti politiknya iaitu Seiyukai memegang majoriti dalam Diet.

Oleh itu tentera merupakan kuasa politik walaupun ianya tidak terlibat dalam politik parti yang sebenar-benarnya. Pada masa Jepun dalam kesulitan akibat kemelesetan dunia, tentera dapat menggunakan martabat ini dan mendakwa bahawa ia mewakili tradisi Jepun yang terbaik. Mereka dapat menarik perhatian ramai kepada kelemahan ahli-ahli parti politik dan

ketua-ketua perniagaan dan mendakwa bahawa masalah-masalah Jepun kebanyakannya disebabkan oleh orang-orang ini. Namun begitu, tentera sendiri berpecah-belah. Pegawai-pegawai daripada generasi yang lebih tua bersedia bekerja dalam rangka institusi-institusi yang sedang ujud dan menggunakannya untuk tujuan mereka. Pegawai-pegawai muda yang radikal mahukan rancangan ekonomi bercorak sosialis dan kerajaan yang dikuasai tentera yang akan menentukan dasar atas nama Maharaja. Puak yang lebih muda ini dikenali sebagai Kodo Ha atau Puak Cara Imperial. Kumpulan yang lebih sederhana terdiri daripada pegawai-pegawai yang lebih tua dikenali sebagai Tosei Ha atau Puak Kawalan. Di antara tentera darat dan tentera laut juga terdapat perselisihan pendapat. Pegawai-pegawai tentera laut lebih sedar lagi daripada rakan sejawat mereka dalam tentera darat tentang bahaya pertelingkahan dengan kuasa-kuasa Barat terutama sekali dengan Amerika Syarikat kerana mereka sedar akan pentingnya kuasa laut. Tentera darat lebih memandang kepada tanah besar Asia dan mereka tidak nampak sebarang kemungkinan kekalahan jika mereka bertempur dengan China, malah dengan Rusia sekalipun.

Dalam keadaan ini, adalah mustahil bagi kerajaan Jepun tidak mengakui tindakan-tindakan Tentera Kwantung di Manchuria dalam tahun 1931-32. Lagipun, tidak ada mana-mana Kerajaan pun yang akan bersetuju meninggalkan kepentingan-kepentingan Jepun yang telah diperolehi di Manchuria dan China itu. Kerajaan China sedang cuba menubuhkan semula kedaulatannya ke atas Manchuria dan pertelingkahan tidak akan dapat dielakkan sekiranya China meneruskan dasar ini. Cara pertelingkahan ini timbul, bagaimanapun, telah melemahkan kuasa kerajaan berperlembagaan dan menggalakkan puak radikal dalam tentera darat supaya meneruskan rancangan mereka untuk membentuk negeri Jepun yang militan. Pembunuhan dan cubaan-cubaan rampasan kuasa yang mereka lakukan diterima oleh pegawai-pegawai kanan mereka sungguhpun pegawai-pegawai ini tidak bersetuju dengan cara mereka. Oleh itu pegawai-pegawai radikal seperti mereka yang telah melancarkan peristiwa 15hb. Mei 1932, telah dapat menjadikan perbicaraan ke atas diri mereka sendiri sebagai tempat memamerkan idea-idea mereka dan mengemukakan diri mereka

sebagai pahlawan-pahlawan yang patriotik. Peristiwa 15hb. Mei ini termasuklah pembunuhan Perdana Menteri Inukai dan serangan ke atas ibupejabat Parti Seiyukai, Bank Jepun, Bank Mitsubishi, ibupejabat pusat balai polis di Tokyo dan ke atas rumah ketua pegawai Istana Maharaja. Tiada sebarang tindakan keras diambil terhadap anasir-anasir radikal ini sehinggalah percubaan rampasan kuasa pada 26hb. Februari 1936 apabila Maharaja sendiri telah mendesak supaya tindakan disiplin diambil terhadap angkatan tentera darat ini. Ketua-ketua komplot ini dengan segera dihukum bunuh.

Ini menandakan titik penentuan kerana ia menghancurkan kepimpinan Kodo Ha atau Puak Cara Imperial dengan kecenderungannya kepada bentuk sosialisme negara dan tentangannya terhadap *zaibatsu*. Puak kawalan atau Tosei Hai lebih sukakan dasar-dasar sosial dan ekonomi yang lebih konservatif di samping sebuah kerajaan tentera di dalam negeri dan peluasan kuasa di seberang laut. Ianya sedia bekerja dengan *zaibatsu*. Dengan terhapusnya puak radikal, pemimpin-pemimpin *zaibatsu* tertarik hendak bekerjasama dengan tentera kerana mereka sedar akan peluang-peluang perdagangan dan pelaburan yang akan mereka perolehi daripada dasar peluasan kuasa ini.

Dalam tahun-tahun 1930an berlaku penindasan cara pemikiran yang liberal dan perkembangan nasionalisme ketenteraan yang tidak dapat ditahan walaupun terdapat permusuhan di kalangan angkatan tentera. Tetapi apabila Puak Kawalan menjadi penting, pemusatan kuasa dan keunggulan tentera lebih jelas lagi. Meletusnya permusuhan di negeri China dalam tahun 1937 telah mempercepatkan aliran ini. Jepun menjadi sebuah negara ketenteraan dan menjalani peringkat-peringkat yang bermula dengan tindakan Perdana Menteri Konoye memperkenalkan Undang-undang Kerahan dalam tahun 1938 hinggalah kepada rancangan beliau juga bagi mengadakan Perintah Baru bukan sahaja di Jepun bahkan di Asia Timur. Dengan terbubaranya parti-parti politik dan terbentuknya Persatuan Bantuan Pemerintahan Imperial yang dirasmikan dalam bulan Oktober 1940, Jepun menjadi sebuah negara totaliter satu-parti.

Setakat ini kita telah mengesan kepentingan tentera yang

meningkat di negeri Jepun pada lewat tahun 1920an dan 1930an. Ini menunjukkan bahawa dasar-dasar tentera terutama sekali dakwaan mereka bahawa mereka mewakili kehendak rakyat dan menjadi pelindung negara itu, diterima oleh sebahagian besar rakyat Jepun. Kita sekarang perlu melihat dengan lebih dekat lagi akan keadaan yang mengakibatkan berlakunya Peristiwa Manchuria dan kemudiannya Peristiwa China dan serangan ke atas kuasa-kuasa Barat di Asia.

Satu perkara dengan segera menjadi jelas. Tidak ada mana-mana kerajaan Jepun yang akan memikirkan hendak melepaskan penguluran-penguluran yang telahpun diperolehinya di negeri China dan Manchuria. Sebarang pengurangan pada penguluran-penguluran ini juga tidak akan dipertimbangkan. Oleh itu Jepun dapat memberi alasan bahawa tindakan-tindakannya di Manchuria dan China adalah bertujuan untuk melindungi dan mempertahankan kedudukan yang telahpun diperolehinya melalui penaklukan yang terdahulu atau melalui perjanjian-persetiaan. Ini tidak mengira sama ada perjanjian-perjanjian ini diperolehi secara paksa atau melalui ancaman tindakan paksa. Ia mempertahankan bahawa minatnya di Shantung dalam tahun 1928 dan tindakan-tindakannya di Manchuria dalam tahun 1931 dan di Shanghai dalam tahun 1932 boleh ditafsirkan sebagai tindakan mempertahankan kepentingan-kepentingannya yang diancam oleh kesedaran yang timbul semula di negeri China di bawah Kerajaan Kebangsaan.

Keentingan-keentingan itu termasuklah yang sudah ujud dan yang bakal diperolehinya. Di Manchuria, di zon-zon keretapi yang dikawal oleh Jepun, ujud keamanan dan kestabilan yang dikuatkuasakan oleh askar-askar Jepun di situ. Di dalam zon-zon ini pelaburan Jepun telah menubuhkan industri. Orang Jepun dibenarkan menempat dan berdagang di luar zon-zon tersebut. Jepun berharap bahawa sebahagian dari penduduk Jepun yang semakin bertambah itu mungkin dapat dipindahkan ke Manchuria yang juga akan menjadi sumber bahan-bahan mentah dan pasaran bagi barang-barang Jepun. Hanya sebahagian sahaja dari harapan ini tercapai dalam tahun 1931 tetapi kawasan itu dianggap sebagai mempunyai potensi, terutama sekali jika ia dapat menjamin kemasukan Jepun ke dalam wilayah di luar zon keretapi itu. Lagipun, Manchuria

mempunyai kepentingan strategik sebagai benteng yang menghalang peluasankuasa Soviet.

Pelaburan Jepun di negeri China, termasuk Manchuria, adalah sangat besar. Yang lebih penting lagi, ianya mewakili 81.9 peratus daripada semua pelaburan Jepun di luar dari negeri Jepun. Pelaburan British di negeri China adalah lebih dari Jepun tetapi ia mewakili kurang dari enam peratus jumlah pelaburan asing Britain. Kepentingan Amerika Syarikat di negeri China adalah lebih kecil lagi.⁶ Terdapat kira-kira 250,000 orang Jepun di Negeri China. Orang Jepun merupakan kira-kira 38 peratus daripada penduduk asing di Shanghai dan 70 peratus dari jumlah keseluruhan penduduk asing. Oleh itu, Jepun berhak mendakwa bahawa China mempunyai kepentingan yang istimewa bagi mereka. Tambahan pula, pasaran-pasaran seberang laut bagi pengilang-pengilang Jepun tertutup akibat dasar perlindungan yang diamalkan oleh lain-lain negeri maju: Jepun semakin yakin bahawa China mesti dikaitkan dengan negeri Jepun dari segi ekonomi.

Satu alasan lain yang berdasarkan kepada soal bangsa dan berhubungan dengan alasan ekonomi telah juga diutarakan untuk menyokong peluasankuasa dalam tahun-tahun 1930an. Rakyat Jepun yang patriotik sangat marah kerana malu yang mereka alami akibat daripada keengganan Persidangan Damai tahun 1919 menerima dasar kesamaan bangsa serta mengecam Akta Imigrasi Amerika Syarikat tahun 1924 dan dasar-dasar imigrasi yang menghadkan kemasukan orang Jepun yang diamalkan oleh Australia, Kanada dan New Zealand. Satu daripada daya penggerak rancangan pemodenan Meiji ialah keinginan supaya Jepun diterima sebagai setaraf oleh kuasa-kuasa Barat. Orang Jepun mengesan asal-usul mereka kepada sumber-sumber ketuhanan dan sudah tentulah mereka penuh rasa sombong dan megah. Mereka tidak tahan penghinaan kerana terpaksa tunduk kepada Barat. Selepas Pengantaraan Tigapihak tahun 1895 yang memaksa Jepun menyerah kembali Semenanjung Liaotung kepada negeri China, rakyat Jepun menerima arahan Maharaja Meiji untuk 'menanggung yang tidak bertanggung'; tetapi kenangan tentang hal ini terus menyakit hati mereka. Jepun dapat menghapuskan penghinaan dan malu ini dengan menjadi bukan sahaja kuasa utama Asia tetapi juga pemimpin Asia.

Menjelang tahun 1930an, ini membawa implikasi bahawa ianya pemimpin nasionalisme Asia bagi menentang imperialisme Barat.

Pengambilan Kuasa Meiji juga telah menghidupkan semula agama Shinto yang kunu itu. Shintoisme ini mempengaruhi semua orang Jepun sama ada mereka menerimanya sepenuhnya atau tidak, kerana agama ini diajar di sekolah-sekolah dan di dalam dakyah Kerajaan. Shintoisme menekankan tentang sifat-sifat ketuhanan Maharaja dan superioriti institusi-institusi dan rakyat Jepun yang juga mempunyai asal-usul ketuhanan. Bumi Jepun terletak di bawah jagaan dewa-dewa. Rakyat Jepun mempelajari tentang tugas ketuhanan mereka untuk menyatukan 'seluruh dunia di dalam sebuah rumah'.⁸ Mereka yang tidak dapat menerima kesemua aspek agama Shinto sekalipun masih dapat menerima untuk negeri Jepun, tugas tunggal sebagai pemimpin dunia Asia.

Jadi dasar peluasankuasa Jepun didorongkan bukan sahaja oleh idealisme tetapi juga oleh usaha mencari wilayah dan pengembangan, keselamatan negara dan keuntungan, bahan-bahan mentah, pasaran dan tempat tinggal. Perintah Baru di Asia, lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Besar adalah konsep yang dipegang dengan ikhlas oleh ramai orang Jepun, samalah seperti orang Eropah dan Amerika dapat diyakinkan bahawa imperialisme mereka membawa faedah kepada rakyat yang mereka perintah dan bahawa ini mengatasi faktor-faktor yang kurang baik. Jepun adalah kuasa tentera Asia yang utama: sudah tentulah ia boleh menuntut hendak menjadi pemimpin Asia sebagai hak dan tanggungjawabnya. Dan sudah tentulah negara-negara Asia, apabila sahaja mereka dibebaskan daripada belenggu kuasa-kuasa Eropah, patut bekerjasama dengan Jepun dari segi politik dan ekonomi untuk membangunkan punca kekayaan Asia bagi faedah negeri Jepun. Ini ialah kerana negeri Jepun yang kuat dan mewah akan menjaga dan melindungi mereka. Pentakkulan seperti ini terbukti kebenarannya apabila nasionalis-nasionalis Asia, dari Sun Yat-sen hinggalah kepada Subhas Chandra Bose, berpaling kepada Jepun bagi mendapatkan inspirasi dan bantuan praktik. Jepun menjadi tempat berlindung seperti yang dilakukan oleh pihak Thakin dari Burma yang melarikan diri ke Jepun dalam tahun 1941. 'Asia untuk

orang Asia' adalah cogankata yang menarik dan selalunya benar. Tetapi, seperti juga imperialis-imperialis lain sebelumnya, Jepun menjadi marah dan keciwa apabila orang-orang yang ia ingin selamatkan itu telah menentangnyanya ataupun mementingkan kebajikan penduduk negeri mereka dahulu. Jepun terlewat mengenali kekuatan nasionalisme di dalam negeri-negeri yang ia telah takluki.

Unsur idealisme ini membuatkan semangat patriot yang bernyala-nyala itu lebih merbahaya lagi, terutama sekali apabila ianya dikaitkan dengan kesetiaan bersifat mistik terhadap Maharaja dan ideal Kemaharajaan. Oleh kerana matlamatnya mulia, ianya dapat digunakan untuk mewajarkan cara-hina yang digunakan untuk mencapainya. Oleh kerana kesetiaan kepada Maharaja dan Kemaharajaan akan dianggap sebagai kesetiaan yang tertinggi, adalah mungkin dibenarkan pemberontakan menentang kuasa-kuasa di bawah Maharaja dengan alasan bahawa mereka ini menghalang dan menentang kehendak Maharaja; sungguhpun tidak dapat diterangkan bagaimana orang yang berkomplot dan memberontak dapat mendakwa yang mereka tahu apa dia kehendak Maharaja itu. Bagaimanapun, adalah sukar mendisiplinkan orang yang dicorong oleh semangat yang berlebihan dalam memperjuangkan maksud negara. Dalam tahun-tahun awal pemodenan dan peluasankuasa terdapat pertanda-pertanda yang buruk untuk masa hadapan. Dalam tahun 1877, Saigo Takomori telah memberontak bukannya terhadap Maharaja tetapi terhadap 'penasihat-penasihatnya yang jahat'. Ini adalah alasan yang berulang-ulang kali digunakan oleh puak pelampau dalam tahun-tahun 1920an dan 1930an. Pembunuhan Permaisuri Korea pada tahun 1895 di mana Residen Jepun di Seoul Leftenan-Jeneral Viscount Miura turut terlibat, telah dilakukan tanpa kuatkuasa dari kerajaan Jepun tetapi orang yang terlibat dalam komplot itu tidak dihukum. Nampaknya, suatu 'tindakan patriotik' walaupun tidak bijak dan kejam akan dimaafkan. Pelampau-pelampau tentera dalam tahun-tahun kemudiannya telah mengemukakan diri mereka sebagai patriot sehinggalah mereka yang mengelolakan cubaan rampasan kuasa pada 26hb. Februari 1936 itu telah melampaui batas.

Orang yang menjadi Perdana Menteri selepas peristiwa

26hb. Februari itu ialah Hirota Koki. Beliau telah menjadi Menteri Luar sejak tahun 1933 dan sekali lagi dalam Kabinet Konoye dalam tahun 1937-38. Sungguhpun Kodo Ha telah dihapuskan, pihak awam dalam Kerajaan masih menghadapi kesulitan kerana Tosei Ha juga berazam yang tentera mesti mempunyai pengaruh yang berkuasa. Pilihan-pilihan Hirota yang pertama bagi memenuhi jawatan dalam Kementerian-kementerian Luar, Dalam Negeri dan Keadilan telah ditolak dengan kuasa veto oleh tentera. Jadi beliau bercakap dari pengalamannya sendiri apabila beliau memberitahu seorang sahabat tentang kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pemimpin-pemimpin politik dari golongan awam.

Tentera adalah seperti seekor kuda liar yang dibiarkan bermaharajalela. Jika anda cuba menghalangnya dari hadapan, anda akan ditendang sampai mati. Hanya satu sahaja caranya, iaitu dengan berlari di sisinya dari kiri ke kanan dan cuba menguasainya sambil membiarkan ia sedikit sebanyak berbuat sesuka hatinya. Sudah tentulah sukar hendak menunggangnya tanpa pemijak kaki dan oleh kerana anda menunggang tanpa pelana, anda tidak tahu bila masanya anda akan tercampak ke tanah. Tetapi ini mesti dilakukan juga oleh sesiapa sahaja. Itulah sebabnya saya telah cuba menunggangnya.⁹

Sekiranya cukup ramai orang Jepun tidak bersetuju dengan dasar peluasskuasa Jepun dalam tahun-tahun 1930an, maka mungkin telah muncul pemimpin-pemimpin untuk menghalangnya, walaupun terdapat bahaya yang mereka akan dibunuh oleh puak pelampau tentera dan penyokong-penyokongnya. Tetapi pada asasnya, kelihatan bahawa hampir semua pemimpin Jepun walaupun mereka ragu-ragu dan bimbang, telah bersetuju dengan tiap langkah yang diambil sekurang-kurangnya selepas terjadinya peristiwa itu, dan terutama sekali apabila ia nampaknya berjaya. Oleh itu, Tentera Kwantung disokong oleh Turus Agung dan penaklukan-penaklukannya diiktiraf oleh kerajaan. Peluasan pengaruh Jepun ke utara negeri China telah dibiarkan oleh kerajaan Jepun dan apabila pertempuran berlaku dalam tahun 1937, kerajaan bersedia untuk menganggapnya sebagai peluang untuk mencapai perjanjian baru dengan China. Perjanjian ini akan membentuk Lingkungan

Sekemakmuran Asia Timur dengan kerjasama negeri China. Pencerobohan Jepun telah menimbulkan rasa nasionalisme China. Chiang Kai-shek tidak berunding seperti yang telah dilakukannya dahulu dan perang berterusan. Memperkembangkan pertelingkahan itu untuk menamatkannya dengan jayanya adalah lebih menarik lagi daripada mengundur diri. Arah tujuan dasar Jepun dalam tahun 1940 dan 1941 menimbulkan keraguan tetapi apabila tiba masanya tiada siapa pun yang mahu mengesyorkan supaya Jepun berundur dari kedudukannya di negeri China lebih-lebih lagi setelah Jepun banyak mengorbankan tenaga dan harta sejak tahun 1937. Desakan Amerika agar pengunduran sepenuhnya dilakukan membuatkan rundingan sukar dicapai. Jepun bersedia berbincang mengenai Indo-China tetapi walaupun tentera laut dan Konoye sendiri berasa ragu-ragu, mereka tidak mahu menanggung malu jika terpaksa tunduk kepada tuntutan Amerika agar mereka berundur dari negeri China. Hanya satu jalan sahaja yang dapat diterima oleh Jepun iaitu berperang. Dengan ini ia berharap dapat mencapai kemenangan dalam peringkat-peringkat pertama pertelingkahan dengan kuasa-kuasa Barat di Asia Tenggara dan Pasifik. Ia juga berharap yang musuh-musuhnya akan bersetuju untuk mengadakan perdamaian yang dirundingkan yang akan menguntungkan Jepun.

Hanya seorang tokoh sahaja yang boleh mempengaruhi tentera dan menukarkan arah tujuan Jepun yang malang itu iaitu Maharaja. David Bergamini menyatakan dengan pasti bahawa Hirohito terlibat dalam merancang dan memerintah supaya diadakan Peristiwa Manchuria dan kuat terlibat dalam rancangan dan pengelolaan yang membawa kepada perang dengan negeri China dan perang Pasifik.¹⁰ Bergamini yakin bahawa Maharaja bukanlah tokoh pasif seperti yang kelihatan pada orang ramai, yang secara tidak rela menandatangani dikridikri yang membawa Jepun ke arah peperangan. Pendapat Bergamini mengenai Hirohito ialah sebagai seorang Maharaja yang mengambil bahagian penuh dalam proses membuat keputusan dan memimpinnya ke jalan yang dikehendakinya. Bergamini menegaskan bahawa penglibatan Maharaja ini ditutup dengan baik sebahagiannya oleh pakar-pakar balasan pengintipan di dalam Turus Agung dan sebahagiannya oleh pegawai-

pegawai kanan di istana.¹² Tesis Bergamini ini bertentangan dengan pendapat yang diterima ramai, seperti yang dinyatakan oleh seorang penulis:

Dari segi teorinya Maharaja mempunyai kuasa penuh; semua keputusan negara memerlukan kelulusan dari baginda. Tetapi mengikut tradisi, apabila pemimpin-pemimpin Kabinet dan tentera telah bersetuju mengenai sesuatu dasar baginda mesti memberi persetujuannya. Baginda tidak boleh mengambil bahagian dalam politik dan tidak boleh terlibat dalam pertimbangan permusuhan parti, kerana baginda mewakili seluruh negara.

Walaupun terdapat segala larangan ini, baginda mempunyai pengaruh yang luar biasa kerana baginda mempunyai satu-satunya kedudukan yang membolehkannya memberi amaran atau meluluskan sesuatu tanpa melibatkan dirinya. Yang lebih penting lagi, tiap rakyat Jepun mengangkat sumpah akan berkhidmat untuk baginda sehingga mati. Kuasa moral ini begitu kuat sekali sehingga baginda tidak selalu menggunakannya dan jika digunakan, itupun dengan samar-samar sahaja. Mereka yang membuat laporan kepada Takhta terpaksa meramal kehendak baginda, kerana hampir selalunya titah baginda mengandungi maksud tersembunyi sementara air mukanya tidak membayangkan perasaannya.¹³

Walau apapun kuasa-kuasa penuh Maharaja, tidak syak lagi bahawa baginda termaklum tentang segala peristiwa dan ketika diadakan persidangan-persidangan imperial baginda dapat mengikuti dengan sendirinya hujah-hujah yang menyokong dan membangkang sesuatu dasar. Sekiranya baginda menentang rancangan tentera, mungkinkah pada hakikatnya kata-kata baginda itu dituruti, walaupun tiap katanya kononnya membawa penghormatan yang besar? Dalam membincangkan hal ini, Richard Storry mengemukakan bahawa perintah oleh Maharaja supaya tentera mengundur diri dari Manchuria dalam tahun 1931 akan ditaati walaupun terdapat bahaya berlakunya perang saudara dan inilah yang menakutkan Maharaja dan penasihat-penasihat baginda. Walau apa sekalipun keadaannya, Hirohito tidak pernah menentang secara terang-terang dasar peluasankuasa Jepun. Bergamini membayangkan besar kemungkinannya baginda telah menyokongnya. Mungkin juga ba-

ginda inginkannya. Memang benar dengan berdiam diri baginda memaafkan tindakan itu. Pada umumnya adalah diterima bahawa baginda mempunyai keupayaan kuasa yang lebih dari seorang raja berperlembagaan seperti Ratu England hari ini. Malah dalam ucapan yang penuh mengandungi maksud tersembunyi, baginda menasihatkan supaya Jepun menyerah diri dalam tahun 1945 dan baginda diminta menggunakan martabatnya dalam cara yang belum pernah dilakukan iaitu medesak rakyat dan tentera bersenjata Jepun menerima untuk menyerah diri.

Namun begitu, Maharaja tidak menentang dasar-dasar peluasankuasa tentera dalam tahun-tahun 1930an. Lagipun, kepada mana-mana rakyat Jepun yang bersifat patriotik, dan baginda ialah salah seorang dari golongan ini, kita telah melihat bahawa terdapat sebab-sebab yang sah bagi peluasankuasa Jepun dan alasan-alasan yang berkenaan dengan emosi dan yang pragmatik boleh digunakan sebagai alasan menyokong tiap langkah. Alasan-alasan tersebut sudah tentu memuaskan orang-orang Jepun yang banggakan negara dan kejayaan-kejayaan mereka dan yakin bahawa Jepun mempunyai peranan yang penting yang mesti dimainkannya di Asia. Mereka juga yakin bahawa negara mereka mempunyai hubungan yang istimewa dengan bahagian-bahagian Asia Timur yang paling berhampiran dengannya dan mereka ini memandang kuasa-kuasa Barat dengan penuh syak wasangka yang timbul daripada pengalaman Asia mengenai imperialisme Barat.

Maksud di sebalik sesuatu tindakan nasional sering kali tidak terang dan selalunya rumit. Begitu juga dengan maksud di sebalik peluasankuasa Jepun. Tidak syak lagi bahawa orang Jepun sejak dari permulaan zaman Meiji lagi telah berfikir tentang peluasankuasa. Pada mulanya Jepun Meiji menghadkan dirinya kepada penubuhan sempadan-sempadan negaranya. Pengembara-pengembara seperti Saigo Takamori dihalang dan usaha utama negara ditumpukan kepada pemodenan dan penyusunan semula institusi-institusi Jepun. Apabila kekuatan tentera darat dan laut Jepun telah terbina, ia mengalihkan pandangannya kepada Korea dan selatan Manchuria, sebahagiannya untuk mengimbangi kuasa Rusia, sebahagiannya bagi memperolehi martabat yang mengiringi kejayaan ketenteraan dan milik wilayah. Dengan memiliki Formosa, Jepun mempunyai tembok

yang menghalang peluasankuasa British dari Hong Kong dan juga sebuah pengkalan dari mana ia dapat memperolehi pengaruh di selatan negeri China. Perang-perang menentang China dan Rusia dilancarkan dengan matlamat yang tetap dan ditamatkan melalui perundingan. Dalam tiap-tiap keadaan, tentera kekal di bawah kawalan kerajaan. Dalam tiap-tiap keadaan juga, pencerobohan Jepun berlaku dalam batasan kelakuan antarabangsa yang diterima oleh kuasa-kuasa Barat.

Tetapi menjelang tahun 1920, pemimpin-pemimpin Meiji telah tidak berkuasa lagi. Jepun telah mencapai matlamat-matlamat jangka pendeknya tetapi Tuntutan Dua Puluh Satu tahun 1915 menunjukkan bahawa matlamat-matlamat yang lebih umum sedang muncul. Dunia selepas perang adalah dunia yang penuh ketidakpastian dalam hal-ehwal antarabangsa. Imbangan kuasa yang lama kini telah berubah sungguhpun para negarawan tidak betul-betul memahami sejauh mana perubahan itu. Di dalam negeri Jepun kerajaan parti dengan kompromi, komplot dan rasuahnya menimbulkan rasa tidak puas hati dan sikap sinis di kalangan kelas pegawai baru yang penuh dengan patriotisme idealistik yang diajar di sekolah-sekolah dan di dalam perkhidmatan tentera. Imperialisme ketenteraan digantikan oleh imperialisme ekonomi dan ini dianggap kurang mulia. Kedudukan Jepun nampaknya kurang teguh dan pemimpin-pemimpinnya kurang mengagumkan. Kepada kebanyakan orang Jepun, nampaknya masyarakat Jepun kekurangan haluan dan dasar Jepun kekurangan matlamat-matlamat yang tegas seperti yang dibangkitkan oleh pemulih-pemulih Meiji yang yakin bahawa mereka menjalankan pemodenan bagi mencipta negeri Jepun yang kuat. Matlamat-matlamat yang baru diperlukan.

Kemelesetan Besar dan akibat-akibatnya terhadap negeri Jepun menimbulkan keadaan di mana pendapat-pendapat puak pelampau dapat berkembang. Alasan-alasan ekonomi dan kedudukan strategik yang berubah di tanah besar Asia apabila negeri China mencapai keadaan yang menyerupai perpaduan dan apabila Soviet Union bertambah kekuatannya, semua ini telah menyebabkan hidup semula pendapat menyokong peluasankuasa terutama sekali di kalangan tentera. Nasionalisme yang melampau sedang dipertunjukkan oleh parti-parti Fasis puak

kanan di Eropah. Memandang kepada peranan penting tentera dalam kebangkitan Jepun mencapai taraf kuasa besar, tidak hairanlah bahawa nasionalisme ketenteraan juga bertapak di Jepun. Patriot-patriot muda yang fanatik di dalam angkatan tentera menganggap diri mereka sebagai penjelmaan ideal nasionalis, menjadi pelindung segala yang penting yang membuat negeri Jepun agung, menjadi pelaksana sebenarnya kehendak Maharaja. Adalah sukar bagi pegawai-pegawai kanan mereka dan bagi kerajaan juga mengecam dakwaan ini tanpa mereka sendiri dianggap sebagai tidak setia. Sebab itulah keadaan berkembang dalam mana Tentera Kwantung melancarkan Peristiwa Manchuria dan mengheret kerajaan bersamanya. Pembentukan Manchukuo dan peluasan pengaruh Jepun ke utara China membuktikan kejayaan mereka.

Pegawai-pegawai yang radikal itu telah melebihi batasan dan dihapuskan selepas cubaan rampasan kuasa dalam bulan Februari 1936. Tetapi kezazaman menguasai China kini telah menjadi dasar Jepun yang diterima. Sekali lagi, peristiwa berhampiran dengan Peking yang memulakan peperangan dengan negeri China, telah dicetuskan oleh askar-askar Jepun yang ditempatkan di situ. Begitu juga, ianya dijangkakan akan berakhir dengan kejayaan dan keuntungan seterusnya bagi pihak Jepun di negeri China. Tentang China yang tidak disangka-sangka serta keenggannya menyerah diri itu meletakkan Jepun dalam kedudukan di mana ia tidak boleh menang dan tidak juga boleh mengundurkan diri dengan rasa bangga atau dengan tidak menjejaskan kehormatannya. Akibatnya ialah penenteraan Jepun dan pembentukan negara totaliter di dalam negeri Jepun sendiri, alasan menyokong pencerobohannya melalui perisytiharan Perintah Baru di Asia Timur, dari pergerakan ke arah peperangan dengan kuasa-kuasa Eropah dan Amerika Syarikat apabila kemenangan tidak dapat mereka capai di negeri China. Akhirnya, Jepun menjadi mangsa dasar-dasarnya sendiri. Pemimpin-pemimpin Jepun, kebanyakannya dengan penuh curiga, telah mengambil keputusan melancarkan perang. Ini adalah kerana satu jalan lain sahaja yang terbuka padanya iaitu menerima tuntutan-tuntutan Amerika mengenai negeri China dan ini akan merupakan penghinaan yang terlalu besar.

Jepun berharap bahawa perdamaian akan dapat dirunding-

kan selepas kemenangan-kemenangannya yang awal yang telah memberikannya kuasa ke atas Asia Tenggara. Tetapi harapan ini sia-sia sahaja. Jepun kekurangan punca-punca kekayaan yang akan membolehkannya berperang lama dengan Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya. Keberanian, sikap fanatik dan ketahanan yang sabar tidak mencukupi. Empayar Jepun dirampas darinya dan negeri itu sendiri diduduki. Pengalaman itu nampaknya telah mempunyai kesan yang mendalam terhadap rakyat Jepun. Sejak berakhirnya pendudukan Amerika dalam tahun 1952, Jepun telah membangun semula ekonominya, memperolehi martabat dan pengaruh antarabangsa tetapi telah menolak ketenteraan. Dalam masa lebih daripada tiga puluh tahun semenjak tahun 1945, Jepun tidak membuat sebarang cubaan untuk meluaskan wilayahnya. Suasana antarabangsa di rantau itu tidaklah sebenarnya menggalakkan dasar peluasankuasa. Tambahan pula, sekatan-sekatan perlembagaan menghalang pembinaan angkatan tentera yang besar dan perikatan dengan Amerika Syarikat membuatnya tidak perlu. Tiga puluh tahun adalah tempoh masa yang singkat dalam sejarah manusia dan menukar pertimbangan-pertimbangan strategi dan ekonomi mungkin mengakibatkan perubahan dalam dasar Jepun: tetapi hingga masa ini, kerajaan dan rakyat Jepun telah menjauhkan diri dari ketenteraan dan peluasan wilayah. Kekalahan penuh negeri Jepun telah memburukkan ketenteraan; perlindungan dari Amerika memberikannya keselamatan; pembangunan ekonomi telah mendatangkan kemewahan. Usaha ekonomi negeri Jepun telah memperolehi untuknya martabat dan pengaruh antarabangsa yang sama dengan apa yang diperolehinya dahulu melalui kegagahan tenteranya. Sekiranya negeri Jepun terus dapat memperolehi pasaran dan bahan-bahan mentah serta pengurusan ekonomi yang baik di dalam negeri, tidak akan timbul dorongan yang kuat bagi Jepun mengamalkan semula dasar peluasankuasa. Untuk mengetahui apakah syarat-syarat strategi dan ekonomi yang mungkin akan membuatkan Jepun mengkaji semula dasar luar negerinya yang aman sekarang serta peringkat kesediaan tenteranya yang rendah itu, maka perlulah direnung kembali akan zaman peluasankuasa Jepun yang lampau.

KRONOLOGI

- 1274 Serangan Mongol ke atas negeri Jepun
1281 Serangan Mongol ke atas negeri Jepun
1592 Hideyoshi melanggar Korea
1596 Hideyoshi melanggar Korea
1639 Dasar pemencilan dikuatkuasakan
1644 Perdagangan diadakan semula dengan China
1716 Pengharaman terhadap pengkajian buku-buku asing ditarik balik
1792 Angkatan Rusia diketuai oleh Adam Laxman melawat Hokkaido
1795 Angkatan British diketuai oleh Broughton melawat Hokkaido, memeta pantai
1797 Fujita Yukoka memberi amaran kepada Lord Mito tentang bahaya dari Rusia

1730 -- 1801, Motoori Norinaga: tulisan-tulisannya mendorong pengembalian Maharaja dan kemunculan semula Shintoism

- 1804 Percubaan Rusia untuk mengadakan hubungan, diketuai oleh Nicholai Rezanov
1806-7 Serangan-serangan Rusia ke atas Sakhalin
1839-42 Perang Candu di negeri China
1844 } Percubaan-percubaan Belanda untuk memujuk Jepun
1847 } mengadakan hubungan dengan kuasa-kuasa Barat.
1852 }
1853 Komodor Perry tiba di Teluk Edo (Tokyo)
1854 31hb. Mac Perry memperolehi Persetiaan Kanagawa

1796 - 1850 Sato Shinan: menganjurkan peluasan kuasa Jepun dan islah-islah dalam negeri untuk melindungi negeri Jepun
1830 - 1859 Yoshida Shoin: menganjurkan pendapat-pendapat yang sama. Berpengaruh

- 1858 Persetiaan Aigun di antara Rusia dan China
 1860 12hb. Oktober
 Peking diduduki oleh askar-askar British dan Perancis
 24hb. Oktober
 Perjanjian Peking dengan Britain } China memberi
 25hb. Oktober } pengeluaran-
 Perjanjian Peking dengan Perancis } pengeluaran
 14hb. November
 Perjanjian Peking dengan Rusia memberikan Rusia
 Wilayah Kelautan
- 1861 Percubaan Rusia menduduki Pulau Tsushima. British
 membantah
- 1863 Raja Kanak-kanak menaiki takhta Korea
 1867 November
 Syogun Keiki meletak jawatan
- 1868 Januari
 Maharaja Meiji memegang kuasa terus ke atas negara:
 Pengambilan kuasa Meiji
 Julai
 Tentangan Tokugawa dihapuskan
 November
 Maharaja berpindah ke Tokyo
- 1871 Persetiaan Tietsin dengan negeri China, ditanda-
 tangani seperti di antara dua pihak yang setaraf
- 1872 Utusan ke Korea gagal
 Perkhidmatan tentera untuk semua (kerahan) di-
 perkenalkan
- 1873 Saigo Takamori menganjurkan tindakan tentera
 terhadap Korea
- 1874 Kebangkitan di Hizen menyokong diadakan perang
 dengan Korea dihapuskan
 April, angkatan ke Formosa
- 1876 26hb. Februari: Persetiaan dengan Korea mengiktiraf
 Korea sebagai bebas dari negeri China dan memberik-
 an Jepun hak-hak perdagangan dan wilayah asing
- 1877 Pemberontakan Saigo Takamori – Pemberontakan
 Satsuma
- 1879 Pulau-pulau Ryukyu digabungkan menjadi sebahagian
 negeri Jepun

- 1880 Pulau-pulau Bonin digabungkan menjadi sebahagian negeri Jepun
- 1882 Perintah Imperial kepada Tentera Darat dan Laut
- 1885 Pelantikan jurulatih tentera berbangsa Jerman
- 1889 11hb. Februari, Perlembagaan Meiji diumumkan secara rasmi
- 1890 Piagam Pelajaran
- 1891 Buku latihan Prussia untuk tentera diterima sebagai asas latihan Tentera Jepun
- 1894 16hb. Julai: Perjanjian Perdagangan Inggeris-Jepun
- 1894 1hb. Ogos: Perang ke atas negeri China diisytiharkan — Perang China-Jepun
- 1895 17hb. April: Persetiaan Shimonoseki

PERISTIWA-PERISTIWA DI KOREA

- 1863 Raja Kojong berumur 12 tahun menaiki takhta
- 1873 Mencapai umur layak memerintah
- 1882 Taiwonkun menyusun pemberontakan yang gagal
- 1884 Disember Parti Progresif diketuai oleh Kim Ok-kiun cuba merampas kuasa
- 1885 Januari Jepun mendapat bayaran ganti rugi
- 18hb. April Perjanjian Li-Ito di antara China dan Jepun
- 1894 Pemberontakan Tonghak
- 10hb. Jun Korea meminta bantuan China
- Askar-askar dihantar
- 25hb. Jun Askar-askar Jepun menduduki Seoul
- 25hb. Julai Kapal *Kowshing* ditenggelamkan
- 1hb. Ogos China dan Jepun mengisytiharkan peperangan
- 1895 17hb. September Persetiaan Shimonoseki
- 8hb. Oktober Rampasan kuasa Viscount Miura
- Permaisuri dibunuh

1896	Februari	Raja mencari perlindungan di Pejabat Perwakilan Rusia
	9hb. Jun	Protokol Yamagata-Lobanov mengiktiraf kedudukan Rusia di Korea
1898	25hb. April	Perjanjian Nishi-Rosen mengiktiraf kepentingan-kepentingan ekonomi Jepun di Korea
1904	8hb. Februari	Jepun menyerang Port Arthur
	10hb. Februari	Perang diisytiharkan
	23hb. Februari	Persetiaan di antara Korea dengan Jepun pada hakikatnya menjadikan Korea sebuah negeri naungan Jepun
1905	5hb. September	Persetiaan Portsmouth menamatkan Perang Rusia-Jepun Keagungan Jepun di negeri China diiktiraf
1910	10hb. Ogos	Korea diilhakkan

1895	23hb. April	Pengantaraan Tigapihak
	November	Jepun menyerah balik Semenanjung Liaotung kepada negeri China
1896	9hb. Jun	Protokol Yamagata-Lobanov mengenai Korea
	21hb. Julai	Perjanjian perdagangan tambahan dengan negeri China
1898	25hb. April	Perjanjian Nishi-Rosen mengenai Korea 'Rebutan mendapatkan Penguluran' oleh Kuasa-kuasa Eropah di negeri China
		Amerika Syarikat mengilhakkan Hawaii dan Filipina
1899	6hb.	Amerika Syarikat menganjurkan Dasar Pintu Terbuka di negeri China
	September	
1900		Kebangkitan Boxer di China dan angkatan tentera asing dihantar ke Peking
1901	7hb. September	

Protocol Boxer

- 904 Februari Meletusnya Perang Rusia-Jepun
- 905 12hb. Ogos Persetiaan Inggeris-Jepun diperbaharui
15hb. September Persetiaan Portsmouth
- 907 10hb. Jun Persetiaan Perancis-Jepun menubuhkan
Pakatan Perancis-Jepun
30hb. Julai. Persetiaan yang sama dengan Rusia,
termasuk perjanjian mengenai lingkungan-lingkungan pengaruh di Manchuria
- 908 18hb. Februari 'Janji percaya mulut' dengan Amerika
Syarikat untuk menghadkan dengan sendirinya hijrahkeluar orang Jepun ke
Amerika Syarikat
30hb. November Perjanjian Root-Takahira dengan
Amerika Syarikat mengenai dasar bersama di negeri China dan di Pasifik
- 910 4hb. Julai Perjanjian Rusia-Jepun untuk bersama
mempertahankan kepentingan-kepentingan mereka di Manchuria dan cadangan
Amerika menjadikan perkhidmatan keretapi di sana sebagai hak antarabangsa (Cadangan-cadangan Knox bulan
November 1909)
- 910 10hb. Ogos Korea diilhakkan.
- 911 24hb. Februari Persetiaan dengan Amerika Syarikat —
autonomi tariff: hijrahkeluar ke Amerika Syarikat dihadkan
13hb. Julai Perikatan Inggeris-Jepun dibaharui
untuk sepuluh tahun lagi
Jepun memperolehi autonomi tarif penuh dan boleh mengenakan tarif pelindung
- 912 8hb. Julai Perjanjian dengan Rusia mengenai lingkungan-lingkungan pengaruh di
Mongolia
30hb. Julai Kemangkatan Maharaja Meiji
Disember Menteri Tentera Darat Uehara menggulingkan kerajaan Saanji dengan cara
enggan berkhidmat dengannya

1914	4hb. Ogos	<p>Jerman menyerang Perancis dari Belgium</p> <p>Perang Dunia Pertama bermula</p>
	15hb. Ogos	Katadua Jepun kepada Jerman mengenai Shantung
	23hb. Ogos	Jepun mengisytiharkan perang terhadap Jerman
	7hb. November	Tsingtao tertawan
1915	7hb. Januari	China menamatkan 'zon perang' di Shantung
	18hb. Januari	Jepun mengemukakan Tuntutan Dua Puluh Satu
	7hb. Mei	Katadua Jepun kepada negeri China mengenai Tuntutan Dua Puluh Satu
	25hb Mei	Perjanjian-perjanjian China-Jepun mengenai tuntutan-tuntutan yang dipinda telah ditandatangani
1917	Mac	Revolusi di Rusia menggulingkan Tsar
	2hb. November	Perjanjian Langsing-Ishii. Amerika Syarikat mengiktiraf kedudukan Jepun di negeri China dan sebagai balasannya Jepun memberi jaminannya mengenai dasar 'Pintu Terbuka' dan kesatuan wilayah China
	6hb. November	Revolusi Bolshevik di Rusia
1918	5hb. April	Tentera Jepun dan British mendarat di Vladivostok
	11hb. November	Tamatnya Perang Dunia I
1919	18hb. Januari	Persidangan Damai dibuka di Paris
	28hb. Jun	Persetiaan Versailles ditandatangani
1920		Jepun menduduki Sakhalin
	17hb. Disember	Menerima bekas pulau-pulau Jerman di Pasifik sebagai mandat dari Liga Bangsa-bangsa

12hb. Februarui 1921 – 6hb. Februari 1922. Persidangan Washington

13hb. Disember 1921 Pakatan Empat Kuasa

6hb. Februari	1922 Persetiaan Sembilan Kuasa mengenai negeri China Persetiaan Lima Kuasa mengenai per- senjataan tentera laut
1924 26hb. Mei	Akta Imigrasi Amerika Syarikat me- nolak kemasukan orang Jepun
1925 20hb. Januari	Perjanjian Rusia-Jepun menyambung semula hubungan diplomatik
Mac	Hak mengundi diberi kepada semua orang lelaki yang berumur lebih dari- pada 25 tahun
Jun 1924	April 1927 Baron Shidehara Kijuro, Menteri Luar
April 1927	Julai 1929 Baron Tanaka Güichi, Per- dana Menteri dan Menteri Luar
Julai 1929	Disember 1931, Baron Shidehara, Men- teri Luar
1927 Mei - Jun	Jepun mengantara di Shantung bagi menghalang tentera Kebangsaan
1928 3hb. - 11 Mei	Peristiwa Tsinan
1929 2hb. Julai	Tanaka meletak jawatan
November	Pertempuran China-Soviet di utara Man- churia
November	Kejatuhan Wall Street (pasaran saham Amerika Syarikat) memulakan Kemele- setan Besar
1930 21hb. Januari -	22hb. April Persidangan Tentera Laut di London
4hb. Oktober	Jepun mengesah Persetiaan Tentera Laut London
14hb. November	Perdana Menteri Hamaguchi ditembak
1931 Mac	Pegawai-pegawai tentera dari puak pe- lampau cuba merampas kuasa
5hb. Ogos	Hamaguchi meninggal dunia

18/19hb. September	Letupan bom di luar bandar Mukden mengakibatkan tindakan tentera oleh negeri Jepun. Peristiwa Manchuria
Oktober	Percubaan rampasan kuasa oleh puak pelampau
1932 Januari	Chang Hsueh-liang dibuang dari Manchuria. Pertempuran di Shanghai
18hb. Februari	Kemerdekaan Manchukuo diisytiharkan
9hb. Mac	Henry Pu-yi ditabalkan sebagai Pemangku Raja
Mei	Penyelesaian peperangan di Shanghai
Mei. 15	Pembunuhan Perdana Menteri Tsyoshi oleh Persaudaraan Darah
1933 27hb. Mac	Jepun mengumumkan tujuannya hendak menarik diri dari Liga Bangsa-bangsa (akan berkuatkuasa selepas dua tahun)
31hb. Mei	Damai-sentara yang ditandatangani di Tangku menamatkan perang di utara China dan mencipta kawasan cegah senjata di timur Hopei di bawah kuasa Jepun
1934 1hb. Mac	Pu-yi diisytiharkan Maharaja Manchukuo yang telah diperluaskan
Disember	Jepun mengisytiharkan tujuannya hendak menarik diri dari perjanjian-perjanjian Tentera Laut London dan Washington
1936 26hb. Februari	Percubaan rampasan kuasa oleh tentera: Peristiwa 26hb Februari
25hb. November	Pakatan Anti-Comintern (Komunis Antarabangsa) Jerman-Jepun
31hb. Disember	Penarikan diri daripada perjanjian-perjanjian tentera laut berkuatkuasa
1937 4hb. Jun	Putera Konoye menjadi Perdana Menteri
7hb. Julai	Meletusnya perang di Lukouchiao - Peristiwa China bermula
13hb. Ogos	Pertempuran di Shanghai
13hb. Disember	Kejatuhan Nanking

1938 26hb. Mac	Akta Kerahan Nasional memberikan kerajaan kuasa yang hampir penuh ke atas kehidupan ekonomi
Julai	Pertempuran dengan Soviet Union di sempadan Manchuria-Korea-Siberia
Julai	Amerika Syarikat mengenakan embargo moral terhadap perdagangan bahan-bahan strategik dengan Jepun
3hb. November	Konoye mengisytiharkan Perintah Baru di Asia Timur
1939 Mei	Pertempuran dengan tentera Soviet di kawasan Nomanhan
Julai	Amerika Syarikat mengumumkan tujuannya hendak memutuskan perjanjian perdagangan tahun 1911
23hb. Ogos.	Pakatan Jerman-Soviet
1hb. September	Jerman melanggar Poland
3hb. September	Britain dan Perancis mengisytiharkan perang ke atas negeri Jerman
September	Perang di Nomanhan ditamatkan
1940 9hb. April	Jerman menduduki Denmark dan melanggar Norway
10hb. Mei	Pelanggaran Jerman ke atas Eropah Barat bermula
Mei	Jepun meminta jaminan bekalan minyak dari Hindia Timur Belanda
22hb. Jun	Perancis dan Jerman menandatangani gencatan senjata
Julai	Perjanjian perdagangan antara Amerika Syarikat dan Jepun berakhir
30hb. Ogos	Negeri Perancis bersetuju agar Jepun menggunakan kemudahan-kemudahan di utara Indo-China
September	Rundingan-rundingan bermula dengan Kerajaan Hindia Timur Belanda mengenai kemudahan menggunakan punca-punca kekayaan
22hb. September	Askar-askar Jepun mula memasuki Indo-China Perancis

	27hb. September	Pakatan Tigapihak dengan Jerman dan Itali	
	12hb. Oktober	Persatuan Bantuan Pemerintahan Imperial diisytiharkan	19
1941	13hb. April	Pakatan Perkecualian dengan Soviet Union	
	Jun	Rundingan-rundingan dengan Hindia Timur Belanda berakhir dengan kegagalan	19
	22hb. Jun	Jerman melanggar Soviet Union	
	23hb. Jun	Kerajaan Perancis mengumumkan bahawa ia telah bersetuju dengan memasukkan askar-askar Jepun ke selatan Indo-China	
	24hb. Jun	Askar-askar Jepun memasuki selatan Indo-China	
	26hb. Jun	Amerika Syarikat membeku harta-harta Jepun dan mengenakan embargo ke atas barang-barang strategik, termasuk minyak	
	6hb. Ogos	Cadangan Jepun -- tidak akan mara melebihi Indo-China dan akan mengundur diri dari Indo-China apabila perang dengan China telah tamat	
	5hb. November	Persidangan Imperial meluluskan perang jika gagal percubaan terakhir untuk mengadakan rundingan	
	26hb. November	Amerika Syarikat mencadangkan syarat-syarat yang tidak dapat diterima oleh Jepun	
	7/8hb. Disember	Serangan Jepun ke atas Pearl Harbour dan lain-lain pengkalan Amerika dan British	
1942	15hb. Februari	Singapura menyerah diri	
	9hb. Mei	Tentangan Amerika yang terakhir tamat di Filipina (Corregidor)	
	7hb. Mei	Pertempuran Laut Coral	
	4-7hb. Jun	Pertempuran Midway	

- 12hb. Jun Jepun menduduki Attu di Pulau-pulau Aleutian. Penaklukan Jepun berada pada peringkat paling meluas
- 943—45 Pihak Berikat memaksa tentera Jepun di New Guinea, Pasifik dan Burma berundur
- 945 8hb. Mei Kemenangan pihak Berikat di Eropah, Jerman dikalahkan
- 6hb. Ogos Bom atom memusnahkan Hiroshima
- 8hb. Ogos Soviet Union mengisytiharkan perang terhadap Jepun
- 9hb. Ogos Bom atom digugurkan di Nagasaki
- 10hb. Ogos Tawaran Jepun menyerah diri
- 14hb. Ogos Jepun menyerah diri atas syarat-syarat pihak Berikat

RUJUKAN

1. C.R. Boxer, *Jan Compagnie in Japan*, Oxford University Press, Tokyo, 1968, ms. 185-7.
2. Dipetik dari Harold M. Vinacke, *A History of the Far East in Modern Times*, Allen & Unwin, London, 1967, ms. 127.
3. Dipetik dari *Ibid*, ms. 183.
4. Doktrin Monroe, diberi nama sempena nama Presiden Amerika Syarikat ketika itu, diisytiharkan dalam bulan Disember 1823 dan menyatakan bahawa bumi Amerika Utara dan Selatan bukan lagi merupakan kawasan untuk penjajahan Eropah. Sebarang cubaan untuk berbuat demikian akan dianggap oleh Amerika Syarikat sebagai tindakan permusuhan. Menjelang akhir kurun, Amerika Syarikat terutama sekali di bawah Presiden Theodore Roosevelt, mula mentafsirkan Doktrin Monroe ini sebagai memberikannya kepentingan yang istimewa di Amerika Latin, seolah-olah seperti lingkungan pengaruh.
5. David Bergamini, *Japan's Imperial Conspiracy*, Panther, London, 1972, ms. 6.
6. Geoffrey Blainey, *The Causes of War*, Macmillan, London, 1973, ms. 164-79, membincang mengenai serangan-serangan Jepun ke atas Port Arthur dan Pearl Harbour sebagai sebahagian dari bab yang bertajuk 'The Myth of Pearl Harbour'.
7. Christopher Thorne, *The Limits of Foreign Policy*, Macmillan, London, 1973, ms. 32.
8. Dipetik dari Arthur Tiedmann, *Modern Japan*, Van Nostrand (Anvil Books), Princeton, 1962, ms. 72.
9. Dipetik oleh Richard Storry, *Times Literary Supplement*, 12hb. Mei 1978 dalam majalah Saburo Shiroyama, *War Criminal: The Life and Death of Hirota Koki?* diterjemahkan oleh John Bester, Kodansha, Tokyo dan New York.
10. Bergamini, op. cit., ms. 412, 685 & 801.

11. *Ibid.*, ms. xxvi.
12. John Toland, *The Rising Sun: The Decline and Fall of the Japanese Empire, 1936-1945*, Cassell, London, 1971, ms. 23.
13. Richard Storry, *A History of Modern Japan*, Penguin, Harmondsworth, 1963, ms. 182-5.

BACAAN LANJUT

- Beasley, W.G., *The Modern History of Japan*, Weidenfeld & Nicolson, London, 1973.
- Storry, Richard, *A History of Modern Japan*, Penguin, Harmondsworth, 1963.
- Nish, Ian, *The Story of Japan*, Faber, London, 1968.
- Kennedy, Malcolm D., *A Short History of Japan*, Mentor, New York, 1963. Juga diterbitkan dalam kulit keras di bawah tajuk *A History of Japan* oleh Widenfeld & Nicolson, London, 1963. Sejarah umum yang menyeluruh.
- Tiedemann, Arthur, *Modern Japan; A Brief History*, Van Nostrand (Anvil Books), Princeton, 1962. Bacaan yang didapati berharga.
- Vinacke, Harold M., *A History of the Far East in Modern Times*, Allen & Unwin, London, 1967. Maklumat mengenai Korea, Manchuria dan hubungan dengan China sangat berharga.
- Thorne, Christopher, *The Limits of Foreign Policy: The West, The League and the Far Eastern Crisis of 1931-1933*. Macmillan, London, 1973. Bab 3. 'The Setting in the Far East' adalah bacaan yang berharga.
- Lebra, Joyce C., *Japan's Greater East Asia Co-Prosperity Sphere in World War II: Selected Readings and Documents*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975.
- Feis, Herbert, *The Road to Pearl Harbour: The Coming of War Between the United States and Japan*, Princeton University Press, Princeton, 1950.

Li, Lincoln, *The Japanese Army in North China 1937-1941: Problems of Political and Economic Control*, Oxford University Press, Tokyo, 1975. Bab 1, 'Japan's China Policy' adalah bacaan yang berharga.

Bergamini, David, *Japan's Imperial Conspiracy*, Panther, London 1972. Juga diterbitkan dalam kulit keras oleh Heinemann, London, 1971. Buku yang kontroversial dan susah dibaca, tetapi pelajar akan mendapati buku ini sangat menarik dan memuaskan.

